

[Senarai nama Ahli Parlimen dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan pada muka surat terakhir]

\*\*\*\*\*

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 22 Julai 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PERMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat – Penambahan Hari**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis menurut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat supaya mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang ditambah selama dua hari lagi iaitu pada hari Isnin, **26 Julai 1999** dan Selasa, **27 Julai 1999** untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 – Y.B. Datuk Mansor bin Masikon (Batu Pahat) tidak hadir.]*

2. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah kutipan tol setakat ini baik dalam ramalan mahupun kutipan sebenar bagi jalan-jalan dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Cheras, Lebuhraya Timur-Barat (East-West Link), Jalan Pahang, Jalan Kuching dan Lebuhraya Sungai Besi.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kutipan tol sebenarnya dari tahun 1992 hingga 30 Jun 1999 bagi Jalan Pahang, Jalan Cheras, Lebuhraya Timur-Barat dan Lebuhraya Sungai Besi yang dikendalikan oleh Metramex Coperation Sdn. Bhd. adalah sebanyak RM277.77 juta berbanding dengan ramalan kutipan sebanyak RM338.43 juta. Manakala jumlah kutipan tol sebenarnya bagi Jalan Kuching yang dikendalikan oleh Kamunting Coperation Berhad sejak ianya beroperasi dari tahun 1987 sehingga 30 Jun 1999 ialah RM245,489,115.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian Yang Berhormat kerana menjadikan Malaysia negara yang mempunyai jalan-jalan bertol terbanyak sekali di dunia ini. *[Ketawa]* Ini adalah satu rekod yang sukar mendapat saingan daripada mana-mana negara yang lain. Walhal Petronas Twin Tower kedudukannya sebagai bangunan yang tertinggi dalam dunia tidak lama lagi akan dipegang olehnya kerana bangunan-bangunan yang lebih tinggi akan dibina di negara-negara yang lain. Soalan saya, dengan melanjutkan tempoh konsesi Kamunting Corporation telah diselamatkan oleh Jalan Kuching, sama juga Renong diselamatkan oleh PLUS, apakah benar Syarikat Metacorp yang diberikan konsesi untuk jalan bertol Jalan Cheras, East-West Link Jalan Pahang di Kuala Lumpur ini juga telah mengemukakan satu permohonan untuk melanjutkan tempoh konsesi selama 20 tahun.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memungut pandangan dari orang ramai mengenai cadangan beberapa jalan bertol dan lebuhraya di negara ini adalah dialu-alukan. Tetapi hasilnya tidak akan meyakinkan rakyat Malaysia. Sekiranya pungutan pandangan itu dijalankan bukan secara adil dan jujur kerana untuk memastikan pandangan diterima oleh orang ramai adalah adil dan jujur semua konsesi lebuhraya swasta perlulah diketahui umum. Tanpa mengetahui isi kandungannya macam mana mereka yang ditemu duga boleh memberikan

pandangan dan ulasan yang baik dan menyeluruh. Maka adakah kementerian memastikan semua isi kandungan konsesi lebuhraya bertol diumumkan sebelum opinion poll ini berjalan, dan juga mengapakah bukan semuanya lebuhraya bertol akan menerima pandangan daripada rakyat baik pun yang dicadangkan atau sedang berjalan.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak soalan ini ada dua perkara. Yang pertama dia bertanya soal mengapa Kamunting Corporation disambung konsesinya daripada 9 tahun kepada 14 tahun. Yang saya ingat ini disebabkan pada waktu itu apabila konsesi tamat pada tahun 1996 banyak kerja sampingan yang telah diadakan oleh kerajaan supaya Kamunting Corporation membina seperti membuat laluan motosikal sepanjang Jalan Kuching, membina jejambat di persimpangan Jalan Kepong, melebarkan sungai di Sungai Jinjang dan melebarkan jalan di lintasan kereta api Segambut dan pelbagai lagi kerja-kerja kecilan.

Jadi, sama ada Syarikat Metramex juga minta sambung atau tidak saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat dan Dewan ini bahawa setakat ini kami tidak menerima apa-apa permohonan untuk syarikat ini meminta sambung konsesi, bukan kepada Kementerian Kerja Raya, barangkali kepada agensi lain. Itu jawapan kepada soalan pertama.

Yang kedua, mengapakah pungutan suara tidak dibuat secara menyeluruh kepada semua konsesi. Memang kalau hendak ikut kehendak pembangkang susahlah, kerana kita mahu kita ajar orang bagaimana hendak bantah apabila kita membuat pungutan suara. Lagi pun yang berlaku bantahan di dalam bandar, bukan di luar bandar. Kalau kita hendak pergi sampai Kulim-Butterworth, sampai ke Utara-Selatan hendak tanya semua 'you hendak jalan bertolkah' supaya kerajaan boleh buat, susahlah.

Jadi, soalnya sekarang apabila ada bantahan kita ambil perhatian dan prihatin tentang kemahuan rakyat. Lagi pun pihak EPU yang telah menjalankan perception study ini yang sedang dibuat sekarang ini belum mendapat keputusan

muktamad. Soal apakah pandangan yang sebenar daripada masyarakat yang suka atau tidak suka soal jalan bertol dari mana ke mana, di bandar atau luar bandar, jadi kita masih tunggu keputusan yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Itu jawapannya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah terma-terma syarikat dengan concessionaire ini yang berpandu kepada melindungi hak pengguna jalan raya yang menguntungkan pengguna-pengguna jalan raya dan kenapakah perjanjian-perjanjian concessionaire ini tidak dikemukakan kepada orang ramai termasuk Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Konsesi sudah berjalan sejak lama. Kalau kita hendak dapatkan pandangan dari seluruh orang ramai apa yang kita boleh buat. Ini adalah urusan antara pihak syarikat dan kerajaan, dan kerajaan yang dipilih oleh rakyat bertanggungjawab untuk meluahkan dan melahirkan kehendak rakyat. Jadi, apa yang kerajaan buat itu semuanya menyuarakan hati rakyat. Jadi, tidak payahlah kita rujuk kepada sesiapa. MP Barisan Nasional pun kita tidak rujuk, apatah lagi pembangkang.

*[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Haji Noh bin Omar (Tanjong Karang) tidak hadir]*

*[Soalan No. 4 – Y.B. Puan Hajjah Rohani binti Abd. Karim (Santubong) tidak hadir]*

5. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan :-

- (a) bagaimanakah keadaan inflasi di negara kita; dan
- (b) adakah Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat atau menurun dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini jika dibandingkan dengan tahun lalu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu mengenai keadaan inflasi di negara kita dan indeks harga pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, petunjuk yang biasa digunakan bagi menggambarkan keadaan inflasi sesebuah negara ialah indeks harga pengguna iaitu IHP. IHP tahunan negara telah menurun kepada 2.7% pada tahun 1997 berbanding dengan 3.5% pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, ia telah meningkat kepada 5.3% pada tahun 1998. Ini berikutan kesan kejatuhan mata wang kita berbanding dengan mata wang rakan dagang utama negara khususnya Amerika Syarikat. Namun begitu IHP negara kita pada tahun 1998 adalah lebih rendah berbanding dengan beberapa negara lain seperti Thailand 95%, Filipina 10% dan Indonesia 60%.

Kementerian ini memantau secara dekat perkembangan IHP khususnya yang melibatkan barang makanan dan barang-barang tertentu terutamanya barang-barang dalam senarai barang harga terkawal. Di samping itu, aktiviti penguatkuasaan sentiasa dilakukan bagi mendorong peniaga-peniaga tidak menaikkan harga barang-barang secara tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Indeks Harga Pengguna (IHP) negara kita bagi tempoh enam bulan tahun ini berbanding dengan tahun lalu, ia adalah 3.3% lebih tinggi berbanding dengan indeks bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Walaupun bagaimanapun, kadar IHP menunjukkan arah aliran peningkatan yang semakin menurun mulai awal tahun 1999 iaitu 5.2% pada bulan Januari 1999 kepada 2.1% dalam bulan Jun tahun ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Selain daripada faktor seperti kegawatan ekonomi, saya tadi dengar jawapan daripada Yang Berhormat menyatakan bahawa IHP sebanyak 3.3% lebih tinggi kalau dibandingkan dengan tahun yang lepas dalam tempoh yang sama.

Sebenarnya kita telah pun menjalankan banyak kempen termasuk Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dan sebagainya untuk kita membantu supaya kadar inflasi tidak begitu tinggi.

Jadi, selain daripada fakta kegawatan ekonomi ini, adakah sebab-sebab yang lain mengapa masih sebanyak 3.3% lebih tinggi kalau dibandingkan dengan tahun yang lepas. Sekian, terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan sebanyak 3.3% dalam IHP bagi tempoh Januari hingga 1999 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas adalah disebabkan oleh Indeks bagi tujuh kumpulan utama iaitu, makanan sebanyak 5.4%, minuman dan tembakau sebanyak 9.8%, perbelanjaan lawatan, perubatan dan kesihatan sebanyak 3.8%, perkhidmatan rekreasi hiburan, pelajaran dan kebudayaan sebanyak 3.6%, pelbagai barang dan perkhidmatan sebanyak 2.4%, perabot hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah sebanyak 2.2% dan sewa kasar bahan api dan kuasa sebanyak 2.1%.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Indeks bagi kumpulan pakaian dan kasut pun telah mencatatkan penurunan sebanyak -1.9% dan manakala pengangkutan dan perhubungan tidak berubah.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Kluang iaitu Kempen Belilah Barangan Tempatan merupakan satu cara yang berkesan untuk mengurangkan kadar inflasi negara kita kerana sejak bulan Julai 1997, oleh kerana kejatuhan mata wang negara kita kebanyakan barang-barang yang diimport harganya adalah mahal. Oleh itu, pengguna digalakkan membeli barangan buatan Malaysia.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah langkah fiskal kerajaan masih tidak berjaya menyekat kenaikan kadar inflasi di negara ini.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah jawab bahawa oleh kerana kejatuhan mata wang negara kita dan ini telah menyebabkan barang-barang yang diimport adalah lebih mahal. Kalau kita lihat pada tahun 1997, kadar

IHP adalah 2.7% jika berbanding dengan tahun 1996 iaitu 3.5%. Ini bermakna kadar inflasi kita terkawal kecuali oleh kerana negara kita menghadapi krisis ekonomi dan kejatuhan mata wang kita ini telah menyebabkan kadar inflasi meningkat sedikit pada tahun 1998. Tetapi mulai bulan Januari tahun 1999, IHP ialah 5.2% tetapi pada bulan Jun tahun ini telah menurun sehingga 2.1%. Ini telah membuktikan bahawa kadar inflasi kita masih terkawal jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Thailand, Filipina dan Indonesia.

6. **Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang kejayaan kementerian berkenaan dengan rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan untuk membangun tanah pertanian yang terbiar secara komersial memandangkan negara kita masih mengimport kira-kira RM10 bilion bahan makanan setiap tahun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, pasaran pembangunan tanah pertanian yang terbiar bukan sahaja melibatkan Kementerian Pertanian tetapi juga beberapa pihak lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pihak kerajaan-kerajaan negeri.

Usaha pihak-pihak yang berkenaan yang terlibat seperti KESEDAR, Pertubuhan Peladang Negeri, FELCRA, swasta dan petani telah menghasilkan banyak projek pertanian dijalankan di atas tanah pertanian yang terbiar itu.

Kerajaan negeri telah berusaha memulihkan tanah-tanah ini dengan menyediakan infrastruktur serta menyediakan kemudahan input bagi membantu pembangunan tanah berkenaan. Di antara tanah-tanah yang diusahakan ialah seperti berikut:-

- (i) penanaman semula tanaman kekal biji getah, kelapa sawit, koko dan buah-buahan;
- (ii) tanaman padi;
- (iii) padang ragut;
- (iv) tekanan air;

- (v) tanaman sayur-sayuran; dan
- (vi) tanaman kontan biji jagung, kacang tanah, tebu dan cili.

Sehingga kini lebih kurang 60,000 hektar tanah pertanian terbiar telah diusahakan. Usaha-usaha ini akan dipertingkatkan lagi dan beberapa program khas akan diwujudkan di bawah Dasar Pertanian III untuk mengembalikan tanah-tanah pertanian terbiar itu untuk pengeluaran makanan. Terima kasih.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Kita berterima kasih kepada kerajaan ataupun kementerian kerana dapat merancang untuk membangun tanah-tanah terbiar. Di sini saya ingin bertanya, memandangkan di negeri Sarawak sebuah negeri yang begitu besar, ada tanah adat berjumlah 1.5 million hektar, adakah kementerian bercadang untuk berunding dengan negeri Sarawak supaya dapat memajukan tanah adat ini atau dengan izin, Native Customery Land Right supaya dapat membantu petani-petani khususnya Orang Asli di sana memajukan tanah ini dan dapat membantu mereka meningkatkan taraf sosio ekonomi, memandangkan tanah yang seluas 1.5 million hektar ini adalah tanah yang boleh digunakan untuk penanaman kelapa sawit, jagung dan padi.

Apakah kementerian bercadang untuk melibatkan pihak swasta untuk berunding dengan negeri Sarawak.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memanglah pihak kementerian sedang berusaha untuk berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri telah berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak agar dimajukan kawasan tanah adat seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Persoalannya adalah dari segi terms, mungkin kita dapat rundingkan, malahan kita telah mengarahkan pihak BERNAS mengadakan taman padi yang melibatkan lebih kurang 900 hektar dan sedang diusahakan lebih kurang 150 hektar. Jadi, kita telah usahakan dan juga pihak swasta telah digalakkan untuk

mencebur diri dalam membangunkan tanah adat ini dan insya-Allah, kita akan mengambil tindakan untuk memajukan tanah terbiar tersebut. Terima kasih.

**Tuan Amihamzah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dari masa ke semasa kerajaan negeri mengeluarkan ataupun melupuskan tanah kerajaan kepada pemilik-pemilik. Jadi, adakah kementerian memantau dari segi kelulusan keluasan tanah ini dan kita dapati pula dari masa ke semasa, tanah-tanah yang dikeluarkan hak milik dari segi pertanian ditukar milik atau di'converted', tukar syarat kepada perumahan dan juga perindustrian dan sebagainya.

Jadi, adakah kementerian melihat dari segi penggunaan tanah ini sama ada ia berkurangan untuk pertanian ataupun ia bertambah? Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Lipis. Kerajaan Negeri Pahang telah mengadakan satu program untuk memajukan tanah walaupun tanah terbiar dan juga tanah-tanah kerajaan. Dalam hal ini, pihak swasta telah dipanggil untuk menyertainya dan telah pun menjalankan beberapa program.

Persoalannya ialah, sama ada kementerian memantau tukaran hak milik tanah, dalam perkara ini Kementerian Pertanian dan juga kerajaan negeri telah memutuskan bahawasanya hanya tanah yang diberi keutamaan atau yang diberi hak milik itu hanya dilakukan atau ditanam dengan apa yang telah dinyatakan dalam syarat-syarat yang telah ditentukan dan pihak kementerian juga pihak kerajaan negeri akan terus berusaha dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menentukan segala apa yang telah dinyatakan oleh mereka yang memohon hak milik tanah ini dilakukan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

*[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran] tidak hadir]*

**8. Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Penerangan menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk memastikan rancangan Radio Bahasa Iban dapat didengar di seluruh Sarawak dengan jelas.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sedar bahawa penerimaan siaran rangkaian Iban kurang memuaskan. Oleh itu dalam tahun 1995 tindakan telah diambil untuk mempertingkatkan kemudahan kepada orang ramai dengan mengadakan projek pemasangan 100 KW Short Wave transmitter, dengan izin, bernilai RM5 juta untuk dipancarkan ke seluruh negeri Sarawak. Namun demikian, tindakan ini belum lagi dapat mengatasi masalah penerimaan rancangan sepenuhnya. Kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang belum diliputi siaran untuk dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

**Tuan Jimmy Donald:** Soalan tambahan, apakah langkah-langkah yang akan ataupun telah diambil kementerian untuk menambahkan lagi masa siaran untuk bahasa Iban oleh kerana di Sarawak, kadang-kadang bahasa Iban ini digunakan seperti *lingua franca*, orang-orang hulu pun, orang dari kaum Cina pun mendengar bahasa Iban ini. Jadi, rancangan bahasa Iban ini sangatlah disukai oleh orang di sana.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa rancangan bahasa Iban mendapat sambutan pihak ramai dan oleh kerana itu RTM Sarawak telah menyiarkan rancangan dalam bahasa Iban melalui rancangan Nasional RTM Kuching mulai bulan Mac yang lalu pada jam 10.45 pada setiap Isnin hingga Khamis. Kemudian rancangan ini disambung siar oleh Rancangan Nasional Kuala Lumpur iaitu radio satu untuk siaran seluruh negara.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh :** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan tempat di Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar memang reception atau pendengaran radio bahasa Iban atau bahasa lain.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tidak berapa dengar, Yang Berhormat. Tidak berapa jelas, pembesar suara.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan tempat di Sarawak terutamanya di kawasan luar

bandar reception atau pendengaran radio bahasa Iban atau bahasa Melayu atau bahasa lain memang kurang jelas. Jadi yang penting sekali ialah program bahasa Iban dalam program Selamat Pagi Sibul, Selamat Pagi Kuching dan Selamat Pagi Sri Aman yang menggunakan telefon untuk memberi pesanan yang amat berat misalnya pesanan saudara-mara yang sakit di hospital dan sebagainya. Jadi, kebanyakan di luar bandar di mana tidak dapat dihubungi oleh telefon, apakah tindakan oleh kerajaan dalam perkara ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada rancangan di bawah RMK7 kerajaan juga hingga tahun 2000 akan menambahkan peruntukan RM2 juta untuk membina stesen pemancar FM di Sarawak, selain daripada beberapa peruntukan yang saya sebut Rancangan Malaysia Ketujuh lebih RM18 juta sedang dalam proses dan ini boleh membantu agar FM di Sarawak dapat lebih efektif. Terima kasih.

**9. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah rancangan-rancangan luar bandar yang dilaksanakan setakat ini berjaya membandarkan penduduk-penduduk desa dan adakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk membolehkan mereka yang masih tertinggal turut menikmati kemudahan-kemudahan yang kini diperolehi oleh penduduk bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, usaha-usaha yang terancang untuk membangunkan luar bandar telah dimulakan sejak merdeka sehingga masa kini. Ini termaktub dalam dokumen-dokumen Rancangan Malaysia Lima Tahun, Rancangan Jangka Panjang I dan II. Rancangan-rancangan Kerajaan Barisan Nasional ini telah berjaya meningkatkan taraf sosial ekonomi penduduk luar bandar dari aspek-aspek infrastruktur asas, pendekatan penempatan dan penurunan kadar kemiskinan.

Antara petunjuk-petunjuk peningkatan kualiti hidup luar bandar ialah:-

- Liputan Bekalan Air Luar Bandar sehingga tahun 1998 ialah 95% di Semenanjung Malaysia berbanding 78.4% dalam tahun 1990. Bagi Sabah dan Sarawak, liputan Bekalan Air Luar Bandar adalah dalam lingkungan 63%.
- Bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar pula telah meningkat kepada hampir 98% di Semenanjung Malaysia; 76% di Sabah dan 84% di Sarawak.
- Bagi kadar termiskin pula telah menurun dari 5.2% pada tahun 1990 kepada 2.5% pada tahun 1997, manakala kadar kemiskinan telah menurun daripada 21.8% pada tahun 1990 kepada 10.9% pada tahun 1997.

Untuk Rancangan Jangka Panjang, kerajaan akan terus memperhebatkan lagi pelaksanaan program Pembangunan Luar Bandar berdasarkan falsafah dan strategi baru Pembangunan Luar Bandar ke arah 2020. Ini bagi memastikan luar bandar tidak ketinggalan berbanding dengan kawasan dan masyarakat bandar dari semua aspek kehidupan, pendapatan dan kemudahan infrastruktur. Antara program yang sedang dipergiatkan ialah penyusunan semula kampung-kampung, peningkatan penyeliaan infrastruktur berkualiti, gerakan desa wawasan, pembangunan ekonomi yang mampan melalui penggalakan pertanian komersial dan kepelbagaian aktiviti ekonomi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih kepada Datuk Setiausaha Parlimen memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini usaha-usaha dan tindakan kerajaan untuk membela orang luar bandar menyelesaikan masalah prasarana api, air dan semua sekali. Saya hendak bertanya, Kelantan sebagai contoh, dia bercakap sahaja, di Kelantan macam mana? Saya difahamkan di Kelantan paling tinggi yang miskin, sebab kerajaan yang ada hanya bercakap sahaja tetapi tidak ada tindakannya. Saya hendak bertanya adakah benar?

Yang keduanya dari segi satu pendekatan baru, ini satu lagi usaha kerajaan yang baru. Buat sudah cantik, yang cantik kita hargai tetapi PAS yang cantik tidak payah dia kata.

**Seorang Ahli:** Rompin banyak hutan. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya pendekatan baru ini tadi tentang Kelantan adakah benar yang paling.....

**Seorang Ahli:** Orang Asli..

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....yang paling termiskin...

**Seorang Ahli:** Orang Asli ramai di Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....ramai yang miskin di Kelantan dibanding dengan negeri-negeri di Malaysia. Yang keduanya, satu strategi baru lagi, lagi usaha baru kerajaan tadi menggunakan untuk PPRT, untuk menggunakan agensi yang berjaya yang ada sumber kewangan yang tinggi seperti FELDA untuk menganak angkat mereka ini di bawah PPRT, minta sedikit pandangan Datuk Setiausaha Parlimen.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin. Memang apabila kita tengok dalam laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh kita dapat nampak, saya fikir wakil-wakil rakyat dari PAS sudah baca, bahawa negeri yang mana kadar kemiskinannya paling tinggi adalah negeri Kelantan *[Tepuk]* dengan 19.2%.

**Seorang Ahli:** Tahniah, tahniah.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Mengenai soalan yang kedua iaitu mengenai pendekatan yang baru, memang kementerian dan Kerajaan Barisan Nasional dari masa ke semasa mencari jalan pendekatan yang baru bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah rakyat termiskin khasnya rakyat yang tidak berupaya bekerja, unproductive, dengan izin. Jadi baru-baru ini kerajaan telah memutuskan bahawa kita mengadakan satu program iaitu memberi program sara hidup di mana sesuatu keluarga rakyat termiskin itu akan diberi RM250 sebulan.

Jadi, peruntukan ini adalah dibantu oleh agensi FELDA dan RISDA kerana kedua-dua agensi ini telah berjaya, jadi mereka akan menyumbang kepada usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Parit Buntar.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Urbanisasi ataupun perbandaran tadi kalau ikut kajian yang dilaksanakan dalam banyak negara sepatutnya meningkatkan produktiviti dan daya saing ataupun competitiveness, jadi saya ingin tahu sama ada trend ini terdapat di negara ini setelah kita dapat memperbandarkan penduduk-penduduk luar bandar.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat, memang kalau kita lihat petunjuk-petunjuk tadi dan petunjuk sosial-ekonomi yang lain memang jelas dan nyata bahawa produktiviti di luar bandar meningkat, tetapi itu belum memuaskan maka dalam falsafah dan strategi baru Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita akan mempergiatkan aktiviti untuk meningkatkan produktiviti dengan memberi penekanan kepada pembangunan manusia, kerana dalam pandangan kementerian kalau masyarakat faham apa harus dibuat untuk meningkatkan produktiviti dan mengambil peluang yang sedia ada dan menangkis segala tipu helah dari parti pembangkang jadi kita percaya penduduk luar bandar akan meningkatkan produktiviti mereka dan boleh meningkat lebih-lebih lagi lebih kompetitif.

**10. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah rasional, justifikasi, kepentingan dan status undang-undang serta keutamaan nasional liputan media elektronik kerajaan menyiarkan Perhimpunan Umno selama tiga-empat hari baru-baru ini sedangkan penyiaran tersebut telah melibatkan cukai yang dikutip daripada rakyat.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di Pertua, negara kita kini berada dalam keadaan di mana rakyat amat memerlukan keterbukaan dan penjelasan kepada beberapa isu semasa yang kebanyakannya diperdebatkan dalam perhimpunan itu. RTM sebagai media elektronik kerajaan adalah

bertanggungjawab memberi peluang kepada rakyat mengikuti debat ini supaya mampu menilai dan membuat rumusan sendiri atas isu-isu yang dibincangkan. Langkah ini patut dialu-alukan kerana banyak maklumat disampaikan kepada rakyat supaya setimpal dengan bayaran cukai oleh rakyat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sesuai dengan Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia 1999, [*Ketawa*] yang telah diluluskan di dalam Parlimen ini, pada minggu yang lepas apakah .... [*Disampuk*]

**Seorang Ahli:** Wanita cantik ada hak?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ....akan memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin parti politik pembangkang masa untuk berucap mengemukakan manifesto masing-masing sekadar 15 minit seorang menjelang pilihan raya akan datang sebelum RTM diswastakan? Minta memberi jawapan yang memuaskan. [*Ketawa*]

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak benarkan pembangkang gunakan television untuk manifesto, radio bolehlah kita timbangkan. Semalam saya sebut di Dewan yang mulia ini, kalau pembangkang hendak adakan stesen radio mereka sendiri dia boleh buat permohonan dan kita boleh timbang permohonan lesen ini. Saya hendak sebut juga mengenai hak asasi ini, Perhimpunan Agung UMNO ini banyak mendapat permintaan daripada orang ramai, ini bersabit hak asasi juga. Jadi, oleh kerana banyak permohonan jadi, kita kena siarkan. Muktamar PAS tidak ada permintaan langsung, jadi kita tidak siarkan. [*Ketawa*].

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga seorang pembayar cukai jadi, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa RTM tidak melaporkan secara adil kerana tanggungjawab ini patut dilakukan oleh RTM tentang dakyah-dakyah yang dilakukan oleh pihak PAS sendiri. Saya simpati dengan masyarakat rakyat Malaysia yang keliru dengan petua-petua PAS dan saya nampak TV3

sahaja yang berani melaporkan bahawa PAS, orang Cina yang mati pun dia kacau, gantung bendera-bendera PAS di jirat-jirat Cina. Jadi, disamping itu juga .....  
*[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** UMNO gantung.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Di samping itu juga kita dapat faham bahawa apa perlunya pihak RTM melaporkan muktamar PAS sedangkan wartawan sendiri tidak dibenarkan masuk ke muktamar berkenaan.....

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Jadi, apakah tindakan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri adakah berhasrat untuk menjelas dan mengulas untuk membetulkan semula sebahagian daripada pemikiran masyarakat kita yang telah dikelirukan oleh PAS ..... *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Ini juga adalah hak asasi manusia.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Ini juga adalah hak asasi manusia.

**Seorang Ahli:** Pilihan raya ini kalahlah, Arau kalahlah.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, inilah kerja stesen kerajaan. Kita jenuh sungguh setiap kali PAS memutarbelitkan isu termasuk agama, ayat-ayat suci Al-Quran jenuh stesen kerajaan memperbetulkannya. Jadi, hendak minta nasihat PAS jangan buat lagilah. Kita pun letih sangat hendak betulkan benda ini.

*[Soalan No. 11 – Y.B. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]  
tidak hadir]*

**12. Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kejayaan 'Ops Bungkus' yang dijalankan oleh pihak kementeriannya. Juga minta dinyatakan adakah Ops ini akan diperkembangkan ke seluruh negara. Jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, ‘Ops Bungkus’ adalah operasi bagi membanteras aktiviti-aktiviti cetak rompak yang dijalankan oleh Pasukan Petugas Khas Hakcipta yang ditubuhkan di kementerian ini. Melalui operasi tersebut, tindakan pemeriksaan dijalankan secara bersepadu dengan melibatkan pelbagai agensi lain yang berkaitan. Sejak ‘Ops Bungkus’ dimulakan pada 1 April 1999 hingga 10 Julai 1999, sebanyak 5,571 pemeriksaan telah dijalankan, di mana 1,130 tindakan kes diambil oleh pihak kementerian ke atas peniaga-peniaga yang terbabit mengikut pelbagai akta yang dikuatkuasakan. Tindakan-tindakan ini melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM4.60 juta.

Secara keseluruhannya, tindakan yang tegas dan konsisten melalui ‘Ops Bungkus’ telah berjaya menyekat dari merebaknya kegiatan cetak rompak. Walaupun demikian, kejayaan sepenuhnya adalah bergantung kepada pengguna sendiri, kerana selagi ada permintaan terhadap barangan cetak rompak, selagi itulah akan wujud aktiviti yang tidak sihat ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pelaksanaan ‘Ops Bungkus’ ini adalah meliputi seluruh negara.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa ops ini lebih menumpukan kepada cetak rompak, adakah pihak kementerian sedar bahawa ada juga pita-pita rakaman yang tidak mempunyai pencetak dijual di pasar-pasar malam terutama yang berkait dengan dakyah-dakyah yang boleh mempengaruhi pemikiran negatif masyarakat yang dibawa oleh parti pembangkang. Adakah pihak kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan pendekatan bersepadu dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan menghapuskan kegiatan-kegiatan begini?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, pita rakaman atau kaset yang dikeluarkan oleh pihak parti pembangkang, jika mengandungi ucapan berupa fitnah atau isu-isu sensitif perkauman, jika terdapat kaset-kaset yang tidak

mempunyai tanda perlabelan seperti nama pengeluar, pembekal dan alamatnya, kementerian ini boleh ambil tindakan di bawah Perintah Kawalan Harga 1980 atau Akta Perihal Dagangan 1972 dan pihak polis juga di bawah Kementerian Dalam Negeri boleh mengambil tindakan terhadap pihak yang mengeluarkan rakaman kandungan ucapan yang tadi saya kata mengandungi fitnah dan isu-isu sensitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Pasukan Petugas Khas Hakcipta yang ditubuhkan di kementerian ini pemeriksaan sentiasa dijalankan dan agensi-agensi kerajaan lain pun ada terlibat seperti pihak polis, kastam dan eksais diraja, Finas dan agensi-agensi kerajaan lain, di mana pihak yang melanggar akta-akta yang saya sebut, tindakan terus diambil.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun parti-parti pembangkang jika yang mengeluarkan kaset atau pita rakaman yang mengandungi isu-isu berupa sensitif atau fitnah ini merupakan parti pembangkang tidak beretika dan bertanggungjawab.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara satu sebab mengapa pita rakaman tiruan diminati oleh orang ramai ialah kerana harganya, misalannya harga pita rakaman video tiruan hanya RM8 tetapi yang tulen atau yang asal boleh mencapai harga RM30. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu untuk menggalakkan orang ramai membeli barang-barang tulen atau barang-barang asal, bukankah kerajaan ada tanggungjawab untuk mengenal pasti satu harga yang berpatutan? Tidak perlulah sehingga RM30 misalannya dan supaya ia boleh menggalakkan orang ramai memiliki barang-barang yang tulen.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya objektif undang-undang hak cipta adalah untuk menggalakkan kreativiti di kalangan pencipta dengan keuntungan yang boleh diperolehi. Ini adalah menjadi satu insentif kepada pencipta untuk menghasilkan produk mereka dengan lebih banyak. Jadi, dengan pendekatan ini secara tidak langsung harga atau kuasa pasaran menyebabkan harga produk akan turun. Ini bermakna, kalau kita tidak membeli barang cetak rompak

dan pencipta telah menghasilkan banyak produk mereka, harganya tentulah turun dan oleh kerana pada ketika ini, ramai pengguna membeli barang cetak rompak, ini menyebabkan pengusaha industri muzik atau industri berkenaan telah menghadapi kerugian dan ini menyebabkan harganya tinggi.

Oleh itu kementerian ini telah mengambil tindakan-tindakan sewajarnya supaya barang-barang cetak rompak tidak akan dijual di pasaran. Kementerian ini sentiasa berbincang dengan pihak pengusaha-pengusaha supaya harganya diturunkan. Ini akan menarik lebih ramai pengguna membeli barang-barang yang tulen.

*[Soalan No.13 – Y.B. Dr. L Krishnan (Teluk Kemang) tidak hadir]*

14. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah reaksi terhadap terbitan Bon Global di Amerika Syarikat baru-baru ini dan apakah ada cadangan untuk diperluaskan ke negara lain seperti ke Britain dan lain-lain negara di Eropah.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengadakan road show dengan jayanya dari 17 hingga 27 Mei 1999. Rombongan kerajaan telah melawat Asia, Eropah dan Amerika Syarikat (USA). Road show ini lebih bertujuan untuk menyakinkan pelabur-pelabur asing mengenai keupayaan Malaysia mendapat pinjaman luar negeri. Kerajaan telah menjual bon bernilai US\$1 bilion dengan kupon 8.75% kepada pelabur-pelabur Amerika, 50% daripada yang melabur, Jepun 28% dan 22% pelabur Eropah dan Asia Tengah. Penjualan bon dianggap sebagai tawaran yang berjaya berdasarkan permintaan telah, dengan izin, over subscript, sehingga 300% dan dijual pada harga Treasury Amerika Syarikat +330 basic point (BPS).

Harga tersebut adalah munasabah kerana pasaran bon di Amerika Syarikat yang kian merosot pada minggu kerajaan bercadang mengadakan penjualan bon akibat perkembangan negatif di Amerika Latin. Pada amnya semua harga bon

termasuk bon Malaysia telah mengembang di antara 80 hingga 100 BPS. Kini dengan izin, spread untuk bon Malaysia menguncup kepada 250 hingga 270 BPS. Kerajaan akan mengkaji cadangan untuk menerbitkan bon baru di pasaran lain seperti Jepun dan Eropah sekiranya ada keperluan pada masa hadapan.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jelas, kalau kita melihat sambutan yang diberikan terhadap bon global adalah lebih baik berbanding dengan bon yang cuba dijual oleh negara tidak lama selepas negara menghadapi kegawatan ekonomi. Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab-sebab perubahan ini dan sejauh mana kejayaan penjualan ini menunjukkan pemulihan keyakinan pelabur-pelabur asing terutama dari Amerika terhadap prospek ekonomi negara kita. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan sedikit iaitu paling akhir kita menjual bon ialah 'Bon Jankie', kalau tidak silap saya pada tahun 1990. Pada tahun lepas kita tidak menjalankan penjualan disabitkan oleh kerana penurunan penarapan oleh rating agency luar negeri yang dilakukan pada ketika kita sedang di ambang untuk memasarkan bon kita yang bertujuan ialah untuk mengagalkan.

Maka, oleh kerana itu pada tahun lepas kita tidak meneruskan pemasaran bon itu. Jadi, pada tahun ini kita menjalankan pemasaran bon, dengan tujuan ialah untuk kita melihat adakah benar ataupun tidak seperti pembangkang selalu bercakap, setiap saya mendengar bahawa orang kurang yakin dengan kedudukan ekonomi dalam negara. Penipuan, pembohongan yang dilakukan oleh pembangkang setiap hari menyebabkan kita merasa seolah-olah apa yang mereka cakapkan itu benar. Tetapi hakim yang sebaik-baiknya ialah pelabur-pelabur asing, maka oleh kerana itu kita menjalankan rombongan road show untuk menjual bon-bon dan memang jelas iaitu bahawa apa yang disebutkan selama ini adalah merupakan penipuan dan pembohongan di sebelah sana [*Sambil menunjukan tempat duduk parti pembangkang*], ramai penipu, pembohong.

Pelabur-pelabur luar negeri yakin dengan bon kita, ini bermakna kalau kita menjual bon dengan izin, the over subscript, dengan 300%. Ini bermakna bahawa pelabur yakin dengan kestabilan ekonomi dalam negara kita dan saya menyebut daripada awal tadi iaitu sebenarnya kita tidak memerlukan wang ini sebab kita mendapat banyak pinjaman daripada negara-negara lain ataupun institusi-institusi luar negeri sebagai contoh Miyazawa Plan. Ini jelas menunjukkan iaitu bahawa kerajaan asing yakin dengan kita tetapi itu setakat kerajaan asing. Kita hendak tahu bagaimana dengan pelabur sama ada mereka yakin ataupun tidak dengan kestabilan ekonomi kita.

Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, iaitu dengan izin, bon kita over subscript 300% ialah pelabur yakin bahawa Kerajaan Malaysia - Kerajaan Barisan Nasional - bukan PAS di Kelantan. Jadi, pelabur yakin dengan kebolehan dan keupayaan Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berjaya, cerdik ada otak untuk memulihkan ekonomi negara kita [*Tepuk*] tidak seperti kerajaan di Kelantan ataupun pembangkang dari DAP yang setiap hari berkata, kita tidak berkeupayaan untuk berbuat demikian. [*Tepuk*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau itulah sikap dan perangai Yang Berhormat dari Chenderoh, macam mana boleh melariskan bon kita. Lebih baik kita jangan menghantar beliau untuk road show. Kalau tidak habis semua kerana beliau hanya pandai menuduh dan maki hamun sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, soalan sudah habiskah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau kerajaan tidak perlukan wang daripada penjualan bon mengapa kita masih pergi dengan road show yang memakan belanja dan saya tahu di dalam akhbar pun pihak kerajaan ada mengatakan, ini nilai bon

kita jualannya laris dan juga lebih daripada nilai US Treasury Bon. Saya pun seronok mendengarnya bahawa kita mempunyai bon yang lebih besar US Treasury Bon.

Saya berharap kerajaan akan meneruskan supaya nilai itu dapat ditingkatkan lagi. Walau bagaimanapun, adakah rancangan untuk mengadakan road show lagi menunjukkan bon itu begitu baik sekali? Kalau kita tidak perlukan wang mengapa kita masih hendak menjual bon? Pada suatu ketika Standard and Poor's dan sebagainya dianggap agensi penarafan.....

**Seorang Ahli:** Kalau tidak ada modal duduklah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...bon atau wang itu, tidak standard. Selepas itu dia gunakan nama agensi yang sama iaitu agensi itu sudah iktiraf nilai bon kita. Apakah yang sebenarnya berlaku Yang Berhormat bagi Chenderoh? Saya berharap beliau dapat menjawab dengan tepatlah. Jangan kita maki hamun lagi *[Ketawa]*.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dia ini selalu, bila kita sudah jawab sama ada dia datang lambat, dia tidak tahu yang kita telah jawab apa soalan tambahan yang diberi baru-baru ini. Kalau tidak pun, dia tidur atau pekak. Ini masalah dia *[Ketawa]*. Dia hendak tanya iaitu bahawa dia kata 'jangan hantar saya pergi ke luar negeri kalau hendak menjualkan bon'. Saya ingat dia silap, dia tidak tahu iaitu bahawa waktu kita menjual bon, saya sudah menjadi Timbalan Menteri Kewangan dan saya sudah disebut di sini, ini bukan masalah Chenderoh, ini masalah kerajaan Barisan Nasional yang orang yakin dan percaya.

Saya percaya kalau saya pergi hari itu, saya juga boleh dapat over-subscription 300%, tidak ada masalah tetapi jangan hantar dia. Dia sebagai pembangkang hanya golongan kecil sahaja, yang rakyat percaya kepada dia cuma, kalau tidak silap saya kurang daripada 10% sahaja. Dalam Dewan ini berapa kerat orang sahaja yang ada di situ, sebab itu soalan bodoh seperti ini *[Ketawa]* saya

sebenarnya kesian pada dia tetapi saya hendak beritahu kepada dia sebab sama ada dia pekak ataupun dia tidur.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Un parliamentary words.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sudah sebut tadi bahawa memang kita tidak perlu wang yang lebih sebab kita mendapat banyak pinjaman daripada kerajaan yang lain, yang yakin dengan keupayaan kita untuk memulihkan ekonomi kita. Tetapi kita sebut itu, tujuan kita untuk menjual bon ini ialah untuk melihat sama ada benar ataupun tidak pelabur-pelabur ini kurang yakin dengan kita ataupun tidak dan inilah tujuan kita. Wang yang lebih sebenarnya adalah baik, janganlah kita waktu hendak membuat perancangan, hendak melaksanakan projek-projek baru hendak mencari wang.

Hari ini kita dapat RM1 bilion bon. Ini bermakna bahawa kita boleh membuat perancangan, bila sudah ada duit baru boleh buat perancangan. Masalah dia, dia tidak tahu buat perancangan, dia tidak tahu hendak fikir sebab itu dia tidak pernah duduk dalam kerajaan, dia tidak tahu apa yang kita buat. Kalau tidak tahu jangan tanya sebab malu orang lain semua dengar, orang muda dengar soalan yang begitu bodoh ditanya kepada saya sebab bila saya jawab akan menampakkan kebodohan dia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada sekarang ini kita guna rating agency. Dahulu kita marah sebab.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Point of order, menggunakan perkataan 'bodoh' dan sebagainya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa, 'soalan bodoh' tidak boleh disebutkah?

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini perlu ditarik balik, ini tidak boleh macam ini. Kalau dia enggan jawab, okay. Dia tidak tahu jawab walaupun dia Timbalan Menteri. Apa yang dia cakap tidak benar.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk!..duduk.

**Tuan M. Kulasegaran:** Chenderoh lawan, Chenderoh.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** You tidak tahu apa jangan tanya. Awak tidak tahu apa jangan tanya, kawan awak tidur. Saya sudah jawab.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tarik balik.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa tarik balik. Itu soalan dari wakil rakyat DAPkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal jawab sudah cukup [*Ketawa*].

**Tuan M. Kulasegaran:** Un parliamentary, tidak ada standard.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa un parliamentary, apa standard yang you ada?

**Tuan M. Kulasegaran:** Bunga 8.57%, itu pasal semua orang over subscribe, cakap yang benar.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** You cakap tidak tahu ..... kalau tidak tahu you duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ..... dia tidak tahu peraturan, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Itu pasal over-subscribe.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat dia tidak tahu peraturan, dia pergi, you don't even know the order paper.

**Tuan M. Kulasegaran:** Chenderoh lawan, Chenderoh.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak tahu apa, peraturan tidak tahu, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia cakap tentang rule of law, ini saya punya floor, apa pasal dia bangun.

**Tuan M. Kulasegaran:** Point of order.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa, point of order.

**Tuan M. Kulasegaran:** Point of order, menarik balik....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa, point of order.

**Tuan M. Kulasegaran:** Menarik balik perkataan 'bodoh', mana boleh, marahkan, jangan kita takut Timbalan Menteri atau Menteri, satu peraturan yang sama.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak tanya, apa point of order? Apa point of order?

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat un parliamentary language.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa, point of order, saya hendak tanya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Dia Speakerkah atau Yang Berhormat sendiri Speaker? Cakap.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Point of order, apa?.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa sudah cukup.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya cakap 'soalan bodoh', apa salah, soalan yang bodoh, bukan saya kata Ahli Parlimen bodoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah, cukup.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak kata dia bodoh, soalan bodoh.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, ini un parliamentary language. Adakah kita membenarkan perkara ini berlaku, dia perlu diarahkan. Kalau dia tidak tahu peraturan, perlu diberitahu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk, apa perlu beritahu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Beritahu sama dia.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ‘Yen na deh’, duduk, dengan izin.

**Tuan M. Kulasegaran:** You jangan ingat menggunakan perkataan macam itu kita akan takut, ini tidak berani.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa, berani apa?

**Tuan M. Kulasegaran:** Cakap yang benar, 8.75% is the highest in the world....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sudah jawab.

**Tuan M. Kulasegaran:** Mana! Kalau orang tidak mahu pinjam, tidak perlu wang, kenapa pergi pinjam. Jangan cakaplah, you ingat kita pekak, kita tidak tahu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sudah jawab dalam soalan saya iaitu bahawa waktu kita memasarkan bon ini.

**Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, point of order. Masa kita sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya sudah beritahu, masa sudah habis.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** 8.75% kita jual iaitu waktu kita memasarkan ini, bon di USA merosot pasaran dia. Ini disabitkan oleh kerana berlakunya perkembangan negatif di Amerika Latin. Kita sudah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Yang Berhormat, masa kita sudah habis.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, pekaklah awak ini.

**Seorang Ahli:** Dia tidak faham

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Awak ini betul tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak [*Ketawa*].

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini surrender.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.1,3,4,7,11,13 dan 15 hingga 68 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN**

**(1999) 1999**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion sembilan ratus lima puluh empat juta lapan puluh satu ribu dua ratus enam puluh (RM 1,954,081,260) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran

(Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.” [21 Julai 1999].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila sambung.

**11.05 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyambung perdebatan semalan, ingin saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kepong Antaranya bagaimana kemajuan Wilayah Persekutuan, mengapa tanah DBKL dengan sewenang-wenangnya diceroboh oleh parti-parti seperti MCA dengan berselindung di sebalik RELA dan diberikan contohnya ialah Jalan Lot 15-1, Jalan Jambu Melaka. Lot 15-1, Jinjang Selatan adalah merupakan tanah kerajaan dan sebahagian daripada kawasan lapang dan sebuah bangunan sementara telah didirikan oleh masyarakat setempat atas sebahagian tanah tersebut dan digunakan bukan sahaja oleh pihak RELA tetapi juga oleh masyarakat setempat.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menanyakan apakah tujuan senjata api yang diperuntukan kepada anggota RELA.

**Dr. Tan Seng Giaw:**[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Yang Berhormat bagi Kepong bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Mungkin Yang Berhormat diberi maklumat yang kurang lengkap mengenai Lot 15-1, Jinjang Selatan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada penduduk di situ, pada mulanya membeli tanah itu untuk dibangunkan dan kemudian kerana mereka tidak begitu faham mengenai prosedur-prosedur yang perlu dibuat dengan pihak jabatan tanah, maka timbullah masalah sekarang. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa pada suatu ketika pihak MCA, bukan RELA yang membuat permohonan untuk

mengadakan struktur di situ tetapi ditolak oleh dektorat penguatkuasaan? Kemudian dia gunakan RELA pula.

Kalau Yang Berhormat pergi siasat dengan teliti daripada mulanya, Yang Berhormat akan memahami apakah yang sebenarnya berlaku. Saya tidak menolak bahawa kalau para penduduk di situ bersetuju, saya tidak boleh buat apa-apa tetapi sehingga hari ini mereka jumpa saya untuk menuntut keadilan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat dari segi perancangan bandar dan desa, apabila sesuatu perancangan dibuat, kita memang ada peruntukan, apa yang dikatakan kemudahan-kemudahan awam termasuk Yang Berhormat katakan semalam, padang lapang. Jadi, di sinilah kadang-kadang, oleh kerana persatuan-persatuan yang di kawasan itu inginkan satu organisasi itu mempunyai tapak dan rumah ataupun balai dan sebagainya, ia terpaksa meminta daripada Majlis Daerah, dalam hal ini ialah Dewan Bandaraya. Selain daripada itu kita terpaksa juga meminta tanah lapang itu sebahagian daripadanya, daripada Pejabat Tanah. Dengan cara itulah aktiviti-aktiviti kawasan dapat kita giatkan.

Jadi, dalam soal ini saya tidak berapa tahu tentang masalah-masalah secara detail tetapi apa yang telah diberitahu oleh pihak Dewan Bandaraya bahawa sekarang ini tempat itu, tanah kerajaan, sebahagian daripadanya ialah tanah lapang untuk rekreasi dan sebahagian lagi itu ialah ditempatkan untuk RELA. Jadi, itu jawapan saya Yang Berhormat.

Dan kegunaan senjata api RELA, senapang patah adalah untuk latihan menembak, membasmi musuh tanaman dan kegunaan rondaan keselamatan di kawasan sempadan bersama dengan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia apabila diminta anggota RELA memberi bantuan. RELA ini tugasnya kalau di pekan tidak berapa nampak, Yang Berhormat, tetapi kalau di Arau misalnya, di bahagian-bahagian sempadan, RELA ini memainkan peranan juga. Seperti juga di kawasan saya, RELA juga memainkan peranan

untuk mencegah penyeludupan dan juga mencegah orang-orang asing masuk ke negara kita. Senjata api RELA, M16 adalah untuk latihan kawad.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang d-Pertua, maksud Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat diberitahu maklumat, kadangkala maklumat itu tidak lengkap dan saya tahu, saya tidak mahu mempertikaikan Lot 15-1 dengan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat tidak terlibat dengannya. Jadi tidak adil.

Mengenai RELA, saya khuatirlah macam mana pihak Kementerian Dalam Negeri dapat mengawal selia aktivitinya termasuk juga senapang patah dan macam mana kalau kita lihat di kawasan-kawasan luar bandar yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu hidupan liar termasuk helang dan sebagainya ditembak dan bilangan hidupan liar juga kurang. Saya pun tidak tahulah, ini datang daripada pihak RELA sahaja ataupun pihak-pihak lain yang tidak mementingkan hidupan liar di negara kita termasuk di Langkawi. Pada satu ketika kita nampak banyak helang tetapi sekarang tidak banyak, tidak dapat kita tengok lagi jentayu dan sebagainya di Langkawi sekarang.

Saya berharap walaupun Yang Berhormat diberi maklumat tetapi kalau boleh kita kaji apakah aktiviti sebenarnya RELA.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa semasa saya menjadi pegawai kerajaan, Yang Berhormat telah pun menjadi Yang Berhormat di Selangor dan di Selangor juga ada peraduan menembak gagak, kalau tidak silap saya, telah pun dibincangkan. Saya rasa Yang Berhormat juga merestui perkara itu kerana gagak membawa kekotoran dan patut juga dihapuskan. Jadi, kalau kita hendak buat menyeluruh, kalau di kampung kemungkinan ada juga pegawai-pegawai RELA menggunakan senjata api itu untuk training seperti menembak tupai yang makan durian dan sebagainya. Tetapi saya rasakan anggota RELA ini memainkan peranan penting oleh kerana ia dapat membantu sebagai ketahanan yang ketiga selepas askar dan polis, RELA dapat mencegah daripada perkara –perkara yang tidak diinginkan berlaku di negara kita.

Yang Berhormat bagi Bagan telah pun menanyakan masalah jika benar masalah ekonomi kita sudah pulih, ini telah pun saya jawab pada awalnya tetapi yang saya tertarik masalah yang dibangkitkan oleh Bagan ialah van yang dibeli oleh syarikat untuk membawa pekerja sendiri, mengapa perlu lesen dari LPKP, Kementerian Pembangunan Usahawan.

Untuk perhatian dan pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah perkara tafsiran Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) 1987 (Pindaan 1998), 'bas pekerja' ditafsirkan 'bas pekerja', ertinya bas yang digunakan untuk membawa pekerja-pekerja dalam mana-mana industri dari tempat kerja dan sebaliknya.

Jadi, bas pula ditafsirkan, 'bas' ertinya kenderaan perkhidmatan awam yang muatan duduknya tidak kurang daripada 8 orang. Jadi, kalau kita gunakan van sendiri untuk membawa penumpang, pekerja kita, jadi tafsirannya ialah 'bas'. Itu sebabnya kadang-kadang kita tengok van berwarna biru dan ditulis 'Bas Kilang' walaupun ia van.

Perkara 14(1)(e) Akta LPKP menetapkan semua bas pekerja mestilah dilesenkan oleh LPKP. Rasional mengapa bas pekerja ini perlu dilesenkan ialah bagi memastikan semua kenderaan itu berada dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan serta setiap pengguna dilindungi oleh insurans. Jadi, ini yang penting. Kalau pekerja-pekerja tidak dilindungi insurans, kalau ada apa-apa perkara yang berlaku maka saya rasa pekerja-pekerja itu akan rugi.

Satu lagi yang saya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah? Kerana kita tidak patut melangkah lebih daripada satu hari mengikut perbincangan di atas dasar.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Saya akan perhati, cari yang mana-mana yang matan sahaja, yang mana penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Jadi, ada juga Bagan telah mengaitkan tentang van yang larinya 80 km sedangkan syaratnya 90 km tetapi dia lari bawah daripada 80 km. Jadi, kenapa disaman oleh polis?

Secara rasionalnya, polis boleh menyaman mana-mana kenderaan walaupun dia lari bawah daripada had yang ditetapkan kerana obstruction of traffic. Kalau misalnya lane itu ada tiga, kalau dia pergi fast lane, lane yang laju tetapi dia tidak memotong dan banyak kereta-kereta di belakang tidak dapat memotong dia, jadi ini juga adalah merupakan satu kesalahan.

Yang Berhormat bagi Tuaran telah mengatakan peruntukan Sabah sebanyak RM2 bilion untuk Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi dalam Kajian Separuh Penggal telah dikurangkan sebagai RM1 bilion. Jumlah peruntukan asal yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk negeri Sabah ialah RM4.2 bilion. Jumlah ini telah ditambah kepada RM6.5 bilion di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga telah menanyakan mengapakah sehingga sekarang belum dilantik Timbalan Ketua Polis Negara, adakah terdapat satu masalah untuk mengisi jawatan tersebut. Jawapannya ialah Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan untuk mengisi jawatan Timbalan Ketua Polis Negara tidak berapa lama lagi. Tidak ada apa-apa masalah yang timbul dalam mengisi jawatan ini. Ingin diperjelaskan walaupun jawatan ini belum diisi, ianya tidak menjejaskan tugas-tugas yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga telah menanyakan apakah tindakan kerajaan terhadap kegiatan orang-orang asing terutamanya di Sabah yang menjual dadah dan kad pengenalan. Kementerian Dalam Negeri sedar akan terdapatnya kegiatan-kegiatan pengedaran dadah dan menjual kad pengenalan, beberapa operasi telah dan sedang dijalankan bagi membanteras kegiatan ini. Beberapa orang yang disabitkan kesalahan telah pun dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Dadah Berbahaya. Kementerian memandang serius kegiatan seperti ini dan akan terus berusaha mengambil

langkah-langkah tegas dalam membanteras kegiatan-kegiatan tersebut yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Yang Berhormat bagi Bandau telah pun mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula dasar pembatalan ataupun penempatan guru-guru sandaran yang tidak terlatih (GSTT) dan melaksanakan skim tersebut secara berperingkat-peringkat. Penamatan GSTT bertujuan memastikan tempat mereka boleh diisi dengan guru terlatih. Pada masa ini terdapat lebihan guru terlatih di beberapa buah negeri dan dalam masa yang sama terdapat ramai GSTT di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia masih mengekalkan GSTT di kawasan pedalaman yang masih menghadapi masalah kekurangan guru.

Yang Berhormat bagi Bandau juga telah mencadangkan guru-guru sandaran yang tamat penamatan mereka diberikan peluang masuk ke maktab dan menjalankan Kursus Dalam Cuti. Kementerian Pendidikan Malaysia dari masa ke semasa memberi peluang kepada GSTT yang mempunyai kelayakan untuk mendapatkan latihan perguruan terutama bagi mata pelajaran yang masih kekurangan guru seperti bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan tentang CDRC terlalu lambat menjalankan tugasnya dan ingin saya mengulas di sini bahawa CDRC tidak boleh mengambil keputusan secara terburu-buru tetapi caranya perlu melalui proses kajian dan penelitian bagi sesuatu syarikat yang memerlukan penyusunan semula. CDRC tidak pernah mengamalkan pilih kasih dalam membantu penyusunan semula syarikat-syarikat yang bermasalah. Keputusan yang dibuat oleh CDRC adalah berasaskan kepada perniagaan semata-mata.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Yang Berhormat bagi Tambun juga telah menanyakan tentang kriteria-kriteria pemilihan syarikat. CDRC akan mengkaji ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta maaf kerana memakan masa sedikit. Saya hendak minta Dato' Setiausaha Parlimen memberi gambaran kepada kita, saya rasa isu CDRC ini, selain daripada apa yang Dato' maklumkan tadi, isu membela dan menyelamatkan institusi kewangan kita dan membela industri kita. Kalaulah syarikat-syarikat industri besar ini tidak diselamatkan oleh CDRC, pertamanya NPL kita, bank yang terhutang akan menjadi masalah. Yang kedua, industri kita itu akan rosak. Tidak kena gaya industri itu mungkin akan terhapus. Inilah peranan CDRC. Saya minta sedikit pengesahan daripada Dato' Setiausaha Parlimen supaya dapat mengulas sedikit perkara yang saya bangkitkan itu.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Banyak yang telah diperkatakan tentang CDRC dana harta dan dana modal. Kita mengatakan bahawa CDRC ini bukan menolong orang besar dan meninggalkan orang kecil. Yang keduanya CDRC ini, kalau misalnya kita bantu peniaga-peniaga korporat ini, siang-siang kita sudah boleh mendapat 28% daripada corporate tax daripada mereka. Kalau misalnya korporat-korporat ini ranap, punah, kita tidak mendapat keuntungan, tidak ada revenue untuk kita, maka pembangunan negara kita akan terbantut.

Jadi, kriteria yang telah dibuat oleh CDRC ialah pertama, syarikat penghutang adalah berdaya maju, bukannya pertolongan yang kita buat itu semberono atau sembarangan. Syarikat penghutang tidak ada receivership atau liquidation, ini penting. Jumlah keseluruhan pinjaman bank hendaklah tidak kurang daripada RM50 juta. Jadi, ada hadnya. Pinjaman diperolehi lebih daripada satu bank dan syarikat penghutang yang telah memperolehi Restraining Order (RO) boleh mengemukakan permohonan kepada CDRC dengan syarat RO ditarik balik sebaik sahaja persetujuan standstill dicapai.

Setakat 30 Jun 1999, jumlah NPL dalam sistem perbankan ialah sebanyak RM58 bilion. Jumlah ini termasuk NPL yang sedang dikendalikan oleh CDRC tetapi tidak termasuk NPL yang telah dikeluarkan oleh Danaharta sebanyak RM30 bilion. Setakat 30 Jun 1999, CDRC telah menerima 62 permohonan penyusunan semula hutang korporat berjumlah RM33 bilion, daripada 62 permohonan tersebut, tujuh permohonan berjumlah RM1.9 bilion telah ditolak kerana tidak memenuhi kriteria. 13 kes dengan jumlah pinjaman RM13.35 bilion telah diselesaikan manakala 42 kes lagi berjumlah RM17.8 bilion masih dalam proses perundingan.

Yang Berhormat bagi Marang telah pun menyatakan tentang pengkorporatan IPTA telah menyusahkan pelajar-pelajar miskin. Walaupun IPTA dikorporatkan, yuran pengajian telah dinaikkan, pelajar yang kurang berkemampuan boleh mendapatkan pembiayaan pendidikan, contohnya dari Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Jadi, di sini kita harus memahami bahawa banyak subsidi yang diberi oleh kerajaan, kita ambil secara tidak sedar ataupun dalam Bahasa Inggerisnya, *taking things for granted* kerana kalau kita tengok risalah yang dikeluarkan oleh IPTA menunjukkan berapa yuran yang sepatutnya dibayar oleh penuntut-penuntut berkenaan dalam disiplin-disiplin tertentu dan berapa yang dikenakan oleh kerajaan, jauh bezanya.

Jadi, kalau kita katakan kalau seseorang itu mengambil pendidikan ataupun disiplin kedoktoran misalnya, bayaran yang dibayar pada ketika ini adalah lebih jauh bezanya daripada bayaran yang patut dikenakan. Selain daripada itu, tabung pendidikan kita telah pun diringkaskan apabila penuntut-penuntut itu masuk mendaftar di universiti, ada ruang di situ sama ada ada atau tidak perolehan daripada mana-mana biasiswa dan sebagainya. Kalau tidak ada dan tidak mampu, oleh kerana pendapatan ibu bapa yang rendah, maka boleh serta-merta dia mendapat RM1,000 pada pendaftaran itu untuk membeli kasut, baju dan sebagainya. Jadi, inilah pertolongan yang diberikan oleh kerajaan.

Akta universiti didapati mengongkong pemikiran pelajar dan pensyarah yang mengukur untuk melahirkan pelajar yang berfikiran kritikal sebagai pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi merupakan pelajar yang bijak. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996, tidak menghalang para pelajar daripada bergerak aktif di kampus terutamanya aktiviti yang dapat memanfaatkan para pelajar. Ia bertujuan untuk memupuk sifat kepimpinan dan keperibadian pelajar sesuai dengan kedudukan mereka sebagai bakal pemimpin negara di masa hadapan. Peruntukan-peruntukan dalam akta tersebut itu juga memastikan para pelajar menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mengambil peluang sepenuhnya untuk menimba pengalaman dan meningkatkan pengetahuan.

Pendidikan Islam di IPTA tidak berkesan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Marang. Contohnya, ITM katanya, telah mengurangkan mata pelajaran Pengajian Islam. Ketetapan telah dibuat di mana mata pelajaran Pengajian Islam iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) sebanyak 4 kredit diwajibkan kepada semua IPTA. Memandangkan sebelum ini ITM telah wujud mata pelajaran Pengajian Islamnya sendiri yang lebih bersifat kepada kursus-kursus pengenalan untuk menyeragamkan dengan IPTA yang lain, maka Pengajian Islam yang ditawarkan di ITM diganti dengan Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Ini bermakna Pengajian Islam di ITM bukan sahaja secara hakiki dikurangkan tetapi digantikan dengan nama baru dan kreditnya adalah serupa.

Satu lagi ialah mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau, isu yang sama iaitu isu pengambilan Sekolah Menengah Agama Rakyat. Kementerian Pendidikan belum membuat keputusan muktamad untuk mengambil sepenuhnya SMAR ini, namun demikian Kementerian Pendidikan bercadang untuk menjadikan SMAR sebagai sekolah bantuan kerajaan sepertimana yang terdapat di dalam Akta Pendidikan 1996. Langkah ini adalah lebih wajar kerana dengan ini kerajaan dapat menempatkan guru-guru terlatih, bantuan pembangunan, peningkatan profesionalisme, staff dan bantuan buku teks lebih menyeluruh.

Kementerian Pendidikan mengalukan sekiranya SMAR secara sukarela menyerahkan pengurusan dan pentadbirannya kepada kerajaan. Beberapa implikasi harus diambil kira sekiranya SMAR diambil sepenuhnya oleh kerajaan seperti tanah wakaf, tapak sekolah, persetujuan daripada Majlis Agama Islam Negeri, kuasa Lembaga Pengurus Sekolah dan sebagainya. Di sini, sepertimana yang dibangkitkan semalam bahawa banyak sekolah agama seperti di Pendang dan beberapa tempat di Kedah, keadaannya agak kurang selesa dan mudah terbakar. Jadi, dengan adanya bantuan daripada kerajaan, kita rasakan nanti, sekolah-sekolah agama ini akan terbela.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah perkara-perkara yang menonjol yang dibangkitkan semalam dan yang lain-lain, insya-Allah, saya akan berikan jawapannya secara bertulis kepada mereka yang tidak dapat saya jawab dan yang belum lagi ada jawapannya pada saya, pegawai-pegawai saya ada membuat catatan untuk kita melihat di masa hadapan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis:-

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion sembilan ratus lima puluh empat juta lapan puluh satu ribu dua ratus enam puluh (RM1,954,081,260) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Jadual –**

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM556,752,300 bagi maksud-maksud bekalan B.4, B.7, B.8, B.17-B.19, B.21, B.25, B.26, B.29, B.36, B.47, B.48, B.50 dan B.52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual. Dan wang sejumlah tidak lebih daripada Ringgit Malaysia satu bilion sembilan ratus lima puluh empat juta lapan puluh satu ribu dua ratus enam puluh (RM1,954,081,260) yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bilangan Dua, tahun 1999 bagi maksud-maksud pembangunan P.7, P.8, P.14, P.16, P.26, P.28, P.36, P.43, P.47, P.48 dan P.52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1999 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1999 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1999 kelmarin. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan

anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9(a) Tahun 1999 bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 1999 dan Kertas Perintah 10(a) tahun 1999 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1999. Oleh itu saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.4, B.7 dan B.8 [Jadual]: -**

**Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1999]: -**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.4, B.7 dan B.8 dan kepala pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Saya benarkan sepuluh minit setiap seorang ahli berucap. Cheras.

**11.35 pagi**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada butiran projek 11000 di mana tambahan sebanyak RM53 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kos pengambilan balik tanah di Semenyih bagi tanah perkuburan baru untuk menggantikan perkuburan lama di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur. Dengan peruntukan sedemikian Tuan Pengerusi, bukankah semuanya tujuh perkuburan-perkuburan lama di sekitar Jalan Loke Yew dan Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur akan terlibat dalam proses penggantian tanah ini. Perkuburan-perkuburan lama yang dimaksudkan di sini adalah Kwang-Tong Cemetery, Orchid Cemetery, Kwang-Sai Cemetery dan juga Christian Cemetery, Roman Catholic Cemetery, Hindu Cemetery dan juga Cemetery Jepun.

Antara perkuburan terbesar ialah tiga buah tanah perkuburan iaitu Kwang Tung, Kwang Sai dan Hokkien. Adalah diketahui umum terdapat usaha giat di pihak swasta berpakat dengan JPM sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk membangunkan semula tanah-tanah perkuburan lama itu yang merupakan sebidang tanah yang cukup luas dan amat bernilai kerana ia terletak di pusat

bandar. Siapa yang akan memajukan kawasan itu tentu akan mengaut keuntungan besar. Tetapi usaha ini dijalankan secara diam-diam dan butir-butir projek disembunyikan kerana perkara ini sensitif kepada masyarakat Cina.

Pada mereka pemindahan kubur merupakan hal yang tidak disenangi keluarga si mati. Dari sudut '*feng-sui*' ia memberi kesan negatif kepada kehidupan mereka. Apa yang saya faham semua usaha di peringkat awal sudah selesai. Sekarang hanya tunggu tindakan lanjut untuk memindahkan kubur sahaja. Pada 2 Disember tahun lepas tindakan pemindahan mengambil satu langkah ke hadapan iaitu JPM mengarahkan DBKL menghantar satu notis mengejut kepada Jawatankuasa Pengurusan Kwang Tung Cemetery bahawa mereka tidak boleh menerima mayat baru untuk dikebumikan di sana tanpa memberi sebarang alasan.

Notis ini telah menarik perhatian sebahagian besar masyarakat Cina. Ekoran bantahan daripada pihak-pihak yang tertentu termasuk DAP, Datuk Bandar Kuala Lumpur menarik balik notis pada akhir Disember 1998 dan menangguhkan tindakan penguatkuasaan tanpa memberi sebarang jaminan bahawa ia tidak akan dilaksanakan pada masa hadapan. Sungguhpun notis memberhentikan pengebumian baru ditarik balik tetapi tidak ada orang yakin bahawa perkara ini tidak akan berlaku pada suatu masa yang sesuai. Masa sesuai yang saya maksudkan di sini ialah pada suatu masa yang tidak lama selepas pilihan raya umum yang akan datang. Ini taktik Barisan. Sebelum notis DBKL dikeluarkan banyak pihak sudah dimaklumkan oleh mereka yang ada kepentingan peribadi bahawa sebidang tanah baru yang cukup luas di Semenyih, Negeri Selangor akan diperuntukkan oleh JPM untuk pengebumian semula mayat-mayat di tujuh cemetery itu.

Pengumuman JPM melalui Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini jelaslah bahawa rancangan pemindahan telah disahkan dan hanya tunggu masa untuk dilaksanakan. Tuan Pengerusi saya merasa kesal kerana sikap dan tingkah laku kerajaan tentang perkara ini kerana sejak awal episod pemindahan bermula pendekatan kerajaan sangat berahsia dan sulit dan tidak ada sebarang ketelusan.

Semua cemetery di Jalan Loke Yew dan Jalan Lapangan Terbang Lama sudah berusia lama. Misalnya Kwang Tung Cemetery baru sahaja meraikan ulang tahun ke-104 Sabtu lalu. Malah kapitan Yap Ah Loy dan ramai pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang berjasa dan pernah memberikan sumbangan penting kepada pembangunan Kuala Lumpur dan negara juga dikebumikan di sana.

Pada fahaman saya tidak ada rundingan semula butir-butir pembangunan cemetery dan tidak ada taklimat terperinci untuk semua jawatankuasa pengurusan cemetery. Malah ahli waris si mati pun tidak diberitahu atau dirunding. Semua ini membayangkan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak mengambil kira perasaan rakyat yang merasakan perkara ini penting. Tuan Pengerusi pada bulan April lalu Kwang Tung Cemetery ada memunggut pandangan daripada lebih 4,000 waris dan hasilnya melebihi 99% membantah pemindahan dan kurang 1% bersetuju berpindah. Ini menunjukkan hasrat mereka yang bersemangat yang membantah projek ini.

Saya ingin menitikberatkan di sini ialah saya tidak membantah projek-projek pembaharuan dan pembangunan bandar kerana ini menghasilkan faedah kepada masyarakat dan orang ramai. Tetapi mengenai kes pemindahan Kwang Tung dan lain-lain cemetery saya tidak boleh menerima apa juga cadangan. Pendirian saya dan parti saya adalah tegas dan ia sama sependirian masyarakat Cina seMalaysia yang tidak mahu saksikan pemindahan ini berlaku. Kami berpegang teguh kerana Kwang Tung Cemetery dan lain-lain cemetery merupakan satu tempat bersejarah warisan negara yang menyaksikan Kuala Lumpur bermula. Sepatutnya ia kekal menjadi satu kawasan warisan negara, tidak boleh dikacau dan diubah oleh kerajaan masa kini.

Tapak perkuburan ini adalah satu tempat kenangan memorial bagi ramai orang. Kewujudan selama-lamanya memberikan sesuatu untuk generasi-generasi baru mengingati perjuangan datuk nenek mereka yang bermula dari perkampungan kecil menjadi budaya metropolitan yang moden. Apa yang patut kerajaan pastikan ialah dasarnya memberi pengiktirafan Kwang Tung Cemetery

untuk dijadikan satu kawasan warisan dan selanjutnya membangunkan dan mengindahkan kawasan cemetery menjadi salah satu destinasi pelancong asing dan tempatan.

Saya serius dalam soal ini, Tuan Pengerusi, kerana masyarakat Cina sangat prihatin mengenai perkara ini memandangkan kerajaan masih berkeras dan berlagak sombong mahu meneruskan pemindahan tanpa mengira ia satu kesalahan yang tidak dapat diperbaiki lagi.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kerajaan supaya membatalkan projek pemindahan Kwang Tong Cemetery dan lain-lain cemetery. Sebaliknya bersetuju dengan cadangan saya supaya cemetery-cemetery seperti Kwang Tong diberi status kawasan warisan negara dan diberi perlindungan dan disediakan peruntukan kewangan bagi pengurusannya.

Walaupun tanah perkuburan di Semenyih baru dibeli oleh Jabatan Perdana Menteri, tanah itu masih boleh digunakan untuk mengebumikan mayat baru dari Kuala Lumpur, kerana tanah perkuburan di ibu kota sudah penuh dan sempit.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai keluasan dan nilai sebenar tanah perkuburan baru di Semenyih ini?

Saya ingin bertanya, adakah benar ianya seluas lebih kurang 400 ekar seperti mana yang difahamkan lebih awal, dan jika ia betul saya ingin tahu mengapa harganya RM53 juta perlu dibayar untuk membelinya? Saya juga difahamkan tanah milik Aseatik Plantation Berhad, pada peringkat perancangan awal 3 – 4 tahun lalu, harga tawaran jual beli tanah itu ialah lebih kurang RM70,000 ribu tiap ekar. Jika 400 ekar bererti nilainya baru RM28 juta sahaja, iaitu sebelum krisis ekonomi melanda negara. Sebelum harga tanah jatuh teruk, tetapi kini ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya. Tanah perkuburan baru di Semenyih itu nilainya.....

**Tuan Pengerusi:** Rompin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Kalau Tuan Pengerusi, membenarkan lebih masa untuk saya.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sama juga macam Teluk Intan, tidak berani.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi menasihatkan saya meneruskan. *[Ketawa]*.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Mana ada harga jatuh, mana ada, berapa peratus harga jatuh, tidak jatuhlah, DAP yang jatuh.

**Tuan Tan Kok Wai:** Masa kini tanah di Semenyih yang jauh dari bandar nilainya memang rendah. Dianggarkan lebih kurang RM30,000 hingga RM40,000 seekar sahaja. Jadi, jika 400 ekar ini benar, mengapakah harga jualan baru haruslah RM12 juta hingga RM16 juta sahaja. Tetapi mengapa perlu bayar dengan harga yang begitu tinggi iaitu RM53 juta? Adakah disebabkan tanah diambil balik melebihi 400 ekar ataupun disebabkan harga ini mark up selaras untuk memberi keuntungan kepada pihak-pihak tertentu.

Tuan Pengerusi, untuk membersihkan nama baik kerajaan, maka saya minta kerajaan memberi penjelasan yang terperinci perkara yang saya bangkitkan ini.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

**11.45 pagi.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, walaupun kita tidak cukup masa mengikut Tuan Pengerusi, tetapi saya ada semak itu Butiran-butiran, Maksud-maksud tertentu. Saya nampak tidak banyaklah Tuan Pengerusi, dan pada hari ini kita boleh habis bukan sahaja habis mungkin kita boleh bermula dengan rang undang-undang. Mungkin, tetapi tidak banyak Tuan Pengerusi dengan sedemikian mungkin kita tidak perlu sekatkanlah masa *[Ketawa]*...

**Tuan Pengerusi:** 10 minit Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin tidak tahu, hendak kacau sahaja. Hendak kacau pun guna perkataan yang lebih haluslah, lain kali.

**Seorang Ahli:** Ya betul, sopan santun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bersopan santun itu salah satu....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bagi penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....dari prinsip Rukun Negara.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya kata tadi, yang jatuh bukan harga tanah, yang jatuh DAP. Itu sudah halus! *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bagi Cheras, menyebut mengenai Masalah P.7 iaitu tentang pembayaran tambahan sahaja, ini bukan jumlah yang sebenarnya. Cuma tambahan dibayar dahulu RM53 juta adalah dikehendaki membiayai kos pengambilan balik tanah di Semenyih bagi tanah perkuburan baru.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan berapakah jumlah yang dibayar untuk tanah? Memang ini satu perkara yang sensitif sebab itulah saya tidak mahu meneruskan lebih panjang. Cuma saya mencadangkan pihak kerajaan, sekarang saya cadang adakan satu Jawatankuasa Khas. Satu Jawatankuasa Khas yang diwakili oleh pelbagai pihak untuk berbincang dan sama-sama menyelesaikan masalah ini. Kerana kita tidak perlulah menyentuh perkara yang begitu sensitif.

Tuan Pengerusi, mengenai MTEN. MTEN walaupun kita tengok ada gejala-gejala tindakan MTEN itu ke arah memulihkan ekonomi. Tetapi Tuan Pengerusi, saya menyeru supaya semua pihak bekerjasama untuk kita bergiat aktif lagi untuk memulihkan, mempercepatkan pemulihan ekonomi ini. Sementara itu, saya nampak ada banyak kelemahan lagi daripada segi pelaksanaan MTEN.

Misalnya Tuan Pengerusi, kita diberitahu bahawa ada sejumlah lebih RM2 bilion iaitu modal asing yang dilaburkan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Memang kita mengalu-alukan modal asing. Walau bagaimanapun, kita hendak mengetahui selain daripada RM2 bilion lebih ini pelaburan jangka masa singkat daripada pihak luar negara, apakah sebenarnya wang yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk Bursa Saham Kuala Lumpur?

Adakah pihak kerajaan terlibat dalam Bursa Saham sekarang ini sehingga indek komposit boleh naik dengan lebih 800 mata. Walaupun ini menggalakkan saya hendak mengetahui apakah penglibatan pihak kerajaan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, dari segi penggunaan domestik (domestic consumption) saya nampak tidak begitu tinggi pada masa ini. Di sinilah saya hendak pihak MTEN memberitahu kita bagaimana Majlisnya dapat mempergiatkan dan mempertingkatkan domestic demand, domestic consumption kerana ini merupakan salah satu faktor yang menjejaskan ekonomi kita kerana domestic consumption itu sangat rendah. Walaupun Yang Berhormat ada sebutkan bahawa ada tanda-tanda pemulihan dan sebagainya dan keadaan perbankan pun ada lebih baik berbanding dengan dua tahun yang lepas dan sebagainya, saya nampak kesannya tidak diperlihatkan di perniagaan biasa, di aktiviti komersil biasa yang khasnya bagi penjaja dan peniaga kecil. Saya diberitahu semalam ini adalah sepertimana pesakit yang baru saja beransur-ansur pulih dan memang mengambil masa. Inilah masalah kita bagaimana kita dapat memulihkan keadaan perniagaan dan perdagangan kecil supaya rakyat jelata dapat manfaat daripada apa yang dikatakan tanda pemulihan ekonomi pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, masalah pinjaman kepada sektor-sektor yang produktif. Ini memang satu perkara yang sangat penting kerana salah satu faktor yang menyebabkan kelemahan ekonomi kita ialah pinjaman bidang atau sektor yang bukan begitu produktif seumpama hartanah kerana berpuluh atau beratus bilion ringgit sudahpun tersangkut dalam sektor hartanah yang tidak begitu produktif yang menjejaskan ekonomi kita. Sebab itu kita saya mencadangkan supaya lebih banyak usaha diambil untuk memperkukuhkan pinjaman kepada sektor-sektor produktif supaya pemulihan ekonomi dapat dipercepatkan lagi.

Tuan Pengerusi, semalam saya ada sebutkan mengenai kelemahan-kelemahan kementerian termasuk Kementerian Perusahaan Utama dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang tidak begitu berkesan untuk melaksanakan projek-

projek pembangunan sebab kita ada RM17 bilion untuk projek-projek pembangunan dan kebanyakan kementerian tidak begitu berkesan. Ini termasuk Kementerian Yang berhormat Beruas juga, tidak begitu berkesan. Saya berharap....

**Tuan Pengerusi:** Ya, Beruas ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Belakang pokok!

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Tak dengar

**Dr. Tan Seng Giaw :** Tak dengar, tak dengar.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kementerian saya....maaf...

**Tuan Pengerusi:** Nanti kejap ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Picitlah...ha tekan, tekan situ.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tutup...sudah. Ini pihak pembangkang tutup sehingga saya tak boleh nampak. Saya minta Yang Berhormat tolong bagi spesifik, jangan generalised,-dia tunjuk dia punya jari serupa semua orang salah.

Kementerian saya adalah satu kementerian yang membawa pendapatan untuk negara *[Ketawa]*. Belanja kecil saja dan peruntukan untuk pembangunan pun kecil saja dan tiap-tiap tahun kita belanja 98%. Apa dia mahu lagi? Dia cakap tak berkesan. Apa tak berkesan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Tuan M. Kulasegaran:** : Belakang pokok....apa ini! .Tak tau, tak tau apa nak cakap. Tak ada modal lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, pada satu bahagian, Yang Berhormat Beruas betul juga kerana harga kelapa sawit itu tinggi di dalam Dolar Amerika dan dengan harga yang tinggi memang Kementerian ada beri sumbangan sedikit kepada negara. Tetapi ada bahagian lain termasuk getah yang tak begitu baik sekarang ini dan ada projek-projek yang lain termasuk projek-projek untuk mempelbagaikan penggunaan getah. Projek-projek untuk penyelidikan di dalam

semua bidang komoditi. Ada satu dia bangga, memang kita pun bersimpati dengan dia kerana kelapa sawit lebih baik dan dia bangga dengan itu sajalah. Tetapi yang lain tu dia abaikan sekarang. Ha, itu masalah termasuk kayu getah.....

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kayu getah kita tak cukup sekarang. Dan projek-projek ada kalanya baik juga kerana dia bantai pegawai-pegawai di dalam Kementerian. Itu saya nampak, dia adalah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Naik angin sikit dia bantai. Baik juga. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, saya tak tahu apa angin yang dia cakap. *[Ketawa]*

You ingat ini selalu angin bertiup baru saya cakap. Tak ada angin pun saya cakap. Termasuk dia. Hari ini saya tak ada angin, saya boleh marah dia, kalaudia hendak cakap banyak. *[Ketawa]*.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung lah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, minta gulung. *[Ketawa]*

Saya berharap Kementerian Perusahaan Utama, Yang Berhormat Beruas boleh berusaha untuk mengenal pasti projek-projek di dalam kementerian dan juga di seluruh negara apa yang tidak dilakukan kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan yang pertama sendiri kata kelemahan itu hampir 51% kelemahan di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan tadi.

Tuan Pengerusi, ada banyak lagilah, bukan saja sektor-sektor produktif bahkan juga itu mengenai peruntukan RM10.6 bilion untuk projek-projek infrastruktur....

**Tuan Pengerusi:** Ya. Cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat Sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Rompin.

**11.59 pagi**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kepong ini bila boss datang dialah tukang hantar masuk dalam Dewan. Takutkahtak kena jadi calon. Ketua PBS I ni, dia bila Dato' ada nampak dia buat kerja. Kalau Dato' tak ada sini, dia tak ada dalam Dewan pun. Ha, ini hendak beritahu Presiden. Pilihlah calon baru.

Saya hendak mengambil kesempatan dalam Jawatankuasa ini menyentuh sedikit tentang MTEN. Khusus pada MTEN, dari segi tahniah kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana telah membuktikan kejayaan kita ataupun dapat menyelamatkan ekonomi negara kita. Ini saya ucapkan terima kasih kepada Kepong kerana setuju tentang peranan penting yang dilaksanakan oleh MTEN. Tetapi ahli-ahli DAP yang lain nampaknya tak bersetuju dengan beliau. Tetapi itulah kita, Kepong, ada yang baik itu dia menghargai yang baik, kita mengucapkan syabas kepada beliau. Yang lain itu perangai tradisional DAP sahaja.

Dari segi bukti kejayaan kita jelas terbukti dalam negeri pasaran BSKL dari segi indeksinya, jualan kereta, jualan rumah, ini sudah jelas nampak. Juga yang menyakinkan kita, yang membanggakan kita semua saya yakin ialah dari segi pengiktirafan daripada luar negara sendiri dari segi akhbar-akhbar, media massa luar, foreign press sudah nampak dapat menerima bahawa usaha kita, cara kita untuk menyelamatkan ekonomi negara kita, cara strategi kita sendiri telah membuktikan kejayaannya. Acuan kita, bukan cara IMF, tetapi cara kita telah membuktikan kejayaannya. Sebab itulah kita lihat dari segi Rating Agency pun sudah menaikkan rating negara kita, pelabur-pelabur pun sudah ramai datang kembali ke negara kita, saya mengucapkan syabas dari segi usaha MTEN untuk menyelamatkan ekonomi negara kita.

Saya minta juga kalau dapat saya mencadangkan kepada MTEN, kadang-kadang pembangkang ini menggembur-gemburkan seolah-olah pemulihan ekonomi negara ini hanya tertumpu kepada menyelamatkan orang yang besar-besar sahaja. Saya yakin ini tidak benar. Yang Berhormat bagi Teluk Intan

memang itu lagu yang dinyanyikannya untuk pilihan raya, so dia terpaksa angguk tetapi yang sebenarnya, banyak dana telah dikeluarkan untuk membangunkan industri-industri kecil dan sederhana, banyak juga yang membela peniaga-peniaga kecil. Kadang-kadang ini tidak dinyatakan secara umum dan spesifik oleh kerajaan dan kadang-kadang ini boleh diputarbelitkan oleh pembangkang.

[Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya kalau.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak sporting. Tadi saya....

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan, Rompin. Penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak sporting. Kalaulah dia dapat menunjukkan Yang Berhormat bagi Chenderoh...

**Tuan M. Kulasegaran:** Beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....bahawa Yang Berhormat bagi Teluk Intan ini sudah reformed, menjadi seorang Ahli Parlimen yang baik....

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:**..... saya mungkin timbang. Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak teruskan ucapan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Hendak beri jalan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak, sebab biar dia buktikan diri dia.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Jika tidak, teruskan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....sebagai Ahli Parlimen yang baik baru saya beri, insya-Allah, akan datang.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]* Masa tidak ada, ada 10 minit sahaja. Kacau!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuaran, duduk!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat bagi Tuaran hari ini dia nampaknya memang garang. Dia hendak membuktikan kepada Presidennya bahawa dia boleh buat kerja dengan betul, kalau tidak.... kena jaga bosnya ini, kalau tidak, tidak jadi calon nanti!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kerajaan juga membantu dan membela peniaga yang sederhana dan kecil. Kadang-kadang kalaulah gambaran diberi adalah untuk membantu yang besar, itu bukan membantu yang besar – tokoh atau ahli perniagaan yang besar. Itu menyelamatkan industri yang mereka itu telah membangunkannya, macam menyelamatkan industri telekomunikasi, menyelamatkan industri pengangkutan; ini adalah menyelamatkan ekonomi negara kita. Kalau misalnya, bank-bank tidak dipulihkan, bukan kerana ia kepunyaan orang-orang tertentu tetapi menyelamatkan institusi kewangan negara tetapi kadang-kadang pembangkang sengaja memutarbelitkan kenyataan – dia kata menyelamatkan orang-orang tertentu. Saya ingat elok kerajaan membuat kenyataan yang tegas mengatakan bahawa ia menyelamatkan Sistem Kewangan Negara dan menyelamatkan industri. Kalau ada tuan punya syarikat-syarikat tertentu, itu coincident sahaja, dengan izin.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya mengambil kesempatan dalam isu MTEN ini ialah tentang peranan Danaharta, CDRC sebab tadi dalam jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan CDRC pertanggungjawabannya hanya kepada beban-beban hutang yang bernilai RM50

juta ke atas. Kadang-kadang rakyat di bawah tidak begitu jelas bagaimana mereka yang ada hutang berjumlah RM50 juta ke bawah, ke mana mereka ini boleh pergi. Yang sebenarnya ada satu jawatankuasa khas di Bank Negara yang mereka boleh pergi untuk membantu dan menyelamatkan mereka ini tetapi mereka ini tidak, kadang-kadang mereka ini kurang faham dan tahu adanya jawatankuasa khas ini. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi sedikit kenyataan bahawa wujudnya satu badan dan ditubuhkan oleh kerajaan juga untuk membantu mereka yang berhutang sebanyak RM50 juta ke bawah – yang RM500,000, RM1 juta atau RM2 juta, mereka ini juga boleh datang kepada kerajaan untuk tolong membantu, melihat dan menengok bagaimana hutang mereka dapat di‘reschedule’kan ataupun dibiayai dengan pinjaman yang lain.

Saya difahamkan ada dana-dana ini ditubuhkan oleh kerajaan, namun demikian, masyarakat yang di luar sana kurang tahu tentang maklumat-maklumat ini. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyatakan sedikit tentang adanya perancangan kerajaan yang juga untuk membantu dan menyelamatkan peniaga sederhana dan kecil yang ada masalah ini.

Akhir kata saya.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tuan bangun tadi. Tidak bangunkah?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bolehlah, saya kesihan kepada Yang Berhormat bagi Tuan ini. Berilah peluang kepada dia bercakap untuk membuktikan dia ini bertugas sebagai Ahli Parlimen, nanti Presidennya tidak pertimbangkan dia menjadi Ahli Parlimen, susah juga nanti. Saya berilah dia peluang.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Kalau betul-betul Yang Berhormat bagi Rompin mahu MTEN ini berkesan, bersetuju atau tidak Yang Berhormat bagi Rompin sendiri menjadi Pengerusi supaya lebih berkesan ataupun mungkin Perdana Menteri tidak harapkan Yang Berhormat bagi Rompin boleh jalankan kerja? Jadi, bagaimana? Adakah lebih baik kalau Yang Berhormat bagi Rompin

yang memohon minta menjadi Pengerusi MTEN supaya lebih berkesan? Saya bersetuju tetapi sokongkah kalau Yang Berhormat sendiri menjadi Pengerusi?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita sudah ada satu kepimpinan negara – Timbalan Perdana Menteri, Tun Daim sebagai Menteri Kewangan yang sudah membuktikan mereka ini sudah menyelamatkan ekonomi negara kita. Apa lagi yang kita mahu? Bersyukur sahaja! Tetapi Yang Berhormat bagi Tuaran, tidak! Kalau dalam PBS dahulu, mungkin rancangan beliau kalau PBS menang dahulu dalam pilihan raya di Sabah, saya tidak tahulah Yang Berhormat bagi Tuaran dipilih menjadi Exco atau tidak pun saya tidak tahu juga. Tidak tahulah, saya nampak Presiden PBS itu banyak yang lain hendak dijaga juga.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuaran, jangan cakap tanpa keizinan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]* Jangan cakap banyak, nanti kalau Presiden PBS tidak pilih baru tahu! Ha, masuk UMNO boleh. Kalau Presiden PBS tidak pilih tidak apa, kita jemput masuk jadi calon UMNO. Boleh? *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

**12.05 tgh.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, P.7 iaitu diperuntukkan RM10 sebagai tanda awal untuk mewujudkan Pusat Islam yang baru. Saya hanya hendak kemukakan persoalan-persoalan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat melanjutkan ucapan Yang Berhormat, saya hendak ingatkan Yang Berhormat bahawa sekiranya token vote RM10 itu, biasanya Yang Berhormat tidak dibenarkan menyentuhnya dalam perbahasan, yang lain itu boleh.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini hendak tanyalah, ha?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:**...kecuali token vote.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Hendak tanya, hendak tanya. Hendak tanya fasal peruntukan ini, nanti akan ada peruntukan besar. Jadi, saya hendak tanya persoalan-persoalan Pusat Islam yang baru ini, di mana hendak dibuat, macam itulah, itu boleh!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sepintas lalu tidak apa.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ha, sepintas lalu. Pusat Islam yang baru ini di mana hendak dibuat, apa perlu Pusat Islam baru, berapa anggaran belanja – mudah-mudah sahaja, soalan mudah sahaja. Adakah juga ia berfungsi sebagai pusat pemulihan akidah? Senang soalnya! Persoalannya kenapa kita hendak buat Pusat Islam baru ini sebab kita lihat sekarang, apakah hasil kajian Pusat Islam? Yang kita lihat sebelum merdeka dahulu, ada sekolah Inggeris, sekolah-sekolah Inggeris itu ada gereja di dalam sekolah itu, ada lagu-lagu yang didendangkan tetapi tidak ada orang Islam murtad. Kenapa selepas ada Pusat Islam, ada IKIM, ada Jabatan Agama Islam, orang Islam banyak murtad? Adakah Pusat Islam buat kajian kenapa. Jadi, persoalan inilah yang perlu dijawab.

Adakah ia juga nanti berfungsi sebagai pusat pemulihan akidah? Orang-orang Arqam berjumpa saya dan berkata mereka dipulihkan akidah mereka tetapi yang berusaha memulihkan akidah mereka, di antara yang menyoal mereka, kadang-kadang sembahyangnya pun tidak, ini kawan-kawan kita daripada Arqam - yang lalai sembahyang! Ini kawan-kawan kita daripada Arqam yang bersungut kepada saya. Jadi, saya tidak sebut nama, siapa orang itu dan sebagainya tetapi yang hendak pulihkan akidah orang, orang itu mestilah yang akidahnya lebih hebat dahulu. Jangan sampai orang-orang Arqam boleh cerita, orang itu, orang ini yang pulihkan akidahnya, dia dapat check masa mereka bersama itu lalai terhadap amalan-amalan yang fardu. Jadi, saya ingin meminta penjelasan mengenai perkara ini, apakah perlu wujud Pusat Islam baru? Fungsinya dan soal pegawai-pegawai yang diletak di situ dan kajian menyeluruh adakah dibuat. Bukan saya hendak pukul kerajaan, tidak! Masalahnya adakah kajian menyeluruh dibuat kenapa orang

Islam begitu rapuh akidah terutama selepas merdeka di bandingkan semasa kita dijajah oleh Inggeris.

Saya ingin bertanya sebab kekeliruan yang berlaku begitu dahsyat. Gambaran-gambaran terhadap pemerintah kadangkalanya menyebabkan orang keliru sekarang ini. Kekeliruan itu dibuat oleh pelbagai pihak tetapi yang hendak saya jelaskan di sini tugas Pusat Islam yang perlukan pusat yang baru ini, apakah pentingnya dan apakah tugas mereka perlu diterangkan kepada kita dalam Dewan ini supaya kita tidak membazirkan belanja. Apabila diperuntukkan nanti sudah tentulah yang besar, saya dengar khabar ia akan dibuat dekat dengan Bangi yang dekat dengan Putrajaya dan sudah tentulah ia akan menjadi bangunan ataupun projek yang cukup mahal tetapi kalau mahal dan sebagainya tetapi fungsinya tidak dapat mengangkat martabat Islam, maka ianya akan menjadi seperti projek-projek yang telah lalu.

Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya juga hendak berucap, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tadi tidak bangun!

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya separuh bangun bila Tuan bangun, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Separuh bangunkah? *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya. Lepas itu Yang Berhormat telah memberi peluang kepada dia. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Mana ada 'separuh bangun' ini? *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini Yang Berhormat bagi Rompin dia tidak tahu, dia apa tahu ini?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Rompin, duduklah, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Mana ada 'separuh bangun'?

**Tuan M. Kulasegaran:** Atas peraturan apa?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apakah bahasa 'separuh bangun'.

**12.10 tgh.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan Maksud P.7 khusus untuk peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus MTEN.

Tuan Pengerusi, memang kita sedar bahawa MTEN memainkan peranan yang penting untuk menjana semula ekonomi kita dan saya menyokong peruntukan ini tetapi yang saya ingin sentuh di sini ialah kenapakah MTEN tidak begitu aggressive untuk membantu keseluruhan rakyat yang mempunyai hutang dan perlu dibantu. Dalam jawapan kepada soalan saya di dalam Dewan yang mulia ini, setakat ini RM38 bilion hutang yang telah dibeli oleh Danaharta tetapi belum pula ada yang dijual dan tidak ada penjelasan apakah kesan hutang ini kepada ekonomi nanti andai kata ia berlarutan, tidak dapat dijual, dan membeban kewangan kerajaan. Adakah ini bermaksud bahawa kerajaan hanya mahu membantu orang-orang yang terlibat sebagai kroni dan juga adakah ini menunjukkan amalan kronisme oleh kerana hanya 1,732 orang sahaja yang dibantu sedangkan saya rasa di seluruh negara jutaan orang mempunyai hutang dan sama-sama juga menanggung masalah di dalam menghadapi kegawatan ekonomi ini.

Saya sedar bahawa tujuan kerajaan dalam membentuk MTEN adalah untuk mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah ekonomi negara ini dan kita harus menerima hakikat bahawa yang lebih giat untuk menggerakkan ekonomi negara ialah pekebun-pekebun kecil dan peniaga-peniaga kecil di seluruh negara dan mereka juga tertekan kerana pinjaman mereka tidak dapat dijelaskan mengikut

perjanjian oleh kerana tekanan ekonomi. Misalnya, kontraktor-kontraktor kecil di seluruh negara. Mereka juga menghadapi masalah yang teruk sekali tetapi kerajaan ataupun pihak MTEN tidak mengambil kira masalah mereka, hanya gergasi-gergasi sahaja seperti Renong yang dibantu. Ini jelas menunjukkan memang betul ada kronisme dan nepotisme. Jadi, saya minta pihak MTEN berlaku adil di dalam hal ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Dia memang takut oleh kerana dia takut Yang Berhormat bagi Merbuk nanti marah dia mahu ambil jawatan Pengerusi nanti, jadi susah! Jangan beri dia jalan. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini anak buah Presiden PBS, tidak sporting!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan nampaknya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak report kepada bos dia,.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya beri peluang kepada dia, dia tidak beri peluang kepada saya, bermakna tidak ada keadilan anak buah dia ini!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Hei, Yang Berhormat mahu masuk parti KeADILan? *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Ha, ini pengakuan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Itu pengakuan di Dewan!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan, kalau tidak beri jalan, teruskan. Masa berjalan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Adakah saya kena tanya bos untuk minta kebenaran supaya Yang Berhormat bagi Tuaran beri?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Jangan ganggu, ada masalah yang saya hendak bahaskan di sini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dalam PBS semua benda mesti ada restu Presidennya dahulu. Hendak beri saya peluang bercakap pun kena rujuk juga?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, boleh minta laluan daripada Tuaran yang tengah bercakap, bukan daripada orang yang lain.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tadi giliran dia, dia bercakap juga. *[Ketawa]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ini Rompin ganggu sekejap. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, dalam maksud ini saya menyeru MTEN berlaku adil bukan sahaja mencari jalan untuk membantu semua golongan masyarakat yang memang ada masalah hutang yang tidak berbayar. Walaupun kecil tetapi memainkan peranan yang penting untuk menggerakkan ekonomi negara. Jangan tumpu bantuan kepada orang-orang kenamaan atau berpengaruh sahaja oleh kerana mereka ini mempunyai jalan sendiri untuk mencari penyelesaian hutang mereka. Tetapi orang yang betul-betul hanya bergantung kepada perniagaan mereka untuk melepaskan diri daripada belunggu hutang tidak berbayar, merekalah yang betul-betul memerlukan bantuan MTEN.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga ialah di seluruh negara, saya difahamkan di Sabah dan Sarawak misalnya, belum ada yang diberi bantuan. Adakah tindakan kita ini hanya ditumpukan kepada segolongan masyarakat peniaga yang dikenali oleh MTEN atau hanya yang tergolong di dalam kumpulan Barisan Nasional sahaja? Saya harap pihak MTEN juga mengambil peranan untuk memperkukuhkan ekonomi negara yang terjejas khususnya di luar bandar yang

juga mempunyai hutang terkumpul termasuklah hutang mereka dengan Bank Pertanian. Oleh kerana keadaan ekonomi – Yang Berhormat bagi Beruas, saya rasa dia perlu lebih giat oleh kerana harga getah turun sangat dan mereka ini juga pekebun-pekebun kecil yang tertumpu kepada perusahaan getah di ladang-ladang kecil berhutang tetapi tidak ada orang yang membantu, mana-mana kementerian pun tidak ada yang tampil untuk membantu.

Jadi, saya mintalah Jabatan Perdana Menteri khususnya Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk mengambil kira keperluan membantu mereka yang berhutang kecil tetapi berperanan penting untuk menjanakan semula ekonomi negara.

Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Teluk Intan. Saya tetap beri peluang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya ingin ambil bahagian dalam Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri mengenai MTEN.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu bahawa peranan dan asas penubuhan ini adalah untuk menolong mengatasi masalah gejala ekonomi yang serius. Tetapi adakah selepas MTEN ini disediakan bahawa matlamat ia diwujudkan telah dicapai. Dalam perkara ini saya rasa pihak rakyat ada hak untuk mengetahui berapakah majlis mesyuarat yang telah diadakan oleh MTEN? Dan di antaranya daripada swasta yang telah menyumbangkan beberapa pendapat mereka dan saya difahamkan bahawa di antaranya adalah pandangan bahawa kita perlu meminjam wang dari luar negeri.

Baru-baru ini, bon di mana kerajaan terutama MTEN mengatakan satu pencapaian yang tidak setanding di mana-mana negeri yang dikatakan berbilion-bilion ringgit bon yang diadakan dengan ‘road show’ dan sebagainya telah dicapai

oleh kerana kepercayaan rakyat di luar negara terutama pihak yang ingin melabur di negara ini. Dan adakah ini benar kerana saya difahamkan bahawa ramai di antara yang telah membeli bon-bon ini atas nasihat pendapat MTEN.

Pertamanya, harga faedahnya adalah 8.75% satu harga faedah yang terlampau tinggi yang tidak boleh diterima di mana-mana rakyat atau ekonomi negara di dunia ini. Saya difahamkan bahawa ramai di antara yang telah memilih untuk membeli bukan kerana kepercayaan kepada stabiliti kewangan di negara ini tetapi kerana faedah yang diberi dan 'guarantee' adalah sesuatu yang terlampau dan tidak boleh diterima di rantau atau badan-badan kewangan. Pertama, kenapa MTEN memberi arahan sedemikian. Kedua, adakah .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun hendak beri jalan?

**Tuan M. Kulasegaran:** Dia ahli MTEN, okay, all right.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih .....

**Tuan M. Kulasegaran:** .... dia hendak jadi ahli MTEN, kita beri 'chance'.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya kepada Teluk Intan. Semasa ekonomi kita gawat dahulu, mereka dijemput untuk melabur di Singapura atau meletakkan wangnya di Singapura. Kadang-kadang sampai satu ketika 'interest'nya sampai 30% hingga 40%. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat ingat berbanding 80% dengan 30%, 40% dahulu ini amat murah sekali? Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Teluk Intan adakah Yang Berhormat cuba menggunakan isu ini sekadar mengalih perhatian orang kepada isu yang sebenar bahawa memang benar mereka ini ada keyakinan kepada negara kita dan negara kita ini termasuk Teluk Intan? Teluk Intan ini sepatutnya berbangga bahawa pelabur dari luar menaruh keyakinan kembali kepada kita dan termasuk Teluk Intan sendiri ....

**Tuan M. Kulasegaran:** Cukuplah, Rompin cukup. Itu pandangan Yang Berhormat tidak ada asas dan tidak boleh diterima kerana nombor satu tidak layak menjadi ahli di MTEN. Kita lebih tahu mengenai perkara itu.

Tuan Pengerusi, jadi saya hendak tahulah kenapa seorang Timbalan Menteri boleh datang ke Dewan yang mulia ini dan mengatakan bahawa apabila kita meminjam wang berbilion-bilion bon ini dari luar negeri. Kita pinjam kerana asasnya kita tidak mahu pakai wang itu, mana ada rasional sedemikian. Bolehkah perkara ini ditunjukkan, adakah ini hasrat MTEN, adakah betul 'standing'nya. Ini adalah satu penyelewengan yang memberi jawapan di Dewan yang mulia ini tidak berasas, tidak boleh diterima. Satu yang tidak rasional. Adakah seseorang ini hendak pergi ke luar negeri mengadakan 'road show' dan sebagainya meminjam berbilion-bilion, berjuta-juta US Dollar dan mengatakan bahawa ia tidak digunakan kerana tidak perlu. Dan dalam keadaan ini adakah ini yang diasaskan oleh MTEN, adakah ini pandangan MTEN atau pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Chenderoh yang tidak boleh dipercayai. Dan oleh kerana dia tidak boleh menjawab soalan yang dikemukakan, dia mencari satu kesilapan, satu perkara yang aneh yang tidak boleh – 'no meaning', tidak ada asas.

Saya tahu Yang Berhormat bagi Kuantan ini sangat fasih, dia semua tahu mengenai hal ini tetapi saya haraplah penjelasan yang boleh diterima oleh rakyat. Jangan kita datang ke Dewan yang mulia ini hanya menggunakan – apabila tidak boleh jawab, cari jalan untuk menyelesaikan dengan tidak boleh diterima pakai oleh akal kita.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang ini bila jadi Timbalan Menteri dalam ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya. Yang Berhormat Menteri bangun ya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ahli MTEN saya minta penjelasan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini 'Msebelas', okay. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya minta penjelasan di mana Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan, dia sangat tahu pusing-pusing semua fakta. Beliau tidak tahu di mana di dalam pasaran bon atau pasaran apa pun, kita kena bersaing dengan tawaran-tawaran dari banyak negara.

Kalau kita ada keyakinan untuk memberikan apa sahaja faedah untuk menarik pelaburan di dalam bon itu. Apa salahnya. Kita ada keyakinan atas ekonomi kita yang mana kita boleh tawar apa yang ditawarkan dan jangan pusing-pusing yang dia sendiri tidak berapa tahu atas perkara berkenaan dengan kewangan. Ini saya harap saya dapat penjelasannya, jangan pusing-pusing lagi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Beruas, jangan kita pusing-pusing depan pokok, belakang pokok. Yang ini kita perlu faham, nombor satu.....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Biar, biar ini tidak beri jalan, tidak beri jalan, jangan ya. Tidak ada asas.....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Orang resist.

**Tuan M. Kulasegaran:** ..... sila duduk, duduk. Belakang pokok *[Disampuk]* Ya, ya cakap Tamil pun tidak pandai, pergi makan lebih kari baru you boleh faham, okay. *[Ketawa]* Inilah saya hendak kata. Yang inilah menteri pekak, beliau ada di sini pagi ini, Chenderoh pun beritahu apa asasnya. Dia kata kita pergi – jangan membuat satu rasional yang tidak boleh diterima. Yang Berhormat Timbalan Menteri kerap kali tidur di Parlimen, nombor satu. Kedua, hari ini Chenderoh ada beritahu, yang ini mustahak kerana MTEN macam mana asasnya apabila dia mengatakan ya, betul kita ada ‘road show’ tetapi kita pinjam wang bukan untuk mengguna – mana boleh bunga 8.7%. Di negara ini mana ada bank memberi sedemikian dan untuk ‘Msebelas’ untuk memberi satu perkara yang tidak boleh diterima .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, mana ada ‘Msebelas’?

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Ketawa]* dia ‘Msebelas’ lah. Beruas ini ‘Msebelas’. *[Ketawa]* Dia sekarang pakar ekonomi .....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran:** ..... yang ini tidak beri jalan, duduk, duduk. Ini .....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Cakap, dia tidak tahu kira satu dengan sepuluh. Dia mesti sebelas punya.....

**Tuan M. Kulasegaran:** ... ya, ya pakai cermin, pakai cermin.....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya sudah, saya tidak payah pakai cermin boleh nampak, gelapkah.

**Tuan M. Kulasegaran:** Duduk, duduk, Beruas. Kita ambil alih you punya kerusi lain kali....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Jangan, jangan dia main lagi, apa duduk?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, balik kepada tajuk. Jangan ambil kesempatan untuk perli orang lain. *[Disampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, dengan rendah diri. Yang ini dia cakap pusing-pusing, itu dia keluar daripada topik, dia tidak tahu .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** ..... bila saya ingatkan dia 'Msebelas'.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tidak nampak dia punya jaring. Ini jaring, saya punya jaring senang nampak, dia punya jaring susah nampak.

**Tuan M. Kulasegaran:** Belakang pokok punya cakap, jangan cakap di sini. Belakang pokok punya jangan cakap, you cakap sama dia, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia boleh soal. Yang Berhormat sudah beri laluan, dia boleh soal. Tetapi Yang Berhormat, berhak tidak mahu jawab.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya mahu jawab, itulah saya jawab pasal soalan itu tidak kena mengena dengan apa yang saya bahaskan. Dia tidak faham, yang ini sudah terlampau lama. *[Disampuk]* Itulah kita kata 'Msebelas'. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, tapi kita rela untuk memberi satu kursus kepada orang-orang dari 'Msebelas' dan 'Msepuluh' mengenai hal macam mana kita mengatasi masalah di negara ini. Tidak mahu cakap mengenai pokok, belakang pokok,

depan pokok, atas pokok, tidak mahu cakap tetapi dia tahulah yang ini menghinakan masyarakat di Malaysia ini. Tidak ada standard di mana dia boleh kata bahawa kita perlu terhutang budi kepada rakyat yang menolong. Beruas datang ke Dewan yang mulia ini, bukan kita datang sahaja untuk membahas tetapi membawa pembangunan, sensitif kepada semua rakyat. Yang ini kita mesti faham. Kita semua suka atau tidak suka datang dari estet dan ladang, 30 tahun, 40 tahun dahulu. Mungkin sudah jadi Ahli Dewan Rakyat, bukan semestinya boleh kata apa yang mereka suka.

Jadi, saya ulang balik kepada Kuantan apakah pandangan mengenai MTEN bahawa jawapan dari Chenderoh ini. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Kuantan ini setuju bahawa sekarang kita sudah sampai ke satu tahap di mana Chenderoh perlu lawan dengan Chenderoh kerana dia tidak berapa cenderung kepada perkara yang mustahak di depan Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, kita perlu tahu bila seorang Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen tidak termasuk Beruas yang datang mari ke sini ke .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat bangkitkan sekarang ini, apa kena mengenanya .....

**Tuan M. Kulasegaran:** Oh, banyak kena mengena.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:**.... dengan maksud yang kita bahaskan.

**Tuan M. Kulasegaran:** MTEN.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat, ....

**Tuan M. Kulasegaran:** Boleh, boleh saya, okay.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kalau MTEN saya izinkan tetapi nampaknya Yang Berhormat ghairah sangat hendak bangkitkan perkara yang bersabit dengan politik kepartian.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Itu saya tidak benarkan, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya hairan, Saya keliru, Tuan Pengerusi .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, balik kepada tajuk. Saya tahu apa Yang Berhormat hendak sarankan. Saya faham itu tetapi balik kepada tajuk, jangan terpesong, .....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak ada 'udang di sebalik batu' [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, untuk menggulung perkara ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk, sila gulung.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya hendak gulung. Jadi, tolong isytiharkan bahawa MTEN ini apa yang mereka tujukan untuk membawa kemakmuran kepada negara ini telah disalahfahamkan dan jawapan yang diberi oleh Chenderoh ini tidak boleh diterima dan patut dikutuk. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**12.31 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah berminat dengan beberapa perkara di dalam Jawatankuasa ini membahaskan beberapa perbelanjaan sahaja iaitu di antara Maksud B.7 – MTEN, RM10 juta dan P.7 – Pengambilan Tanah.

Saya hendak menyatakan bahawasanya apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Cheras dan juga Kepong iaitu berkenaan dengan P.7 yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM53 juta adalah semata-mata untuk berurusan mengambil tanah di Semenyih dan tidak langsung terlibat dengan kos pengambilan tanah yang dikatakan tanah perkuburan dan juga tanah milik untuk dialih kubur yang dinyatakan tadi. Projek RM53 juta ini merupakan satu jumlah yang diperlukan untuk mengambil alih tanah yang di Semenyih. Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, tentunya kerajaan akan mengikuti kaedah-kaedah yang telah ditentukan.

Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Cheras tadi tanah perkuburan yang hendak diambil sebenarnya merupakan tanah yang terdiri daripada tiga kategori. Yang pertama, iaitu kategori tanah kerajaan yang tidak menghadapi masalah. Yang kedua, tanah kerajaan yang telah diwartakan sebagai rizab kubur - ini mungkin sedikit masalah. Yang ketiga, tanah milik.

Dalam urusan pengambilan tanah ini tentunya kerajaan akan mengikut peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah undang-undang dalam negara kita, khususnya pengambilan tanah-tanah milik, iaitu kita ada kaedah-kaedah tertentu bagi pengambilan oleh kerajaan ataupun swasta bagi maksud pembangunan.

Dalam urusan ini apabila sampai ketikanya tanah-tanah ini akan diambil alih oleh pemaju atau kerajaan untuk pihak pemaju seperti mana yang kita tahu kita telah meminda Akta Pengambilan Tanah, maka bertanggungjawablah pemaju untuk berunding secara terus dengan pihak-pihak yang memiliki tanah yang akan diambil alih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bukan semestinya ada penggantian perkuburan lama ke tanah perkuburan baru di Semenyih. Tetapi nampaknya Timbalan Menteri ingin menyembunyikan sesuatu yang benar. Kerana semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menyebutnya dan ini dalam *Hansard* yang bertarikh kelmarin, muka surat 139 yang menyatakan 'menggantikan yang lama di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur'. Di sana ada tujuh tanah perkuburan lama. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab dengan ikhlas dan jujur.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya dengan ikhlas, dengan jujur, dengan tepat, RM53 juta itu adalah bagi kita mengambil tanah yang di Semenyih yang tidak termasuk lagi tanah hak milik perkuburan yang

ada pada hari ini. Itu maklumat yang saya ada dan saya yakin itu adalah benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, itu penjelasan saya.

Kalau Yang Berhormat kata RM53 juta bererti semua tanah yang ada di Kuala Lumpur yang diambil alih, maklumat itu yang ada pada saya tidak benar.

**Tuan Tan Kok Wai:** Memang benar, Tuan Pengerusi. Tanah perkuburan lama di Kuala Lumpur ini adalah tanah kerajaan, masih tanah kerajaan, sebab itu semasa penjajahan 100 tahun lebih yang lalu. Tanah perkuburan lama itu diuruskan oleh rakyat, diberi kebenaran oleh kerajaan penjajah pada masa itu. Mereka tidak memiliki tanah tetapi hanya menguruskan tanah sebagai perkuburan. Maka seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Menteri Kewangan tanah baru adalah untuk menggantikan yang lama. Maka soalan saya ialah pemindahan tanah-tanah perkuburan lama ini jelas nyata akan dilakukan. Tetapi persoalan saya ialah bila dan adakah kesemuanya ketujuh-tujuh perkuburan lama di Kuala Lumpur ini akan dipindah, bilakah akan dipindah, kerana mereka tetap akan dipindahkan kalau mengikut peruntukan tambahan ini. Tanah perkuburan baru adalah untuk menggantikan tanah perkuburan lama.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Yalah. Bila hendak dipindah tertakluk kepada penyelesaian semua perbincangan, urusan pengambilan tanah yang ada hak milik dan juga yang dirizab sebagai tanah kubur barulah urusan itu berjalan. Sekarang ini yang pertama mesti kita ambil alih satu tanah untuk menggantikan tanah kubur dahulu, kemudian esok barulah difikirkan. Saya rasa first step first dan RM53 juta ini merupakan kalau hendak dikirakan sekali gus dengan pengambilan tanah perkuburan dan hak milik, ianya menjangkau lebih daripada itu yang angkanya tidak ada pada saya, RM53 juta itu adalah permulaan.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Biar saya habiskan ini dahulu. Yang Berhormat menyatakan bahawasanya kita mengambil secara kasar. Sebenarnya kerajaan cukup sensitif, prihatin terhadap sensitiviti mana-mana kaum.

Kalau Yang Berhormat mengatakan selalu menyentuh kaum Kwang Tung, Hokkien dan Kwang Sai semata-mata, sebenarnya kubur itu juga terkandung di dalamnya kubur Katholik, Hindu dan sebagainya. Sebenarnya pembangunan seperti ini bukannya benda yang baru. Kalau saya tengok di tempat-tempat lain contohnya di negara jiran kita, di Singapura kubur Melayu, Cina atau India pernah dibangunkan semula.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawasanya ada unsur-unsur sentimen, tetapi kerajaan juga memikirkan tanah yang berhadapan dengan kita pada hari ini di Jalan Loke Yew dan sebagainya adalah mempunyai ciri-ciri ekonomi yang amat tinggi. Walau bagaimanapun, penyelesaian akhir terhadap keseluruhan projek ini, saya percaya akan tergantung kepada budibicara perbincangan lanjut daripada pihak-pihak pemaju, daripada pihak-pihak yang memiliki tanah dan sebagainya. Saya tidak percaya bahawasanya kerajaan kita akan bull-doze dengan begitu sahaja tanpa mengambil kira sensitiviti mana-mana puak dan kaum.

Berkenaan sama ada pengambilan tanah di Semenyih sama ada ianya harga yang benar atau harga yang mark up, saya memohon kepada Yang Berhormat supaya jangan memiliki prasangka yang buruk kepada kerajaan. Tentunya kita ada kaedah-kaedah yang tertentu yang melindungi kerajaan, melindungi rakyat di dalam usaha pengambilan tanah. Tidak ada sebarang usaha untuk kerajaan hendak mark up, dengan izin, pengambilan tanah dengan sewenang-wenangnya, kerana kerajaan ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab, beramanah, memelihara duit negara, duit rakyat. Oleh itu, tentunya perkiraan kita di atas keadilan kepada bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga kepada rakyat yang memiliki tanah di Semenyih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Cheras bangun lagi.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya ingat sudah habis bab ini sebab....

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini penting, memang Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti mempertahankan kerajaan kerana dia tidak boleh buat yang bukan-bukan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya mempertahankan kebenaran. Kalau kerajaan salah kita tidak tahan juga. Yang Berhormat pun tahu saya pun kadang-kadang banyak mengkritik, kadang-kadang saya mengkritik diri saya sendiri. Tetapi bila bab benar, benar juga.

**Tuan Tan Kok Wai:** Masalahnya kebenaran ada yang baik dan ada yang tidak baik. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Soalannya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah keluasan tanah itu?. Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya kata tidak ada penyelewengan, tidak ada mark up dan sebagainya. Berilah butir-butir yang meyakinkan berapa keluasan, setiap ekar berapa harganya. Ini yang penting, bukan satu jawapan yang general, okay, tidak salah, tidak silap, tidak mark up. Ini bukan jawapan. Saya mahu jawapan yang terperinci. Juga Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kerajaan prihatin. Selama ini Yang Berhormat Timbalan Menteri pun mengaku bukan satu isu baru, tetapi selama ini sudah berapa tahun belum ada satu lagi perbincangan atau taklimat pun mengenai cadangan pemindahan perkuburan ini dianjurkan oleh pihak kerajaan, pengurusan semua cemetery di Jalan Loke Yew, Jalan Lapangan Terbang selama ini tidak ada peluang untuk mengetahui apakah rancangan pemindahan yang sebenarnya.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Jumlah kawasan di Semenyih 436.25 ekar. Jadi, kalau Yang Berhormat kira berapa bahagi dengan berapa, Yang Berhormat akan dapat jawapan, saya tidak bawa calculator.

**Tuan Tan Kok Wai:** Bagi mark up lah.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tidak. Kalau Yang Berhormat ada bukti ada sengaja mark up dan sebagainya, Yang Berhormat boleh beri kepada saya, saya pun suka juga hendak tengok bukti macam mana.

Berkenaan dengan sama ada kerajaan pernah berunding, sebenarnya untuk memajukan kawasan ini adalah tanggungjawab pemaju sendiri. Saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada, adakah Yang Berhormat anggota jawatankuasa menjaga kubur Kwang Tung ataupun Hokkien ataupun Kwang Sai? Kalau Yang Berhormat tidak, maka tentunya Yang Berhormat tidak ada hak. Perkara ini saya percaya telah pun dirundingkan. Saya difahamkan diberi maklumat di sini bahawasanya dirundingkan dengan pihak-pihak yang berwajib. Jadi, oleh itu, mungkin kalau tidak silap saya Yang Berhormat dari urusan ini tidak ada *locus-standi*. Walau bagaimanapun, kalau hendak dikatakan tidak ada biarlah saya mengatakan tadi ada.

Masalah yang dari Kepong....

**Tuan Tan Kok Wai:** Yang pertama, penjelasan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Duduk dahulu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini penting sebab saya.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dahulu, kena ikut peraturan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Apa yang penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sebahagian besar tanah perkuburan ini di kawasan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, penting atau tidak penting itu lain. Tetapi yang penting itu ikut Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Betullah, kalau kawasan Yang Berhormat pun tetapi saya tanya Yang Berhormat katakan tadi tidak pernah diadakan rundingan. Maklumat yang saya dapat memang ada rundingan. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak tahu, saya bukan macam Ahli Parlimen yang lain, kalau Yang Berhormat tidak tahu jadi tidak tahulah, tidak bolehlah marah kepada saya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih. Saya hendak teruskan, Yang Berhormat. Tadi Tuan Speaker telah mengatakan masa suntuk. Saya boleh kalau sekiranya hendak detail lagi saya sanggup mendapatkan maklumat yang sejelas-jelasnya untuk saya berikan kepada Yang Berhormat. Saya adalah anggota yang saya rasa cukup bertanggungjawab. Saya percaya bahawasanya untuk rakyat menghormati, kerajaan juga mahu menghormati rakyat, dua wheel system. Saya menghormati Ahli Yang Berhormat dan insya-Allah kalau Yang Berhormat hendak maklumat-maklumat yang boleh saya beri, yang tidak ada diberi hari ini, saya akan beri nanti, insya-Allah.

Saya beralih kepada Kepong. Kepong pun mengusik sedikit dari segi perkara ini, saya ucapkan terima kasih dan saya ucap tahniah kepada Kepong kerana dia telah menyentuh satu ayat Al-Quran, walaupun tidak tepat saya sudah betulkan dia dan dia pun acknowledge pembetulan saya. Saya kira adalah satu petanda yang baik dan saya doakan dia terus baca Al-Quran mudah-mudahan dia dapat hidayah. *[Ketawa]* Mungkin kalau nama hendak pilih saya hendak beri namanya Mohamad Tan bin Abdullah.

Tuan Pengerusi, saya memang kagum dengan pengetahuan Kepong, dia boleh quote Surah Al-Baqarah ayat 127, nasib baik saya tahu bahawa Al-Baqarah ayat 126 itu berkenaan dengan doa Nabi Ibrahim a.s. dan diiktiraf tadi. Terima kasih.

Berkenaan dengan wang kerajaan dalam BSKL, percayalah kerajaan tidak percaya kepada manipulasi, kalau ianya dilakukan, percayalah bahawasanya akhirnya kerajaan sendiri dan rakyat seterusnya akan rugi kerana tidak ada angka yang mampu mempertahankan, we cannot probe artificially, dengan izin, mana-mana bursa saham khususnya bursa saham yang aktif, yang mempunyai modal capitalization, dengan izin, yang tinggi.

Jadi, dalam urusan ini percayalah bahawasanya memang wujud keyakinan baru di dalam BSKL sama ada ianya datang daripada dalam negara ataupun luar negara, sama ada ianya datang dari kelompok kecil-kecilan, daripada petani yang

ada duit ataupun orang-orang yang besar-besaran, the bigger players, wujud satu keyakinan baru dalam BSKL dan seharusnya kita membantu meneruskan keyakinan ini bukan mengoyak-ngoyakkan keyakinan agar bursa saham kita akan terus lebih sihat demi untuk kebaikan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga tertarik dengan Rompin yang mencadangkan MTEN memberi penjelasan yang sesungguhnya, sebenarnya di antara tugas dan tanggungjawab MTEN yang diminta RM10 bilion ini adalah untuk mewujudkan sistem komunikasi yang berkesan, yang mampu menembusi minda yang intelek di universiti dan sebagainya sampai kepada orang kampung. Sebab itulah MTEN berkewajipan pada hari ini untuk menjelaskan dengan sejelas-jelasnya kepada semua strata masyarakat kita berkenaan dengan peranan MTEN dan peranan yang lebih penting, peranan yang boleh dimainkan oleh setiap rakyat untuk membantu memulihkan ekonomi negara kita.

Ada yang merasakan bahawasanya, termasuk Cheras, kita hendak menyelamatkan rancangan MTEN adalah untuk menyelamatkan golongan yang besar-besaran sahaja dan tidak ada tindakan untuk kita menyelamatkan orang-orang yang miskin.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya menyatakan apabila MTEN mencadangkan supaya kadar pinjaman (interest rate) diturunkan, daripada 12.5% yang menjadikan effective lending rate more than 20%, dengan izin, sampai ada ketika 23% hingga 24%, apabila kerajaan melalui MTEN, MTEN mencadangkan dan ini dilaksanakan, diturunkan kadar pinjaman kepada 7% dan 7½%, bukankah hasil dari penurunan ini memberi manfaat kepada semua, bukan sahaja kepada golongan yang ada duit, yang kaya, malahan orang yang pertengahan dan yang rendah mendapat pinjaman yang kadar pinjamannya lebih rendah.

Begitu juga, kalau kita tanya, bahawasanya apabila kerajaan menyelamatkan sistem perbankan, bukan bermakna kita hendak menyelamatkan orang yang ada duit, kerana sesungguhnya sistem perbankan negara kita ini merupakan tunggak kepada ekonomi. Kalau bank collapse, runtuh, percayalah

bahawasanya keyakinan orang luar hendak masuk balik ke negara Malaysia adalah sukar sekali dan di antara tanggungjawab kerajaan yang bertanggungjawab mestilah meyakinkan bahawasanya sistem ekonomi kita yang berteraskan kepada sistem perbankan kita, masih kukuh, utuh dan tidak runtuh.

Kita kena lihat, bahawasanya kalau kita melihat negara orang lain, apabila merudum sahaja satu, dua bank mereka, lihat kepada negara-negara jiran kita, keyakinan sukar untuk pulih kembali sama ada dalam ataupun luar negeri.

Begitu juga kalau kita lihat kerajaan umpamanya, meneruskan usaha-usaha melalui MTEN mempermudah urusan industrialization dan juga membangunkan ladang-ladang, memudahkan urusan membuka projek-projek pertanian, ini semua menggalakkan pekerjaan. Sebab itu kita lihat unemployment rate ataupun kadar pengangguran menurun dengan begitu ketara.

Apabila kerajaan melalui MTEN mengendalikan ekonomi kita sehingga inflasi kita rendah, terkawal pada 2.9% bukannya itu mendapat manfaat kepada keseluruhan rakyat negara kita yang tinggi dan yang rendah, yang kaya dan yang miskin.

Inflasi kita kawal 2.9%, bila kerajaan menggalakkan pertumbuhan melalui membanyakkan low cost housing, umpamanya, ini semuanya adalah usaha untuk membantu yang miskin.

Tuan Pengerusi, lebih dari itu, kalau kita lihat kerajaan masih menggalakkan, memudahkan urusan, tadi Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah menyatakan kita memperhebatkan pemasaran barangan mentah kita, kita mempertingkatkan industri kita, kita memperbanyakkan peluang pekerjaan. Bila kita wujudkan peluang pekerjaan, itu bererti bahawasanya kita meminimumkan kemungkinan rakyat menjadi miskin. Jadi, semua rakyat sebenarnya mendapat manfaat hasil daripada cadangan ataupun tindakan MTEN.

Tuan Pengerusi, kita bernasib baik kerana kalau boleh saya nyatakan hasil daripada cadangan MTENlah, sistem ekonomi kita tidak runtuh dan hasil daripada itulah, kalau dikatakan ada yang bertanya dengan saya tadi, apakah bezanya

pendekatan kita dengan pendekatan yang diambil oleh negara-negara IMF. Pendekatan kita, kalau kita lihat tidak pernah menimbulkan unrest, dengan izin, there was no social unrest, there was no other unrest. Kalau kita lihat negara orang lain, sampai tidak ada cukup makanan dan sebagainya, wujud social unrest dan alhamdulillah, di negara Malaysia kita telah berhati-hati mengambil kira sensitiviti semuanya sehingga kita berjaya.

Saya tidak katakan memulihkan ekonomi sepenuhnya tetapi berjaya menyekat kegelinciran ekonomi dan ada tanda-tanda yang kita akan pulih kembali kalau semua pihak memainkan peranannya.

Saya rasa itu sahaja yang boleh saya jawab dan yang akhirnya tadi Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah bertanya perkara yang sesungguhnya seperti mana memang benar kata Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta adalah hanya RM10 token dan token tidak diperbahaskan, walau bagaimanapun, bila dia bertanya biarlah saya menjawab yang tujuan hendak digunakan satu heading baru ini adalah untuk menambahkan kemudahan di Pusat Islam, bukan hendak buat yang baru tetapi hendak menambahkan kemudahan seperti menyediakan kantin dan sebagainya. Sebenarnya, satu perubahan yang paling kecil dan tidak ketara. Itu sahaja yang dapat. ....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Teluk Intan bangun.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya ada menunjukan satu soalan mengenai pinjaman wang melalui bon yang Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ia tidak akan digunakan untuk di negara ini dan adakah ini tujuan MTEN bahawa kita meminjam dan tidak menggunakannya?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebenarnya, Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan ini dia pandai, ada dua Timbalan Menteri, dia hendak laga-lagakan sedikitlah.

Tuan Pengerusi, saya ingat Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan pun kena belajar daripada Kepong. Kepong, dalam ayat al-Quran ada menyatakan

“jangan kamu melakukan adu domba, jangan memecah-belahkan sesama manusia, kalau dua di antara saudara kamu berpecah belah, kamu damaikan mereka, jangan kamu pecah belahkan yang berdamai.” Jadi, tak mengapalah!

Walau bagaimanapun, perkara ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, jadi saya tidak boleh menjawab lebih daripada Menteri Kewangan. Dan Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan di antaranya ialah to test pasaran dunia dan juga sensitiviti masyarakat-masyarakat capital, bermodal kepada negara Malaysia dan jelas bahawasanya walaupun parti pembangkang secara berterusan menyatakan ianya ‘junk bond’, tetapi jelas bahawasanya ada keyakinan kepada negara Malaysia, walaupun dinyatakan the spread sedemikian, tetapi jelas tandanya bahawasanya orang-orang luar khususnya memiliki modal mulai meyakini negara Malaysia kembali dan itu adalah satu tanda yang amat baik dan terpujanglah kepada kita kerajaan, rakyat dan parti pembangkang kesemuanya memainkan peranan untuk menambahkan keyakinan orang-orang luar negara kepada negara Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,000,000 untuk Maksud B.4; RM10,000,000 untuk Maksud B.7; dan RM30,017,800 untuk Maksud B.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,000,000 untuk Maksud B.4; RM10,000,000 untuk Maksud B.7 dan RM30,017,800 untuk Maksud B.8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM739,250,010 untuk Maksud P.7; dan RM10 untuk Maksud P.8 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM739,250,010 untuk Maksud P.7; dan RM10 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)1999.

**Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1999] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepala Pembangunan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas sekarang. Teluk Intan.

**12.53 tgh.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud P.14 dan P.16.

Tuan Pengerusi, saya nampak bahawa ada peruntukan sebanyak lebih RM26 juta yang dipohon untuk membina rumah-rumah kos rendah di seluruh negara. Saya hendak menayakan satu soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jangka dan apakah estimate bahawa berapakah rumah yang perlu dibina di seluruh negara untuk tahun 1999 dan adakah benar bahawa walaupun ia telah ditetapkan akan tetapi setakat ini kita hanya walaupun setengah tahun pertama tahun ini telah pun habis, kerajaan hanya dapat menunaikan lebih kurang 30% daripada yang dipohon, yang dijanjikan kepada rakyat khususnya di negeri Perak.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan walaupun kerajaan telah memberi janji di beberapa tempat bahawa rumah kos rendah akan dibina, akan tetapi ini tidak ditunaikan. Satu di antaranya adalah di Slim River dan satu lagi di Bentong di mana projek-projek perumahan telah diluluskan untuk rumah kos rendah akan tetapi rumah-rumah yang lain yang dijanjikan telah dibina, di tempat-tempat di mana kerajaan telah meluluskan pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Apakah asas dan apakah sebab kerajaan membenarkan kelonggaran kepada pemaju-pemaju untuk membina rumah-rumah kos rendah? Bolehkah Yang

Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah pemaju-pemaju di negeri Perak khususnya dan termasuk di tempat-tempat lain di seluruh negara di mana telah berjanji dan mengikut perjanjian yang telah mereka beri kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan akan tetapi tidak ditunaikan.

Tuan Pengerusi, di antaranya saya difahamkan bahawa kerajaan memberi kelonggaran di mana selepas rumah-rumah lain yang berharga RM100,000 hingga RM150,000 dibina dan syarat-syarat telah diberi supaya mereka boleh menukar syarat dari terpaksa membina rumah-rumah kos rendah tidak perlu ditunaikan walhal rumah-rumah yang lain seperti rumah dengan harga RM100,000 hingga RM150,000 dibenarkan dibina di tempat-tempat di mana telah dikhaskan rumah kos rendah.

Dalam keadaan ini juga, apakah peranan badan kemajuan setiap negeri di negara ini seperti State Economic Development Corporation, kenapa kerajaan tidak memberi satu polisi supaya mereka diarahkan untuk membina lebih rumah kos rendah ini?

Tuan Pengerusi, terutama sekali di negeri Perak ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk, Yang Berhormat boleh sambung petang nanti.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih banyak.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

*Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]  
*mempengerusikan Jawatankuasa]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan sambung.

**2.32 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan pagi ini di mana beberapa projek kos rendah yang telah dijanjikan dan tidak ditunaikan. Jadi soalan saya adalah dalam hal ini berapakah rumah kos rendah yang dijadualkan akan siap betul-betul. Jangan kita beri satu angka dan tidak ditunaikan, saya tahu tahun ini kemungkinan besar pilihan raya maka mesti ada insentif-insentif yang tertentu supaya kerajaan menunaikan atau menyiapkan atau menolong menyiapkan dengan seberapa cara yang boleh rumah-rumah kos rendah.

Dalam perkara ini apakah strategi kerajaan untuk menolong dengan betul-betul bernas dari hati, betul-betul kita hendak kata kepada masalah di mana harga rumah kos rendah yang sengaja telah dinaikkan harga dari RM25,000 ke satu angka yang tidak munasabah. Dalam hal ini adakah kerajaan telah meneliti apakah sebab dan masalah yang akan tertimbul akibat dengan kenaikan harga rumah-rumah kos rendah.

Dalam perkara ini juga, Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu angka-angka di mana rumah-rumah kos rendah, terutamanya pemaju-pemaju berapa yang tidak disediakan untuk setiap negeri di Malaysia, kerana saya difahamkan bukan sahaja seperti tempat-tempat yang saya katakan sebelum ini, juga di lain-lain tempat termasuk satu di kawasan Teluk Intan sendiri di mana dijalankan oleh satu orang kuat Barisan Nasional dahulu yang tergendala dengan sebab-sebab yang tidak dapat di 'justify'kan. Duit-duit telah dikutip tetapi rumah-rumah kos rendah ini tidak disediakan. Jadi berapakah rumah-rumah tersebut dan bila wang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kepada siapakah di setiap negeri akan disalurkan dan siapa akan beri satu penetapan bahawa wang-wang ini akan digunakan.

Saya menimbulkan perkara ini kerana baru-baru ini tidak lama lebih kurang 4 – 5 bulan dahulu diberitahu beberapa kementerian termasuk kementerian-kementerian yang tidur yang telah memohon wang-wang dari Dewan yang mulia

ini, kita ini susah-susah debate di sini, lepas itu ambil masa untuk meluluskan wang yang mereka mahu tetapi tidak digunakan. Jadi dalam hal ini berapakah wang yang telah diluluskan dan belum digunakan oleh kementerian ini dalam hal perumahan awam kos rendah. Ini musatahak kerana buat apa kementerian datang ka Parlimen untuk mendapat kelulusan menggunakan wang-wang walhal wang-wang ini bila diluluskan dibenarkan untuk digunakan untuk rakyat tetapi tidak ditunaikan. Apakah masalah-masalah mengenai perkara ini?

Tuan Pengerusi, ada juga saya nampak sebanyak lebih RM55 juta digunakan untuk negeri Sarawak, apakah sebab banyaknya? Di Sarawak bukankah banyak peruntukan sebelum ini telah dibuat dan apakah sebab kali ini perlukan sebanyak macam itu untuk negeri Sarawak sahaja. Adakah ini untuk menekan sesuatu perkara bahawa pilihan raya di sana lebih susah dari tempat lain supaya kerajaan ingin menggunakan wang untuk menyelamatkan nyawa mereka di Sarawak. Oleh kerana perkara di Sabah di mana pilihan raya telah dimenangi nampaknya hanya RM750,000 sahaja yang perlu. Jadi apakah wang ini digunakan, kerana semua rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah yang ingin dibina itu telah dibuat saya rasa sebelum pilihan raya di Sabah.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, juga kerap kali rumah-rumah kos rendah yang dibina di mana-mana juga tidak ikut spesifikasi, tidak ikut standard dan apakah tindakan oleh kerajaan supaya rumah-rumah kos rendah ini akan mengikut jadual bukan sahaja jadual masa tetapi standard yang mengikut undang-undang. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah kelulusan yang telah diberi oleh kementerian untuk rumah-rumah kos rendah yang tidak dibina mengikut jadual masa dan berapakah kelonggaran masa dan sebab apa ini diberi kelonggaran masa? Mengikut undang-undang pembinaan rumah-rumah perlu dibina dalam tempoh 24 bulan dan saya difahamkan baru-baru menteri berkenaan telah memberi beberapa kebenaran kelonggaran yang luar biasa di mana rumah-rumah ini tidak disiapkan dalam jangka masa 2 tahun tetapi kelonggaran dengan tidak munasabah, dengan tidak ada asas perkara ini telah

diberi. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini berapakah kelulusan yang diberi dan adakah di antaranya di Perak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan M. Kulasegaran:** Sebagai menggulung. Ini di Slim River di mana rumah-rumah kos rendah di mana banyak tunjuk perasaan, satu-satunya di kawasan Tanjong Malim, kemungkinan Ahli Parlimen di sini dia mungkin sedar, selain dari di Sungkai mengenai khinzir, ini di Slim River di mana pihak polis telah memberi kebenaran untuk tunjuk perasaan orang ramai di sana di mana orang ramai telah memberi wang pendahuluan separuh dari wang membeli rumah itu telah dibayar akan tetapi telah hangus oleh kerana kerajaan, kementerian ini walaupun sedar mengenai perkara itu tindakan tidak diambil. Saya difahamkan perkara ini telah dibawa kepada menteri sendiri. Apakah tindakan yang telah diambil, ini rumah-rumah kos rendah di Slim River di kawasan kawan saya dari Tanjong Malim, dia pun sedar tetapi perkara ini sudah berlarutan lebih kurang 15 tahun, apakah tindakan yang telah dirancangkan supaya perkara ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sandakan.  
**2.39 ptg.**

**Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P.16. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat telah merancang untuk membina 4 buah balai bomba yang baru di negeri Sabah. Untuk memastikan kebakaran mudah dihapuskan, pili-pili bomba memainkan peranan yang penting. Memandangkan pili-pili bomba yang sedia ada di kawasan saya bukan sahaja tidak mencukupi, kebanyakannya juga terdapat tidak berfungsi. Saya ingin memohon supaya peruntukan tambahan juga dapat diberi bagi kawasan saya untuk membaiki keadaan ini. Saya juga ingin cadangkan supaya pegawai-pegawai bomba di Sabah dapat sentiasa check semua pili-pili

bomba di Sabah supaya memastikan kesemua pili-pili bomba ini dapat digunakan bila-bila masa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kuala Nerus.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 01500 - Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Kawasan saya ada satu RAKR rumah murah yang telah dibina lebih kurang 300 unit iaitu Perumahan Awam Kos Rendah Alor Jambu. Saya dapati rumah yang dibina kualitinya memang tidak sampai kepada standard yang dikehendaki di mana dari segi pembinaannya kalau mengikut syarat-syarat bayaran sememangnya tidak menepati kehendak. Walau bagaimanapun, projek ini adalah bukannya di bawah SEDC tetapi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin tahu kalau tidak secara lisan, secara bertulis kenapakah penyeliaan ke atas Projek Perumahan Alor Jambu ini terlampau lemah.

Yang kedua, masalah juga yang timbul adalah rumah itu separuh sahaja dapat diduduki kerana sebahagian daripada rumah itu termasuk lotnya sudah lari alignmentnya iaitu pada masa pembinaan telah masuk reserve jalan raya dan kemudahan-kemudahan lain juga tidak disediakan. Apakah sebenarnya masalah yang dihadapi kerana saya dapat tahu bahawa projek ini adalah projek yang diberi secara runding terus dengan kementerian.

Perkara kedua adalah Butiran 01100, iaitu balai bomba dan bangunan. Saya ingin tahu berapakah kos sebenar Akademi Bomba dan Penyelamat Wakaf Tapai kerana peruntukan yang diminta di dalam ini adalah RM13.5 juta sahaja sedangkan saya diberitahu bahawa Akademi Bomba ini menelan belanja yang begitu besar dan sehingga kini setakat manakah peratus siap bangunan ini dan bilakah ianya dapat berjalan untuk digunakan oleh kementerian? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Serdang.

**2.44 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh maksud P.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang telah membina sebuah balai bomba di Seri Kembangan dan kerja-kerja akan siap pada hujung tahun hadapan tetapi saya masih tidak lagi berpuas hati terhadap satu kawasan iaitu kawasan Puchong kerana saya kemukakan satu tapak balai bomba di kawasan tersebut kerana sehingga hari ini sebanyak 300,000 penduduk tinggal di kawasan itu termasuklah perumahan dan industri di mana kawasan Puchong merupakan bandar baru yang sedang muncul.

Kalau kebakaran berlaku di kawasan Puchong balai bomba daripada PJ jaraknya sangat jauh. Bukan sahaja jauh Tuan Pengerusi, tetapi juga kesesakan lalu lintas. Kalau sampai di kawasan kebakaran Puchong hanguslah semua. Pernah berlaku di mana 2-3 kejadian berlaku di mana dua nyawa kanak-kanak telah terkorban kerana lambat bukan kesilapan bomba tetapi disebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut. Maka satu cadangan telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Bomba supaya menimbangkan untuk mewujudkan balai bomba di kawasan Puchong. Tapak yang dikemukakan ialah di pusat bandar Puchong di mana tapaknya seluas tiga ekar yang telah direservekan sebagai balai bomba di kawasan tersebut.

Saya sukacita memaklumkan bahawa kementerian melalui Jabatan Bomba telah mengkaji dan memaklumkan kepada saya ia akan dipertimbangkan. Maka dengan demikian itu, saya minta kementerian untuk menimbangkan cadangan membina balai bomba di kawasan Puchong ini dengan seriusnya kerana kepentingan rakyat untuk mencegah atau mengelakkan kehilangan harta-benda termasuk nyawa.

Dengan demikian saya sekali lagi memohon pihak kementerian untuk menimbangkan keutamaan kepada kawasan Puchong untuk mewujudkan balai tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Bintulu.  
**2.47 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P.14 Butiran 01508 mengenai fee professional yang dikenakan ke atas perjanjian jual-beli rumah kos rendah. Sebenarnya tidak diperlukan peguam profesional mengendalikan jualan seperti ini kerana yang diambil ialah hanya tarikh perjanjian, nama orang yang membeli rumah, kad pengenalan, alamat dan harga dan borang biasanya adalah standard.

Kita perhatikan pembelian sebuah kereta tidak perlu seorang peguam menguruskan jualan dan pembelian walaupun maklumat yang diperlukan adalah lebih banyak daripada pembelian rumah kos rendah tetapi syarikat kewangan dia mampu menguruskannya. Amalan sekarang ialah keseluruhan perumahan dalam membuat pembelian rumah kos rendah biasanya mempunyai senarai penal peguam yang menguruskan ribuan unit rumah kos rendah yang perlu dijual. Caj profesional meliputi bayaran guaman, duti setem, bayaran pendaftaran dan lain-lain. Sebagai contoh di Sarawak, caj boleh mencapai sehingga RM2000 setiap unit. Bila ada ribuan unit jumlah caj menjadi angka yang besar. Amalan ini sebenarnya boleh dikecualikan kerana borang adalah standard, kerja pun standard, berulang-ulang dan banyak wang boleh dijimatkan dan faedahnya boleh dipulangkan kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah atau as alternatif dengan izin, jika perkhidmatan firma guaman masih perlu dikehendaki, maka sepatutnya ada satu scale caj barangkali 25% less dari caj biasa bila menguruskan jenis perumahan kos rendah di mana kerja dan borang diseragamkan supaya keuntungan boleh dikembalikan kepada golongan rakyat berpendapatan rendah.

Mengenai Butiran 00300 - Pasukan HAZMAT, saya tertarik dengan perkhidmatan Pasukan HAZMAT dan saya difahamkan pasukan ini biasanya berada di kawasan yang ada banyak kilang industri gas. Pasukan HAZMAT ini mempunyai alat-alat yang canggih yang dapat detect dengan izin, di mana-mana tempat yang ada gas dan jenis gas yang dikeluarkan dalam kilang industri gas ini.

Oleh kerana bandar Bintulu adalah sebuah bandar yang mana terdapat banyak kilang petrokimia dan satu Pasukan HAZMAT memanglah sangat diperlukan di bandar Bintulu dan oleh sebab itu saya berharap satu Pasukan HAZMAT boleh ditubuhkan di Bintulu juga. Memandangkan begitu banyak kilang-kilang petrokimia di sana seperti beberapa tahun lalu sebuah kilang Shell Middle Distill Synthesis (SMDS) telah meletup dan saya ingat kalaulah ada perkhidmatan dari Pasukan HAZMAT mungkin kejadian gas leak yang ada dalam kilang-kilang petrokimia di Bintulu mungkin boleh dielakkan.

Saya berharap kementerian akan pertimbangkan untuk menubuhkan Pasukan HAZMAT untuk memberi perkhidmatan di Bintulu.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu.

**2.50 ptg.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999, P.14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Butiran 01500 - Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, saya suka menyampaikan rintihan dan keluhan daripada masyarakat yang kebanyakannya membayar pendahuluan untuk mendapatkan rumah yang dibina di antara kerajaan negeri dan juga pihak swasta di Jelebu yang sekarang ini terbengkalai. Tiada kerja-kerja pembinaan dibuat, sebahagian daripada bangunan telah pun terbina dan perlu dinyatakan lebih kurang setahun lebih projek ini tergendala. Jadi, ini yang membuatkan masyarakat keluh dan kesah. Sebahagian pendahuluan rumah telah pun dibayar pendahuluan dan agak malang kalau pihak yang membangunkan projek ini tiada memberikan apa-apa maklumat kepada pentadbiran daerah dan juga wakil-wakil rakyat yang ada di kawasan tersebut.

Saya memohon supaya perkara ini dilihat oleh pihak kementerian di mana silap dan salahnya sehinggakan syarikat ini menghilangkan diri dan tiada follow-up yang dibuat ke atas projek yang dibuat, di atas tapak yang telah diberikan oleh kerajaan negeri. Tuan Pengerusi, ini penting dan perlu kerana rakyat masih memerlukan rumah untuk mereka tinggal kerana mereka telah beranak-pinak dan bercucu-cicit dan di antara anak-anak mereka ingin keluar daripada rumah mertua umpamanya. Jadi, kita perlu melihat masalah ini supaya dapat disegerakan untuk mendapatkan kawasan tanah untuk tapak perumahan agar sukar pada waktu itu. Saya menyarankan supaya kementerian akan turun ke bawah, melihat permasalahan ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya juga suka ingin mencadangkan supaya lebih banyak rumah ini dapat dibina di kawasan Parlimen Jelevu supaya permasalahan kekurangan tempat tinggal akan dapat diatasi. Melalui kerajaan negeri, kementerian boleh merancang sesuatu tempat yang dikenal pasti untuk dibangunkan perumahan ini supaya rakyat yang ada di kawasan-kawasan luar bandar akan dapat dibela dan sebagainya.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, P.16 - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya ingin bertanya, apakah kedudukan tanah yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sembilan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat di Simpang Pertang, Jelevu? Saya difahamkan projek ini, dahulu pernah diminta untuk bangunan Jabatan Bomba dan Penyelamat dibina sebagai pejabat cawangan ataupun bangunan untuk membekalkan peralatan mencegah kebakaran untuk sebahagian daerah Jelevu di sebelah timur kerana di antara Simpang Pertang ke Kuala Kelawang jauhnya lebih kurang 25 batu. Jadi, kalau berlaku kebakaran di kawasan-kawasan peneroka di Felda Pasuh di sempadan Pahang umpamanya, di sempadan Jempol dan juga sebahagian daripada peneroka di kawasan Lui, tentunya masalah untuk mendapatkan perkhidmatan bomba dan penyelamat daripada kawasan Kelawang agak sukar kerana jaraknya begitu jauh dan keadaan jalannya agak uzur.

Jadi, saya menyarankan supaya Jabatan Bomba dan Penyelamat apabila telah diberi tanah ini buatlah bangunan, jangan beri rakyat tertunggu-tunggu dan tertanya-tanya. Tanah sudah ada, buatlah sesuatu yang boleh menyakinkan rakyat supaya mereka yakin dan percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional, cakap serupa bikin, bukan macam parti pembangkang, cakap sahaja tetapi tidak ada apa benda yang dibuat, apa yang kita buat, dia tumpang.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Apa yang kita beri, dia tumpang, tetapi dalam masa yang sama, dia belash kita.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sorry, brother.

**Tuan M. Kulasegaran:** Beri kerajaan kepada kita? Kita lebih ...

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya tidak ada masa, lain kalilah. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, adakah pernah Pejabat Bomba dan Penyelamat Daerah Jelebu mengemukakan permohonan untuk membina bangunan tersebut? Saya difahamkan mereka pernah membina tetapi ibu pejabat bomba dan penyelamat menolak. Saya berharap dan merayu bagi pihak rakyat Jelebu, gunakan sepenuhnya tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri, binalah bangunan yang bersesuaian, lengkapkan peralatan yang sewajarnya supaya pepatah ada mengatakan, “siapkan payung sebelum hujan”, jangan nanti satu kawasan

peneroka terbakar semua rumah, perkhidmatan bomba tidak dapat diberikan, disalahkan kerajaan.

Jadi, saya sekali lagi merayu bagi pihak rakyat dan rakan-rakan di Jelebu agar kementerian melihat perkara ini, sudah lama kita menyuarakan tetapi mengapakah Jelebu dianaktirikan.

Sekian, saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sri Aman.

**2.57 ptg.**

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P.16. Setiap tahun kita mendengar begitu banyak rumah panjang yang terbakar di Sarawak. Jadi, selama ini kita minta belas kasihan dari kementerian untuk mengadakan satu strategi di mana kita dapat mengelakkan kebakaran seperti ini kerana orang di rumah panjang apa yang ada disimpan di dalam rumah mereka. Apabila terjadi kebakaran, seperti kata mereka, mereka karam di darat, ertinya semua yang mereka miliki habis begitu sahaja.

Jadi, selama ini kita telah meminta dari kementerian supaya strategi ini diwujudkan untuk mengelakkan kebakaran tetapi selama ini permintaan seperti ini hanya dengan izin, the brush off sahaja. Saya mintalah mulai hari ini, kementerian bersikap lebih sympathetic, jabatan merancang cara-cara untuk mengelakkan kebakaran di rumah panjang, kalau berlaku kebakaran minta kementerian juga merancang langkah-langkah yang diambil untuk memadamkan api dengan segera dan juga dengan berkesan. Yang selalu diminta oleh rakyat warga rumah panjang ialah membekalkan pemadam api di setiap rumah panjang. Kalau rumah panjang itu pendek ada sepuluh pintu mungkin tidak diberi tetapi saya rasa kalau rumah panjang itu 30 pintu, mungkin 30 keluarga yang menduduki rumah panjang itu mungkin boleh diberikan pemadam api.

Jadi, saya meminta kementerian mengolah satu langkah yang saya rasa satu usaha yang sungguh dinanti-nantikan oleh rakyat dari kaum Iban oleh kerana

setiap pilihan raya mereka memang memilih Barisan Nasional dan mereka menjangkakan Barisan Nasional juga tidak melupakan mereka.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kuala Pilah.  
**2.59 ptg.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan isu di peringkat Jawatankuasa ini, P.14, berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, khususnya projek-projek perumahan kos rendah yang telah lama terbengkalai sehingga hari ini pun masih lagi terbengkalai mengakibatkan pembeli-pembeli yang kebetulan terdiri daripada orang-orang kampung, orang yang begitu daif, sehingga hari ini masih lagi menunggukan projek itu dan tidak tahu ke mana hendak pergi.

Tuan Pengerusi, projek ini pada mulanya adalah ekoran tanah pemberian kerajaan kepada satu syarikat dan syarikat ini telah memulakan dan membuat satu projek kos rendah. Sebelum projek itu berjalan pun telah dijual kepada satu syarikat yang lain, apabila syarikat lain mengambil alih, tidak berjalan juga, sudah hampir 10, 20 tahun sehingga hari ini dan baru-baru ini telah dibangkitkan dalam akhbar terdapat ramai pembeli telah menandatangani perjanjian jual beli dan tidak tahu bagaimana cara mereka untuk mengatasi masalah ini kerana pemaju telah hilang, sudah bertukar tangan dua, tiga kali. Perkara ini telah dibangkitkan kepada kerajaan negeri dan juga kepada kementerian. Saya dimaklumkan sehingga hari ini, dengan dukacita mereka yang ramai menunggu itu nampaknya masih hampa.

Saya ingin menyatakan projek itu terletak di mukim Kuala Pilah dan saya harap kalau boleh pihak kementerian dapat memberi satu pengkhususan supaya serius dan saya bersedia membantu pihak kementerian kalau hendakkan butir-butir lanjut dalam perkara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, permasalahan pembinaan projek rumah kos rendah hari ini, kerajaan memang menggalakkan dan berhasrat untuk membina

lebih banyak. Di sini saya ingin menyarankan supaya pihak pemaju-pemaju yang diberi peluang untuk membina, biarlah betul-betul mempunyai keupayaan dan mempunyai kredibiliti dari segi kewangan dan keupayaan, tidak bergantung kepada permohonan atau perkara-perkara lain.

Tadi saya ada dengar saranan dari pihak pembangkang, kalau boleh jangan gunakan bantuan pihak guaman. Saya bukan hendak mempertahankan profesion guaman tetapi dalam perjanjian jual beli dan juga setiap satu perjanjian itu ada perbezaannya dan tanggungjawab dari segi charges, pertukaran dan sebagainya, banyak.

Saya harap Legal Profession Act ini diwujudkan, ada tanggungjawabnya dan kalau sekiranya segala ini hendak dihapuskan begitu sahaja, saya rasa tidak kena. Tetapi di samping itu juga, jangan lupa Tuan Pengerusi, sungguhpun hari ini dari segi realitinya, saya rasa profesion guaman telah begitu liberal, kalau dia kata, dia minta 25% discount, hari ini kadang kala lagi teruk daripada itu pun ada, sampai 75% pun ada.

Pihak guaman keseluruhannya bersedia, tidak ada masalah dan secara package deal pun ada, tetapi kalau hendak dihapuskan keseluruhannya, saya tidak bersetuju kerana perkara ini kita kena fikirkan juga implikasi perundangannya dan tanggungjawab untuk menjaga hak kepentingan pembeli. Kalau sekiranya kita hanya buat satu agreement, standardize the whole thing, dengan izin, lepas itu kita hapuskan segala-galanya, itu saya rasa tidak kena dan dunia yang begitu moden hari ini, kita patut lebih bertanggungjawab kepada pihak pengguna dan juga pihak pembeli. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang.

**3.05 ptg.**

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali, saya menyentuh Maksud P.14, Butiran 01500 Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Saya mengucapkan tahniah di atas

keprihatinan kerajaan ingin membuat atau menyediakan rumah-rumah kos rendah bagi kepentingan rakyat. Ini sekurang-kurangnya kita dapat menunjukkan bahawa sesungguhnya kerajaan kita bukannya seperti yang didakwa oleh pihak pembangkang seolah-olah kita mengabaikan orang-orang susah. Tetapi dengan adanya rumah kos murah ini membuktikan bahawa kerajaan kita begitu serius untuk membantu mereka yang kurang mampu untuk membeli rumah yang mahal.

Kos RM25,000 ini kalau kita tengok di luar bandar ini, di Tanjung Karang saya percaya hanya harga RM25,000. Ini sudah berapa tahun harga RM25,000 tetapi kerajaan masih kekalkan harga RM25,000 di kawasan luar bandar. Kalau di dalam bandar mungkin RM40,000 tetapi saya hendak tekankan bahawa kerajaan hari ini memberikan kemudahan projek perumahan kos rendah bukan sahaja mengekalkan harga malah biliknya pun ditambah, daripada dua bilik menjadi tiga bilik supaya ianya sesuai digunakan oleh rakyat di negara kita.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat kalau hanya kita serahkan kepada kerajaan untuk membuat rumah-rumah kos rendah ini mungkin matlamat kita untuk memastikan rakyat kita ini mendapat rumah sukar tercapai kerana berapa banyak pun kerajaan keluarkan duit, ditambah lagi RM26 juta lebih, tetapi sudah tentu ianya masih tidak mampu untuk menampung keperluan rumah untuk mereka yang kurang berkemampuan.

Oleh itu pihak swasta harus memainkan peranan dan untuk memastikan pihak swasta ini memainkan peranan kerajaan mesti tegas, khasnya kementerian mesti tegas untuk memastikan bahawa projek-projek ataupun lay-out yang telah diluluskan untuk dibuat rumah murah ini mesti dibuat. Ini banyak kita dapati, saya di Selangor pun ada satu anak syarikat di luar negeri. Dia buat rumah kos sederhana, itu dia buatlah, yang kos rumah mahal ini dia sudah buat tetapi bila bab hendak menyiapkan kos rumah murah ini, dia tinggalkan dan tapak ini dibiarkan begitu dan ada pula kadang-kadang tapak itu, dia boleh mohon dan dia boleh convert pula, buat projek-projek yang lain.

Maka matlamat kita untuk memperbanyakkan rumah kos rendah ini tidak akan tercapai. Oleh itu kerajaan khususnya kementerian setakat memberi warning ataupun blacklist developer ini tidak cukup, mesti diadakan satu undang-undang atau peraturan yang mesti dipatuhi, bermakna pelaksanaan rumah murah ini mesti sekurang-kurangnya serentak dibuat. Kalau tidak boleh buat 100% , sekurang-kurangnya 10% ataupun 30% dibuat serentak dengan projek-projek perumahan. Kalau projek perumahan yang mahal ini dia ada fasa, fasa pertama, fasa kedua, boleh jadi fasa ketiga.

Bila bab rumah murah ini dia tidak ada fasa, dia tunggu habis rumah dijual, barulah dia memikirkan hendak buat ataupun tidak rumah murah ini. Kalau difikir-fikir rumah murah ini tidak boleh menguntungkan, dia pun mencari berbagai-bagai helah supaya rumah murah ini tidak dibuat. Oleh itu saya rasa sudah sampai masanya kerajaan mewajibkan melalui apa-apa peraturan sekali pun bahawa rumah murah ini mesti dibina serentak dengan projek-projek yang lain supaya memastikan bahawa peruntukan yang kita beri untuk membuat rumah murah ini tidak disia-siakan apabila mereka memikirkan mereka tidak boleh dapat untung yang banyak.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Kuala Pilah bahawa developer ini mestilah yang betul-betul ada kebolehan. Ini, kadang-kadang banyak kita tengok projek terbengkalai walaupun hari ini kerajaan terpaksa membantu berbagai-bagai tabung, tabung pemulihan TPPT untuk memastikan projek-projek ini terus dibuat. Saya hendak tekankan sekali lagi, ini adalah kali ketiga, keempat saya bercakap di Dewan ini, projek di Tanjong Karang, Taman Masdi, developernya Nazati, sudah hampir 18 tahun tidak dibuat, kemudian baru-baru ini saya sudah berjumpa dengan pegawai yang in-charge daripada Price Waterhouse, nama dia pun saya tahu, Encik Foo Soon Keong, sudah hampir setahun, receiver kata hendak buat, daripada saya mula jadi Ahli Parlimen kita tolong, kes masuk mahkamah, warning company kita bantu sama-sama, tinggal hendak dilaksanakan. Saya difahamkan masih lagi tidak dilaksanakan.

Jadi, saya amat berharap kementerian tolong tengok projek 18 tahun terbengkalai ini, kesian kepada orang-orang Tanjong Karang. Itulah projek perumahan yang pertama di Tanjong Karang, sampai sekarang tidak buat dan hari ini projek-projek yang lain semua sudah buat.

Jadi, saya ingat Price Waterhouse pun swasta. Jadi, bila kita sudah beri kepada swasta ini, swasta kena melaksanakannya dengan baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak. Jadi, kalau kata projek ini tidak dilaksanakan, dilambat-lambatkan, yang salahnya kerajaan. Saya difahamkan sudah selesai urusan kementerian, tinggal lagi soal Price Waterhouse, mengapa lambat dilaksanakan, hampir satu tahun. Jadi, yang menerima akibatnya, kerajaan seolah-olah orang kampung kata kerajaan mengabaikan perumahan-perumahan terbengkalai, walaupun kita di kampung kita bercakap, kerajaan telah membelanjakan berjuta ringgit, menubuhkan berbagai-bagai tabung untuk mengatasi masalah-masalah projek terbengkalai. Tetapi kalau di Tanjong Karang, bila ditanya 18 tahun punya projek, tidak buat lagi, kita kata ini salah Price Waterhouse, mereka tidak akan percaya. Jadi, kita harap kementerian mesti tegas supaya projek ini dilaksanakan secepat yang mungkin.

**Tuan M. Kulasegaran:** Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat adalah satu perkara yang baik. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa lebih baik kalau kita implementasikan satu program di mana 'build first and sell later', satu perkara di mana semua masalah ini dapat dielakkan seperti di banyak negeri-negeri yang lain, apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, cadangan ini saya sudah cakap pada tahun lepas. Saya sudah cadangkan kepada kerajaan supaya dia buat dulu kemudian barulah jual. Kalau ini dilaksanakan maka masalah daripada perjanjian jual beli pun tidak banyak timbul masalah. Jadi, kita harap dan saya pernah baca surat khabar bahawa kerajaan memang ke arah itu, ke arah untuk melaksanakan

projek perumahan ini dibuat dulu baru dijual. Kalau tidak, memang banyak syarikat yang kecil-kecil ini, macam di Sungai Besar. Saya tahu ahli Parlimen Sabak Bernam ada bersama saya. Pemaju projek kutip duit, kemudian projek tidak dibuat sedangkan dalam perjanjian jual beli kena tunggu tiga tahun ataupun sekurangnya dua tahun.

Jadi, dalam tempoh dua tahun ini pembeli tidak boleh hendak buat apa. Kita pergi tanya dia, dia kata perjanjian belum lagi expired, tunggu dua tahun, tidak siap dalam dua tahun baru kita boleh bawa ke mahkamah tetapi sudah lebih dua tahun, tiga tahun, empat tahun, projek pun tidak buat. Syarikat itu bila disemak sudah golong tikar. Jadi aniaya kepada pembeli-pembeli.

Akhir sekali saya hendak masuk P.16 – Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya ingin merakamkan rasa dukacita saya kepada kementerian ini kerana balai bomba di Sekinchan. Tahun lepas saya sudah bangkitkan, tanah ini sudah bertahun-tahun diberi oleh pihak kerajaan negeri sampai mesyuarat pegawai daerah pun, pejabat tanah tanya bomba ini, hendak buat atau tidak. Saya bangkitkan dalam Parlimen ini, dalam Dewan ini dan saya dapat jawapan, katanya akan dibuat dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi bila saya tanya dalam Parlimen lagi sekali, bilakah balai bomba Sekinchan hendak dibuat? Semalam saya diberi jawapan, tunggu Rancangan Malaysia Kelapan. Saya sudah umumkan di kawasan itu, bahawa akan dibuat dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi bila semalam dijawab dalam Parlimen, akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan, mengapa saya dapat dua jawapan yang berbeza daripada kementerian yang sama.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Seremban, lepas ini kementerian jawab.

**3.15 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas P.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang masalah CF. Isu CF ini telah menjadi satu masalah utama bagi pembeli perumahan. Ini kerana walaupun rumah itu dianggap siap tetapi sehingga kerajaan memberikan CF maka rumah itu boleh dianggap diguna pakai oleh pembeli. Buat masa sekarang ini apabila rumah itu dianggap siap apabila pemaju memberi vacant possession dan pembayaran harus diselesaikan kepada pemaju. Tetapi walaupun rumah itu vacant possession tetapi biasanya CF belum diperolehi lagi.

Oleh kerana itu banyak masalah dan banyak komplain tentang masalah ini dan ini mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikan masalah CF. Walaupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengarahkan supaya kerajaan tempatan atau majlis-majlis daerah supaya menyegerakan untuk mengeluarkan CF tetapi oleh kerana isu-isu yang berhubung kait dengan kerja-kerja yang masih belum dilengkapkan lagi maka majlis daerah tidak dapat mengeluarkan CF kepada pemaju. Oleh kerana itu rumah itu walaupun dianggap siap tetapi tidak boleh digunakan oleh pembeli. Jadi, ini merupakan satu masalah yang sangat rumit, oleh kerana itu saya cadangkan supaya kerajaan memberi syarat supaya sehingga CF dikeluarkan barulah dianggap rumah itu siap 100%. Sebelum CF diperolehi maka pembayaran kepada pemaju tidak seharusnya dibayar semuanya, retention sum dinaikkan sehingga 20%. Kalau ini diletakkan maka pemaju akan berusaha untuk menyelesaikan apa sahaja yang dikehendaki oleh majlis daerah supaya segala kehendak ini dapat diselesaikan dan CF ini dapat dikeluarkan kepada pembeli ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke P.16- Jabatan Bomba. Sekali lagi saya ingin merayu kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menyegerakan pembinaan balai bomba di Nilai. Saya telah beberapa kali menyebut perkara ini dan telah merayu kepada kerajaan supaya perkara ini harus dicepatkan. Buat sementara ini tidak ada balai bomba di

Nilai walaupun kawasan nilai telah dijadikan satu kawasan perkilangan, satu kawasan perumahan yang begitu besar dalam Negeri Sembilan tetapi malangnya masih belum ada balai bomba di pekan Nilai walaupun saya telah difahamkan bahawa wang telah disediakan beberapa tahun yang lepas tetapi saya masih belum nampak ada tanda-tanda kerja ini akan dimulakan tidak lama lagi.

Saya difahamkan juga tanah telah pun disediakan. Dalam mesyuarat pembangunan daerah, saya telah pun membangkitkan masalah ini dan saya diberitahu bahawa tanah untuk tapak pembinaan balai bomba telah disediakan. Saya pun tidak tahu apa masalah menyebabkan bahawa projek ini masih tidak boleh dimulakan dan sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah berlaku beberapa kali kemalangan dan kebakaran di kawasan Nilai ini. Sekarang ini perkhidmatan bomba perlu diperolehi daripada pekan Mantin dan juga pekan Seremban. Ini merupakan satu perkara yang sangat rumit dan saya merayu sekali lagi bahawa kerajaan akan mengambil perhatian yang serius tentang masalah yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta kementerian jawab. Kepong lambat datang.

**3.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di peringkat Jawatankuasa. Saya tidak dapat memberi jawapan yang terperinci kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perkara-perkara yang dihuraikan tadi kerana ada banyak soalan-soalan tentang data-data dan maklumat terperinci. Minta maaf walaupun kita ada pegawai di sini, mereka pun tidak dapat mengeluarkan semua data-data ini atau maklumat yang terperinci ini berkaitan semua yang dihuraikan tadi. Saya cubalah menjawab apa yang saya dapat tentang perkara-perkara yang dibangkitkan.

Mengenai soal perumahan ini ingin saya menjelaskan di sini bahawa pihak kementerian telah menentukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, sebanyak 200,000 unit rumah kos rendah akan dibina di seluruh negara ini. Buat masa sekarang unit-unit ini telah dibina secara pihak swasta yang akan mengendalikan 45.2% daripada jumlah sasaran itu. Daripada pihak agensi awam 31.2% akan dibina dan dikendalikan oleh agensi awam ini

Semua projek ini sekarang sudah dilancarkan dengan giatnya dan oleh sebab itu kita perlulah meminta perbelanjaan tambahan daripada Parlimen ini supaya projek-projek yang sudah dijalankan itu supaya dapatlah kontraktor-kontraktor itu dibayar dengan kerja-kerja yang sudah dibuat. Secara umumnya, semua projek ini telah berjalan dengan lancar dan dari segi projek-projek yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Perumahan Negara ini, buat masa sekarang kita tidak menghadapi masalah yang besar tetapi ada masalah yang timbul daripada pihak swasta seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan tadi, Kuala Pilah, Tanjong Karang dan juga Jelebu di mana semua projek yang dikendalikan oleh pihak swasta ini, maka ada juga masalah yang timbul seperti kewangan, cash flow problem, dengan izin, Mereka juga menghadapi masalah mendapatkan bayaran daripada pembeli-pembeli rumah tersebut.

Oleh sebab itu, dari segi kewangannya mereka tidak cukup teguh dan kuat apabila menghadapi masalah seperti faedah yang tinggi kerana seperti yang kita tahu dalam dua tiga tahun kebelakangan ini, pihak pemaju terpaksa menanggung faedah-faedah yang amat tinggi sebab kita menghadapi masalah krisis kewangan ini. Seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tadi, memang dari segi pengurusannya, pihak kementerian akan mencuba apabila ada projek-projek yang terbengkalai atau hampir terbengkalai atau kita terima aduan yang banyak daripada orang ramai tentang sesuatu projek itu, maka bahagian penguatkuasa perlesenan akan menyiasat dari segi pengurusannya dan membawa kedua-dua belah pihak iaitu pihak pemaju dan pihak pembeli untuk cuba menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Kita sudah maklum jika projek itu sudah menghadapi masalah, maka usaha-usaha untuk membaik pulih projek tersebut akan mengambil masa dan kadang-kadang pihak pembeli pun tidak sabar untuk menunggu supaya kita dapat satu penyelesaian yang munasabah.

Tentang perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan tadi mengenai apa sebabnya Sarawak diberi satu peruntukan yang besar, ingin saya jelaskan di sini bahawa itu bukan peruntukan secara geran, itu hanya pinjaman daripada pihak Kerajaan Persekutuan kepada pihak kerajaan negeri untuk mengendalikan program-program perumahan rakyat di negeri Sarawak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya. Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum ini Yang Berhormat mengatakan bahawa dijadualkan akan dibina lebih kurang 200,000 unit rumah kos rendah. Setakat ini, berapa peratuskah dari 200,000 unit ini telah dicapai dan adakah matlamat kerajaan untuk memberi satu gerenti bahawa kesemua 200,000 unit ini akan dibina dalam masa yang disebutkan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah sebutkan tadi, semua rumah ini dikendalikan oleh pihak swasta dan juga pihak sektor awam, oleh itu macam mana kita hendak gerenti pihak swasta yang boleh menyiapkan semua rumah yang dijadualkan oleh mereka. Kita tidak boleh buat begitu. Mengenai angka-angka yang...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** ...diminta itu, saya minta maaf, Yang Berhormat.. Kalau hendak, saya boleh minta pegawai-pegawai menjawab secara bertulis tentang berapa yang siap, berapa yang masih belum siap dan sebagainya. Semua angka ini, saya tidak ada untuk masa sekarang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak minta sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bagaimanakah caranya kita hendak pastikan pihak swasta boleh memenuhi kehendak kita membuat rumah murah. Tadi, saya ada mencadangkan bahawa adakah kementerian bersetuju ataupun akan membuat satu peraturan di mana kita mewajibkan pembina rumah murah ini, ia serentak dengan fasa mana-mana pembinaan daripada mula. Sepertimana yang saya nyatakan, kebanyakan developer rumah murah ini, last sekali baru dia buat. Jadi, bila dia sudah buat, akhir nanti baru dia rumah murah.

Jadi, bolehkah kementerian buat satu undang-undang, dia boleh buat rumah-rumah mewah tetapi dalam masa yang sama fasa untuk rumah murah ini dibuat sekali. Jangan tunggu sampai habis projek dia jual, barulah dia hendak memikirkan bagaimana hendak membuat rumah murah. Bolehkah kita buat peraturan seperti itu?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, terima kasih tentang cadangan itu. Kita akan ambil perhatian sebab kita pun juga dalam peringkat untuk membuat satu kajian menyeluruh tentang semua undang-undang kecil termasuk juga syarat-syarat dalam artikel-artikel dalam surat perjanjian jual beli itu kerana kita rasa elok juga kalau kita meninjau atau mengkaji perkara ini dengan menyeluruh sebab nampaknya kita juga sering menerima aduan-aduan tentang cara-cara rumah itu dibuat, tidak cukup lengkap dan sebagainya dan CF lambat didapatkan. Semua ini kita dalam peringkat kajian yang menyeluruh dan kita akan ambil perhatian tentang cadangan Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi.

Mengenai masalah bomba yang dibangkitan oleh Yang Berhormat dari Sekinchan, kita memang sudah cuba dalam peringkat separuh penggal ini, RMK-7 ini, cuba mendapatkan peruntukan yang mencukupi supaya kita boleh menambahkan balai bomba. Malangnya kita tidak dapat. Oleh sebab itu, maka

kita perlu perancangan untuk balai bomba baru di Sekinchan ini, kita akan masukkan dalam RMK-8. Bukan kita berniat tidak mahu buat, tetapi sebab kita menumpukan peruntukan yang diluluskan oleh pihak Treasury bagi kita.

Persoalan Yang Berhormat dari Jelebu pula, saya akan menerangkan perkara balai ini, kita akan meneruskan apabila geran itu didapati dari Pejabat Tanah Daerah Jelebu. Pembinaan balai bomba ini akan kita masukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Sama juga dengan Yang Berhormat dari Serdang, pembinaan balai bomba di Puchong, kita juga akan serapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8. Bintulu minta HAZMAT diberikan. Sebenarnya kita sudah ada anggota di Balai Bomba Bintulu yang sudah diberi latihan tentang cara-cara menyelamatkan kebakaran yang ada unsur-unsur kimia. Buat masa sekarang walaupun kita tidak ada satu pasukan HAZMAT di Bintulu tetapi anggota-anggotanya telah diberi latihan dan kita yakin dengan kerjasama antara balai-balai bomba yang berada di dalam kilang-kilang besar itu di Bintulu, maka kita boleh menyelamatkan kebakaran atau kita boleh memberi satu tumpuan tentang kebakaran kimia di Bintulu ini. Walau bagaimanapun kita ingin mengadakan pasukan HAZMAT ini dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ganggu sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat dengan sukacitanya saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengalu-alukan kehadiran Yang Mulia Bapak Harmoko, Speaker Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia dan rombongannya yang bersama-sama dengan kita pada petang ini. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya ingin membuat pembetulan sedikit Tuan Pengerusi. Saya rasa kita kena addresskan dia sebagai Tan Sri Harmoko kerana Bapak Harmoko baru dapat Tan Sri hari ini. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Terima kasih Tanjong Karang. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Sandakan, saya setuju kita akan terus mengambil tindakan untuk meneliti setiap pili bomba di kawasannya itu supaya semua pili bomba itu kita boleh memastikan ia akan berfungsi apabila kita menghadapi masalah kebakaran di kawasan itu.

Mengenai soalan Yang Berhormat bagi Kuala Nerus ingin hendak tahu mengenai Akademi Bomba di Wakaf Tapai, Terengganu itu ingin saya menjelaskan di sini, sejumlah RM73.481 juta sudah disediakan untuk pembinaan Akademi Bomba ini dan kita haraplah dalam pertengahan tahun 2000 nanti akademi ini boleh disiap bina dan boleh mulai berfungsi pada tahun itu juga.

Daripada Yang Berhormat bagi Sri Aman ini, ingin saya jelaskan di sini, situasi di rumah-rumah panjang di Sarawak ini memang ada suatu yang berlainanlah kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan perumahan di Semenanjung atau di bandar-bandar. Oleh sebab itu, maka cadangan untuk mengadakan perkhidmatan bomba bagi rakyat di rumah-rumah panjang itu maka ingin saya menjelaskan di sini kita cuba dengan cara menubuhkan pasukan bomba sukarela di rumah-rumah panjang tersebut. Apabila pasukan bomba sukarela ini telah diwujudkan kita akan memberi latihan yang mencukupi supaya anggota-anggota sukarela ini boleh berfungsi. Kita berharap dengan ada peruntukan yang mencukupi, setiap pasukan bomba sukarela itu akan dibekalkan dengan pam dan peralatan hose supaya mereka boleh menjalankan tugas-tugas mereka. Dengan adanya cara ini sahaja saya rasa kita dapat memberikan perkhidmatan kepada situasi di rumah-rumah panjang di Sarawak ini sebabnya kita maklumlah tidak ada jalan, tidak ada balai bomba yang terdekat dengan rumah panjang itu.

Akhir sekali saya ingin memberi penjelasan kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Seremban ini yang ingin tahu bila kita hendak membina balai bomba di Nilai. Ingin saya menjelaskan di sini kita masih menghadapi masalah tanah yang belum dapat diselesaikan lagi. Kalau perkara ini boleh diselesaikan saya rasa kita akan cuba memberi satu peruntukan yang mencukupi untuk membina balai bomba di Nilai. Sebenarnya projek ini memang di dalam jadual atau peringkat perancangan jabatan bomba dan penyelamat. Kita hanya tunggu masalah tanah ini diselesaikan sahaja.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat itu sahajalah saya dapat menjawab dengan data-data atau maklumat yang saya ada di sini dan sekiranya ada yang tidak dapat saya menjawab secara lisan ini, saya akan minta pegawai memberi satu jawapan yang lebih terperinci secara bertulis kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM182,778,800 untuk Maksud P.14; dan RM47,130,400 untuk Maksud P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahu 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM182,778,800 untuk Maksud P.14; dan RM47,130,400 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1999.

**Maksud B.17 [Jadual]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahaskan. Teluk Intan.

**3.38 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. B.17 diminta peruntukan sebanyak RM326,700. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah wang ini termasuk apa yang saya difahamkan ada beberapa delegasi yang akan mengunjungi beberapa negara di Asia ini. Jikalau tidak, siapakah yang akan membiayai delegasi-delegasi yang akan mengunjungi beberapa negara di Asia ini dan bolehkah Yang Berhormat juga senaraikan dengan terperinci macam mana RM326,700 ini digunakan. Saya tahu di sini ada dikatakan di antaranya ialah taklimat kepada duta-duta negara Asia yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Selain dari itu adakah ini sahaja untuk faktor ini atau ada perkara-perkara yang lain.

Dalam perkara ini, pada setakat sekarang bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah pencapaian yang kita ingin kita erolehi pada tahun 2006 dan adakah wang-wang ini digunakan sSelain dari peruntukan-peruntukan yang sedia ada untuk kementerian untuk mengemaskinikan semua projek yang ada relevan dengan perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya sentiasa merasa bangga kalau kita dapat menganjurkan sukan bukan sahaja Sukan Asia, Sukan Komanwel dan juga kalau kita boleh berjaya mengadakan satu sukan temasya Olimpik itu memang akan memberi rangsangan kepada sukan negara ini.

Walau bagaimanapun, saya hendak bertanya Yang Berhormat, di dalam perebutan untuk menawarkan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah pada Sukan Asia 2006 ini, adakah masalah-masalah akan timbul? Saya bangkitkan hal ini kerana di dalam Majlis Olimpik wujudnya banyak penyelewengan termasuk rasuah dan sebagainya.

Sebelum ini walaupun ada negara-negara merebut untuk mengadakan temasya Olimpik sama ada di Sydney, Beijing, Atlanta dan sebagainya, wujudnya

masalah rasuah dan penyelewengan ahli-ahli Majlis Olimpik. Dengan Sukan Asia ini adakah masalah yang sama dihadapi oleh negara?

Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi penerangan yang lengkap mengenai masalah ini, dan kita memang sudah berjaya untuk mengadakan temasya Sukan Komanwel, prestasi atlit Malaysia pun tidak begitu cemerlang tetapi ada sedikit kemajuan.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, kita boleh adakan Sukan Asia 2006, saya berharap kita berjaya. Tetapi akaun untuk Sukan Komanwel baik kita kemukakan dulu, sebab sejak tahun yang lepas, Tuan Pengerusi, kita pun tidak nampak lagi penyelesaian akaun untuk Sukan Komanwel. Ini merupakan satu kelemahan, apakah masalah yang timbul sehingga sekarang tidak ada akaun yang diumumkan bagi Sukan Komanwel.

Saya berharap semasa kita hendak menuntut penawaran Kuala Lumpur sebagai tuan rumah kepada Sukan Asia ini patut kita uruskan Sukan Komanwel dengan lebih telus, lebih tanggungjawab. Sebab itu saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengumumkan akaun bagi Sukan Komanwel.

Satu perkara yang juga penting ialah di beberapa acara sukan kita, nampak masih wujud banyak kelemahan. Kita boleh jadi tuan rumah, tetapi kalau standard sukan kita begitu rendah apa gunanya?

Ada gejala-gejala yang baik juga, misalnya dengan badminton, kita pun ada jaguh-jaguh yang nampaknya ada baik sedikitlah, kalau berbanding dengan Indonesia yang mempunyai pemain-pemain yang cemerlang dan kita nampak sekarang standard Indonesia ada terjejas sedikit. Ada, saya ingat tidak ada sekarang ini, oh ada [*Ketawa*]. Memang dia ada bakat, ia ada terjejas sedikit kerana prestasi dia turun, satu dua tahun ini dia ada turun sedikit. Mungkin lima tahun akan datang.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cakap kepada Dewan, jangan cakap seorang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mungkin tiga atau lima tahun lagi bakat Indonesia akan timbul semula. Tetapi buat sementara satu dua tahun ini saya nampak kurang

sedikit. Tetapi jaguh Malaysia itu muncul dengan lebih baik sedikit yang kita boleh tengok di dalam pertandingan terbuka Malaysia baru-baru ini, prestasi jaguh kita lebih baik. Ini sangat menggalakkan dan saya harap kita akan meningkatkan lagi standard badminton kita supaya dengan jiran kita di Indonesia kita boleh bersama-sama standardlah.

Walau bagaimanapun, ada banyak bidang lagi misalnya bola sepak, bola sepak teruk sekali, teruk sekali. Nepal pun, Vietnam, Laos. Laos - saya pun tidak tahulah, standard bola sepak Laos itu rendah, tetapi apabila pasukan negara kita bertemu dengan Laos, kalah pula. Saya tidak mengerti setiap pertandingan kita menang, sekurang-kurangnya kita berikhtiar dengan bersungguh-sungguh, itu sahaja yang dimintanya.

Tetapi di dalam keadaan bola sepak, ini memang aneh sekali. Bila pemain-pemain bermain di negeri-negeri di dalam liga kita, wah! Itu prestasi baik, baik kita tengok. Di dalam liga mereka bermain dengan bermati-matian. Tetapi apabila mereka bermain untuk pasukan negara - lemah sekali. Apakah sebab? Ini bermakna pihak Kementerian Belia dan Sukan mesti mengambil perhatian yang lebih teliti apakah sebabnya?

**Seorang Ahli:** Macam mana Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pokok Angsana, Pokok Angsana ini, kita mesti ingat sistem bola sepak kita adalah lemah, kelemahan yang ketara. Mengapa di negara-negara lain seperti United Kingdom dia ada liga tetapi bila pemain dia bermain untuk negara, ia memang bermati-matian mengapa? Begitu juga dengan Brazil, baru-baru saja Brazil memenangi – menjuarai kota Amerika dan kita boleh nampak pemain-pemain bermain dengan bermati-matian untuk negara.

Tetapi di negara ini sebab apa mereka tidak bermain untuk negara tetapi bermain untuk negeri. Ini bermakna sistem ganjaran, sistem galakan, sistem yang terdapat sekarang itu lemah sama sekali. Ini bermakna jugalah Kementerian Belia dan Sukan walaupun ada berusaha untuk memperbaiki standard sukan bagi semua

bidang tetapi di dalam bidang bola sepak pihak kementerian belum lagi ada usaha yang lebih berkesan untuk mengatasinya.

Mungkin kita boleh menyusun semula sistem liga kita, seumpamanya kalau pemain itu bermain dengan bersungguh-sungguh untuk negeri, Kemudian bila kita nampak permainannya di dalam peringkat antarabangsa kurang, kita boleh buat sistem yang tidak memberi ganjaran atau pun bayaran yang lumayan baginya di dalam peringkat negeri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat dah suntuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tapi masalah sukan banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tapi Yang Berhormat, masa yang diberi tetap sepuluh minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetap sepuluh minit. Masalah sukan banyak. Sebab kita nak adakan Sukan Asia dan acara-acara sukan Malaysia meningkat standardnya supaya kita secukup dengan standard antarabangsa. Dan saya bagi satu bidang bola sepak dan ada banyak bidang lagi hendak kita meningkatkan standardnya.

Akhirnya sekali saya berharap dalam Sukan Asia kelak pemain badminton kita boleh muncul dengan lebih cemerlang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tanjong Karang. Selepas itu kementerian diminta jawab.

**3.52 ptg.**

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan tahniah diatas kesedaran pihak kerajaan untuk berusaha menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Asia pada tahun 2006. Jadi sudah sampai masanya supaya Malaysia ini dikenali sebagai sebuah negara yang boleh mengendalikan sukan di peringkat antarabangsa.

Sebelum itu saya nak ucapkan tahniah kepada Bapak Tan Sri Harmoko kerana pagi tadi dia bersama-sama saya menerima pingat di Istana Negara – ‘Tan Sri’. *[Ketawa]*

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Rompin bangun

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ucap tahniah pun nak tanya juga? *(Ketawa)*

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** Sebab saya bertanya Yang Berhormat pergi ke Istana itu meraikan orang ataupun ada juga dari segi meraikan diri sendiri. *[Ketawa]*. Kalau itu, kesempatan ini diambil untuk mengucapkan tahniahlah.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Kita dapatlah, tapi taklah ‘Tan Sri’, kita dapat yang kecil aje.

Tuan Pengerusi, jadi sebagaimana yang kita sedia maklum dengan berjayanya kita kendalikan Sukan Komanwel, maka negara kita telah mendapat pujian daripada negara-negara lain sekaligus telah pun menaikkan imej Malaysia di kaca mata dunia. Hari ini kita lihat bahawa negara-negara membangun seperti Malaysia sesungguhnya kita mampu mengadakan sukan-sukan di peringkat antarabangsa sehingga ada pula ura-ura yang mengatakan bahawa Malaysia bukan sahaja layak menjadi tuan rumah Sukan Komanwel malah di peringkat Sukan Olimpik.

Jadi, Tuan Pengerusi, untuk Sukan Asia ini kita harap usaha-usaha akan dibuat tetapi kita harus waspada supaya kita tidak mahu lagi dengar ada suara-suara sumbang daripada negara-negara lain yang mungkin merasa cemburu di atas kejayaan kita kerana mereka tengok hari ini Malaysia, kita ada Stadium Bukit Jalil, kita ada Stadium di Shah Alam. Di Selangor sahaja berbagai-bagai kemudahan kita sudah ada..

Saya bangkitkan perkara ini kerana kita sedia maklum waktu kita berjaya menjadi tuan rumah Sukan Komanwel tempoh hari ada negara tertentu iaitu Australia kalau saya tak silap, telah mengatakan kita seolah-olah memberi rasuah

kepada negara-negara lain. Seolah-olah kita '*lobby*' dengan cara memberi rasuah supaya Malaysia ini dipilih menjadi tuan rumah Komanwel yang mana saya rasa ini tuduhan yang boleh menjatuhkan imej negara kita. Sedangkan usaha yang kita buat adalah usaha dengan cara telus, bukan secara mengamalkan rasuah. Jadi dengan tuduhan-tuduhan sedemikian rupa bagi mereka yang faham macam jiran kita Indonesia dia tahu budaya kita, tetapi kalau negara-negara lain yang kurang faham mengenai budaya kita yang selama ini disajikan dengan berbagai-bagai tohmahan dan tuduhan terutama dari pihak pembangkang seolah-olah negara kita ini sebuah negara yang mengamalkan rasuah. Kalau perkara ini dibangkitkan oleh satu negara luar sudah tentu ianya akan mencemarkan nama baik Malaysia.

Oleh itu kita berharap bahawa dalam proses kita berusaha untuk menjadi tuan rumah ini harus dibuat dengan cara baik dan taklimat yang akan diberi kepada duta-duta negara-negara di Asia ini harus dibuat dengan cara kita sendiri, dengan budaya kita supaya sesungguhnya apabila kita terpilih menjadi tuan rumah nanti bukannya kerana kita memberikan satu-satu imbuhan tetapi sesungguhnya kita dipilih kerana kita sememangnya mampu dan berupaya untuk menjadi tuan rumah dan mengendalikan sukan di peringkat antarabangsa.

Yang kedua, oleh kerana sukan ini akan diadakan pada tahun 2006 sudah tentu peserta-peserta ataupun mereka yang akan mewakili negara kita saya kira tentu mereka pada hari ini peringkat umur 15 tahun kerana ini ada lebih kurang tujuh tahun lagi. Kalau 15 tahun hari ini, campur tujuh, dia baru berumur 22 tahun. Bermakna bakal-bakal yang akan mewakili negara hari ini masih di peringkat bangku sekolah.

Soalan saya hari ini, apakah usaha kementerian untuk mencungkil bakat-bakat baru di peringkat sekolah. Kalau kita boleh mendapatkan peruntukan khas sebanyak RM326,700 untuk kita berusaha menjadi tuan rumah, tapi mengapa tidak dimohon satu peruntukan khas untuk melatih murid-murid sekolah. Hari ini kita sebagai wakil-wakil rakyat kita rasa sedih kerana di peringkat Majlis Sukan Daerah (MSD), Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri (MSS), kalau kata di

Selangor, kemudian daripada peringkat negeri ada pula peringkat daerah. Bila kita tanya guru-guru yang mengendalikan sukan yang diberikan tugas sebagai jurulatih ataupun sebagai ketua kontinjen sukan-sukan di peringkat daerah ini kita rasa kesian kepada mereka, tidak ada peruntukan. Kalau adapun boleh jadi RM500.00. yang sudah tentu tidak cukup.

Kadang-kadang kita nak latih pasukan-pasukan tertentu di peringkat daerah, dia kena buat '*central training*' dengan peruntukan yang tidak ada. Maka mereka datang mengadu kepada wakil-wakil rakyat. Macam saya wakil rakyat, Yang Berhormat juga wakil rakyat pun faham. Saya jaga dua daerah. Kalau macam Kuala Selangor dia jaga satu daerah, senanglah. Saya jaga dua daerah. Nanti MSD Sabak Bernam minta dengan saya, MSS Kuala Selangor minta dengan saya dua daerah, kemudian sukan ni bukan satu sukan. Bola sepak saja bawah umur 15 tahun lain, bawah umur 18 tahun lain. Kemudian nanti, olahraganya lain, merentas desanya lain, bola balingnya, ragbinya berperingkat-peringkat umur. Kalau kata peruntukan wakil rakyat nak bagi satu sukan RM1,000, RM10,000 pun tak cukup.

Jadi kita kesian melihat guru-guru ini. Saya tanya kepada guru-guru, bagaimana cikgu mengendalikan sukan ini? Mengikut keupayaan katanya. Kadang-kadang minta dengan wakil rakyat, kalau tak ada minta sumbangan. Kalau macam di luar bandar di Tanjong Karang ni bukan sukar, bukan senang nak dapat sumbangan. Kalau di bandar mungkin korporat-korporat kita ada. Dulu pun kita ingat dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan pihak kementerian. Dulu kita masih ingat ada syarikat-syarikat tertentu mengambil sukan ini sebagai 'anak angkat'. Saya dah lupa, tapi telah diumumkan dahulu waktu Yang Berhormat Ghani Othman, kalau saya tak silap pada masa itu jadi Menteri Belia, dia buat satu majlis, satu syarikat yang besar ambil anak angkat satu sukan, satu anak syarikat yang besar dia ambil anak angkat satu sukan.

Jadi bermakna sukan-sukan tertentu dah ada bapa-bapa angkatnya. Apa jadi dengan bapa-bapa angkat ini yang telah bersetuju mengangkat sukan-sukan

tertentu. Oleh itu saya nak memberikan penekanan di sini bahawa yang penting ialah melatih generasi kita daripada kecil. Oleh itu saya mohon supaya kementerian harus memikirkan bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan dan juga terutamanya Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) bagaimana cara peruntukan ini dapat diagih supaya Kementerian Belia dan juga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dapat membantu dan memanjangkan peruntukan ini, bukan saja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat daerah. Kalau ini gagal kita buat, saya rasa sukar bagi kita untuk melahirkan jaguh-jaguh sukan.

Apa gunanya kita jadi tuan rumah, kalau akhirnya nanti kita tidak ada jaguh-jaguh kita yang boleh meraih pingat emas seperti yang kita kehendaki. Kalau itu berlaku kita rasa dukacita. Kita hanya berbangga menjadi tuan rumah tetapi bila diumumkan lagu Negaraku yang kita boleh dengar atau tidak sebab yang boleh nyanyi lagu Kebangsaan ini bila kita dapat pingat. Kalau kita tak pernah dapat pingat, masa bila kita nak dengar lagu Negaraku dinyanyikan berkumandang didalam stadium kita yang begitu indah. Oleh itu kita berharap bukan sahaja Kementerian memikirkan peruntukan khas untuk menjadi tuan rumah, tetapi peruntukan khas juga harus difikirkan dengan lebih banyak lagi supaya dapat membantu Majlis Sukan Sekolah-Sekolah ini kerana kita percaya cara yang paling baik untuk kita mencungkil bakat-bakat jaguh sukan ini ialah dengan melalui sekolah-sekolah yang mana sudah ada dia punya sistemnya. Jaringannya telah ada, tinggal kita mencungkil bakat-bakat ini.

Dengan kata-kata tersebut, saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tak bagi peluang pada Jelebu ya. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**4.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang

Berhormat bagi Teluk Intan, Kepong dan juga Tanjong Karang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Kepala B.17 ini. Untuk menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi Teluk Intan, saya ingin memberitahu bahawa daripada RM326,700 ini sebahagian besar adalah untuk mengadakan Majlis Pelancaran Penawaran Sukan Asia pada 3 Ogos di Renaissance Hotel, Kuala Lumpur oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebanyak RM300,000 dan juga termasuk aktiviti-aktiviti yang berikut yang ada kaitan dengan memperkenalkan negara kita kepada negara-negara Asia. Sebahagian RM26,700 ini adalah untuk mengadakan satu taklimat untuk duta-duta negara Asia yang ada di Kuala Lumpur untuk mendapatkan support, dengan izin.

Tuan Pengerusi, oleh kerana aktiviti-aktiviti untuk Sukan Asia 2006 iaitu untuk menawar diri menjadi tuan rumah Sukan Asia ke-15 pada tahun 2006, adalah satu aktiviti baru yang tidak dipohon semasa persediaan belanjawan tahun 1999, maka Kementerian Belia dan Sukan perlu memohon peruntukan tambahan sebanyak RM326,700 pada tahap ini untuk menampung aktiviti-aktiviti yang telah dirancang untuk penawaran Sukan Asia pada tahun 2006.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita sedia maklum, pemilihan rasmi oleh Olympic Council of Asia (OCA) akan dibuat dalam bulan Oktober 2000. Sungguhpun demikian penyertaan tawaran perlu dimulakan dari sekarang dari segi penyediaan dokumen-dokumen penawaran, kempen dan sebagainya memandangkan selain daripada Malaysia kita ada empat buah negara lagi

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tanya berapa buah lagilah yang ....

**Dato' Loke Yuen Yow:** Belum habis, jangan tanya dahulu. Sabar sedikit. Selain daripada Malaysia kita ada empat negara lain yang berminat untuk menawar diri sebagai tuan rumah Sukan Asia ke-15 pada tahun 2006 iaitu Qatar, Syria, India dan Hong Kong (China), jadi empat negara. Mereka pun telah juga menyatakan hasrat untuk turut menawarkan negara masing-masing sebagai tuan rumah.

Tuan Pengerusi, salah satu cara yang berkesan untuk memperkenalkan Malaysia kepada ahli-ahli OCA adalah dengan menjemput mereka datang ke Malaysia untuk melihat dengan sendiri kebolehan dan kemampuan kita untuk menjadi venue Sukan Asia pada tahun 2006 dan juga mengadakan pameran-pameran mengenai keupayaan kita semasa mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh OCA seperti semasa mesyuarat agung yang akan diadakan di Kuwait dalam bulan Oktober tahun ini. Jadi, ini semua kena membelanjakan duit. Salah satu kriteria penting pemilihan sebagai tuan rumah adalah sama ada penawaran yang dibuat oleh sesebuah negara mendapat sokongan rakyat sendiri dan juga kerajaan dan bagi tujuan ini Jawatankuasa Penawaran Sukan Asia yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah mengenal pasti beberapa aktiviti sokongan rakyat bermula dengan perancangan logo dan maskot pada 3 Ogos termasuk pelancaran Kempen Berjalan Untuk Negara. Semua aktiviti ini adalah untuk menyokong kerajaan menawar diri sebagai tuan rumah Sukan Asia ke-15.

Tuan Pengerusi, untuk menjawab....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Kepong, belum jawab lagi. Jadi.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya hendak minta penjelasan sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak memberi maklumat yang lebih lengkap – kurang lengkap, samar-samar sahaja. Apakah peluang kita di dalam penawaran Sukan Asia ini dan bagaimana pihak Malaysia dapat mengelakkan masalah penyelewengan di dalam Olympic Council (OC) ini sebab soalan-soalan ini memang timbul dan kalau kita hendak rakyat Malaysia sokong kita mesti memberitahu kepada rakyat bagaimana kita dapat membersihkan cara pemilihan untuk tawaran ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat bagi Kepong ini sabar sedikit. Tadi saya jawab soalan Yang Berhormat bagi Teluk

Intan, belum jawab soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat sendiri. Saya tahu tadi Yang Berhormat tanya masalah-masalah yang mungkin kita hadapi apabila kita menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah. Baiklah saya jawab soalan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan masalah-masalah yang mungkin dihadapi apabila kita menawarkan diri sebagai tuan rumah. Masalah-masalah yang dikatakan oleh Yang Berhormat seperti masalah rasuah, seperti apa yang telah berlaku apabila sesebuah negara menawar diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik.

Saya ingin memberitahu Yang Berhormat, kita tahu bahawa sekiranya kita hendak menawarkan diri sebagai tuan rumah Sukan Asia atau apa-apa juga temasya sukan, kita akan menghadapi pelbagai masalah. Kita tahu bahawa negara kita sebagai sebuah negara yang dihormati oleh dunia, kita akan menjalankan tugas kita dengan menawarkan diri dan mematuhi segala garis panduan yang digariskan oleh Olympic Council Malaysia. Kita tidak akan menjalankan aktiviti-aktiviti rasuah, kita tidak akan memberi duit kepada sesiapa. Kita akan menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat seperti yang saya katakan – menjemput mereka datang ke Malaysia, mengadakan pameran-pameran dan juga dengan kejayaan kita mengadakan Temasya Sukan Komanwel baru-baru ini, kita tahu bahawa negara-negara lain pun mempunyai keyakinan bahawa kita akan dapat mengadakan Sukan Asia dengan sebaik-baiknya. Kita mempunyai infrastruktur yang terbaik sekali di dunia, yang baru, kita mempunyai kemampuan, pengalaman untuk mengadakan Sukan Asia. Kalau kita dapat mengadakan Temasya Sukan Komanwel dengan begitu baik, tentu kita boleh mengadakan Sukan Asia dengan baik.

Jadi, Yang Berhormat tanya bolehkah kita berjaya menjadi tuan rumah Sukan Asia ke-15 ini. Di sini saya tidak dapat memberitahu bahawa kita seratus peratus kita boleh menjadi tuan rumah tetapi kita berkeyakinan besar bahawa kita akan berjaya kerana kita nampak keempat-empat negara yang berhasrat ini – Qatar, Syria, India dan Hong Kong. India telah mengadakan Sukan Asia beberapa

kali, Syria dan Qatar, mereka pun ingin menjadi tuan rumah tetapi kita telah katakan kita ingin menjadi tuan rumah untuk Sukan Olimpik pada tahun 1008. Jadi, China pun hendak jadi tuan rumah Sukan Olimpik pada tahun 2008, jadi kita ingin berbincang dengan mereka bahawa kemungkinan kita menjadi tuan rumah Sukan Olimpik itu tidak begitu besar tetapi kita harap kalau kita tidak dapat menjadi tuan rumah untuk Sukan Olimpik pada tahun 2008, sekurang-kurangnya kita diberikan peluang untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia pada tahun 2006. Jadi, kita berkeyakinan besar bahawa kita akan berjaya, sekiranya parti-parti pembangkang menyokong, jangan kacau-kacau lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan akaun yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Di sini saya ingin mengatakan bahawa akaun ini bukan akaun di bawah kementerian. Akaun ini adalah akaun di bawah satu syarikat swasta (private company) – Syarikat Sukom Ninety-Eight. Jadi, kita tahu bahawa kementerian mempunyai tanggungjawab juga untuk memastikan bahawa akaun ini boleh disiap dengan cepat dan ditutup kemudian dan diumumkan. Sekarang ini kita di dalam proses menutup akaun itu, jangan bimbang, sabar sedikit – dalam proses menutup akaun ini dan kementerian telah pun melantik pentadbir untuk menguruskan segala hal mengenai Syarikat Sukom Ninety-Eight dan ini sedang mengaudit segala hal yang ada kaitan dengan isu-isu kewangan. Jadi, ini akan diumumkan apabila akaun itu ditutup.

Berkenaan dengan acara-acara sukan yang mana negara kita adalah lemah, macam mana kita menjadi tuan rumah. Macam mana kita akan dapat memenangi banyak pingat emas, mungkin. Ini satu masalah. Seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri kita – baiklah kita hendak menjadi tuan rumah untuk temasya-temasya sukan terbesar di dunia tetapi sekiranya tahap etlet sukan kita tidak baik, kita tidak akan dapat memenangi pingat-pingat emas yang cukup banyak, kita pun malu, bukan? Kita pun tahu.

Jadi, dengan ini kita telah dengan kejayaan kita mengadakan Sukan Komanwel baru-baru ini dan dan kita juga telah menetapkan satu matlamat

bahawa kita ingin memenangi beberapa pingat emas di Sukan SEA yang akan datang di Brunei dan juga Sukan SEA yang akan datang pada tahun 2001 di mana Kuala Lumpur menjadi tuan rumah. Kita telah menetapkan matlamat untuk etlet-etlet kita mencapai.

Dengan ini Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan, selain daripada berusaha untuk mendapatkan hak menjadi tuan rumah, kementerian saya ini telah pun menyediakan program-program untuk etlet, ini pun juga diaturkan. Satu perancangan jangka panjang dari tahun 1999 hingga 2006 telah disediakan. Anggaran perbelanjaan ialah berjumlah RM614 juta yang meliputi belanja mengambil jurulatih dalam dan juga luar negeri, latihan-latihan, membeli kelengkapan dan juga membina infrastruktur latihan kalau masih memerlukan, mengadakan pertandingan ataupun mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa dan juga seperti apa yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, kita pun telah berusaha untuk memastikan bahawa pembangunan sukan di peringkat sekolah dapat dijalankan dengan lengkap dan baik tetapi semua anggaran ini akan dibawa ke Kementerian Kewangan untuk pertimbangan. Kita yakin kementerian yang berkenaan akan meluluskan khasnya daripada satu akaun iaitu Akaun Amanah Sukan Negara.

Jadi Tuan Pengerusi, dengan usaha-usaha yang saya katakan ini, bukan sahaja kita hendak menjadi tuan rumah, kita juga akan berusaha mengambil langkah untuk memastikan bahawa tahap etlet-etlet kita ini mempunyai cukup kebolehan untuk memenangi sebanyak mungkin pingat emas.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah di atas kesedaran pihak kementerian untuk membantu sekolah ataupun Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah ini untuk membangunkan sukan di peringkat sekolah.

Saya ingin mendapatkan penjelasan tambahan, bagaimana pula dengan persatuan sukan, kerana persatuan sukan hari ini kita sedia maklum terletak terus di bawah kementerian iaitu di bawah Suruhanjaya Sukan yang telah kita luluskan dahulu di bawah Akta Pembangunan Sukan. Kerana kita dapati hari ini persatuan

sukan ini juga bermasalah, bukan sahaja bermasalah dari segi kepimpinan yang kita selalu tengok, dengar, baca surat khabar. Selalu kecoh – Presiden KOAM hari itu pun marah juga, banyak persatuan-persatuan kecoh.

Di samping itu juga bukan sahaja masalah dalaman tetapi masalah kewangan yang kita lihat juga dalam persatuan sukan ini mereka terpaksa berdikari sendiri. Kadang-kadang tidak ada peruntukan. Macam saya jadi Pengerusi Persatuan Sepak Takraw Daerah Kuala Selangor. Kita kena berdikari, langsung tidak ada. Saudara saya Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga dia jadi presiden satu persatuan sukan, saya sudah lupa nama sukannya, pun sama. Dia beritahu saya kena cari sendiri duit untuk menghidupkan persatuan sukan. Jadi, bagaimana usaha kita untuk membantu persatuan sukan ini dari segi mengatasi masalah dalaman dan juga masalah kewangan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Saya bersetuju bahawa Kementerian Belia dan Sukan kena memberi lebih perhatian kepada persatuan-persatuan sukan kerana merekalah yang menjadi pusat ataupun penubuhan yang bertanggungjawab untuk melatih atlit-atlit mereka.

Jadi, MSN telah menjalankan tugas ini, selalu berbincang dengan mereka, mengadakan seminar dengan mereka seperti yang apa yang baru berlaku iaitu mengadakan seminar dengan Persatuan Bola Sepak, mengapa tahap mereka menurun. Jadi, semua tugas ini sedang dijalankan oleh MSN dan Kementerian Belia dan Sukan memberi peruntukan beratus-ratus ribu ringgit, hampir RM1 juta setahun bagi satu-satu persatuan untuk menjalankan latihan. Ada yang lebih daripada RM1 juta setahun untuk persatuan menjalankan latihan-latihan mereka.

Jadi, semua ini kalau kita masuk, kita nampak investment yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha kita untuk menaikkan tahap persaingan sukan kita adalah amat besar dan kita harap investment ini, dengan izin, dapat memberi hasil yang baik.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Loke Yuen Yow:** ... Jadi, ini terpulanglah kepada atlit-atlit yang berkenaan, terpulang kepada jurulatih-jurulatih berkenaan dan juga pemimpin-pemimpin persatuan yang berkenaan. Jadi, sekarang ini kita ada satu Akta Pembangunan Sukan yang mana kita boleh menggunakan akta itu untuk campur tangan dalam sesuatu persatuan sekiranya persatuan itu tidak dapat menghasilkan apa yang diharapkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Jelebu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga tertarik dengan persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi, melalui pengalaman yang ada kita sebenarnya memang berhasrat untuk membantu kerajaan di dalam usaha untuk memperkayakan pelbagai jenis sukan untuk rakyat. Tetapi yang peliknya walaupun Suruhajaya Sukan telah pun diwujudkan tetapi masalah untuk melicinkan pengurusan, umpamanya masalah pendaftaran persatuan sukan mengambil masa yang cukup lama.

Saya nyatakan sebagai Pengerusi Skuasy Negeri Sembilan, sampai hari ini persatuan itu masih lagi dalam peringkat 'protém', belum diluluskan walaupun saya telah mengemukakan surat yang agak lama dan di samping itu kita juga telah mendapat kelulusan sementara daripada pihak Skuasy Malaysia (SREM) untuk beraktiviti dan beberapa program telah pun kita bawa untuk melatih remaja sekolah di dalam sukan skuasy ini. Tuanku Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan pun berangkat tetapi apakah sebenarnya pada pandangan kementerian? Terdapat segelintir pegawai yang tidak langsung mengambil tahu perkara ini, walaupun telah dijemput untuk hadir dan memberikan galakan kepada persatuan-persatuan sebegini tetapi akhirnya tiada sokongan yang diberikan kepada kami selaku penggerak kepada persatuan-persatuan sukan ini.

Jadi, saya ingin bertanya apakah usaha kerajaan khususnya kementerian dan Suruhanjaya Sukan ini untuk menggalakkan persatuan-persatuan ini tumbuh mengikut sistem yang dibenarkan dan dapat bergerak, berusaha untuk memperkayakan golongan remaja yang berminat dan juga yang berkebolehan di dalam setiap sukan yang mereka ceburi. Terima kasih.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Pengerusi, saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga masyarakat kita tahu bahawa Kementerian Belia dan Sukan dalam tahun-tahun yang lepas ini telah berusaha kuat untuk menyelesaikan segala masalah yang sedia ada termasuk pendaftaran persatuan-persatuan, masalah atlit, masalah persatuan dalaman dan juga lain-lain lagilah.

Jadi, oleh kerana itulah kita membentangkan satu akta di sini yang telah diluluskan iaitu Akta Pembangunan Sukan. Apabila Akta Pembangunan Sukan itu telah diluluskan, kita mengambil alih daripada Registrar of Society dan Kementerian Belia dan Sukan ini menjalankan tugas untuk meluluskan ataupun membatalkan pendaftaran persatuan-persatuan sukan. Ini dapat kita tahu dan dalam jangka panjang akan dapat melicinkan pendaftaran persatuan-persatuan sukan dan kita dapat control persatuan-persatuan itu dengan lebih berkesan.

Jadi, pada tahap yang baru kemungkinan kita mempunyai sedikit masalah seperti masalah kakitangan dan sebagainya kerana dalam tempoh mengambil alih. Sekarang ini kita ada Suruhanjaya Sukan dan kita tahu kemungkinan ada masalah-masalah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Kita telah mengadakan seminar-seminar di seluruh negara di peringkat kebangsaan, peringkat negeri untuk menerangkan macam mana persatuan-persatuan sukan dapat mendaftarkan diri.

Jadi, kemungkinan masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu adalah satu masalah individu, saya harap .....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Dato' Loke Yuen Yow:** ..... ini dikemukakan kepada saya dan saya akan mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah itu. Sebahagian masalah adalah

disebabkan kita tetapi sebahagian masalah adalah disebabkan persatuan sendiri yang mana mereka tidak dapat memberi dokumen-dokumen yang cukup sempurna.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Jelebu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, sebenarnya apabila satu Majlis Dialog Bersama Dengan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, kira-kira dua bulan yang lalu di mana saya bersama rakan-rakan daripada Majlis Belia Negeri Sembilan telah datang berjumpa dan berdialog dengan Yang Berhormat Menteri, beliau cukup bangga dengan pencapaian persatuan belia yang ada di Negeri Sembilan dan usaha untuk kita memperbanyakkan aktiviti sukan.

Sebab itulah saya mengangkat satu permohonan untuk membantu dan memaklumkan bahawa Persatuan Skuasy Negeri Sembilan ini di dalam usaha untuk mendidik dan melatih pelajar-pelajar sekolah rendah yang berumur antara 10 tahun ke-12 tahun, untuk kita latih dengan usaha sendiri. Mencari jurulatih-jurulatih, pesara-pesara daripada tentera dan sebagainya dan kita programkan keseluruhan sekolah-sekolah yang berada di Seremban dan juga Negeri Sembilan ini. Kita latih mereka dan kita telah mempunyai lebih kurang 100 orang pelajar-pelajar yang bersedia untuk main dan kita jalankan latihan ini. Tetapi masalahnya sehingga sekarang ini masih belum diluluskan persatuan ini secara rasminya. Barangkali pegawai merasa marah kerana saya mengangkat sesuatu permohonan ini kepada Yang Berhormat Menteri, di dalam masa yang sama kita telah mengemukakan permohonan ini kepada pihak Suruhanjaya.

Jadi, saya minta bukan perkara ini kita tidak bawa kepada kementerian, kita bawa kepada Yang Berhormat Menteri untuk melaporkan bahawa program kita sepanjang tahun adalah untuk melatih remaja dalam sukan skuasy ini. Jadi, saya minta penjelasan sedikit. Di samping itu, apakah Majlis Sukan Negeri (MSN) berperanan untuk memajukan persatuan-persatuan yang ada di negeri-negeri yang berkenaan dan sepatutnya apakah galakan yang harus diberikan kepada persatuan-persatuan ini apabila sesuatu sukan yang hendak kita majukan di negeri itu

mendapat response ataupun layanan daripada pihak Majlis Sukan Negeri itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Pengerusi, masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh pegawai-pegawai saya daripada Kementerian Belia dan Sukan supaya kita dapat menyelesaikan masalah Yang Berhormat ini dengan secepat mungkin.

Berkenaan dengan peranan MSN adalah amat baik, kalau boleh saya katakan kerana sekarang ini kita telah menjalankan tugas yang begitu banyak, memasuki ke dalam persatuan-persatuan sukan untuk memahami masalah mereka, untuk memberi peruntukan-peruntukan yang diminta, untuk memilih jurulatih-jurulatih dari luar negeri dan sebagainya.

Jadi, peranan MSN itu saya boleh katakan menjalankan tugas yang amat baik. Kecuali kita kena meminta kerjasama lebih daripada Kementerian Pendidikan dan juga sekolah-sekolah yang mana kita menghadapi masalah untuk menggalakkan anak-anak kita mengambil bahagian dalam sukan, berlatih dengan lebih kuat dan sebagainya. Jadi, itu satu budaya (culture) yang kita kena tanam.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang atas cadangan-cadangan beliau yang konstruktif bahawa semuanya akan diberi perhatian.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak sedikit penjelasan yang belum .....

**Dato' Loke Yuen Yow:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis jawabkah?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sudah habiskah? Dia beri. Saya hendak tanya satu soalan sahaja mengenai kedudukan 'bapa angkat' kepada sukan-sukan

tertentu, adakah ianya masih diteruskan ataupun telah habis begitu sahaja? Bapa-bapa angkat kepada sukan-sukan tertentu, dahulu ada.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Rakan Sukan. Program ini masih diteruskan tetapi memandangkan .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ia bukan Rakan Sukan. *[Disampuk]* 'Corporate Sponsore', begitulah.

**Dato' Loke Yuen Yow:** 'Corporate Sponsore'lah, okay. Program ini akan diteruskan tetapi memandangkan bahawa ekonomi negara kita ini kurang baik, kita menghadapi masalah sedikit tetapi kita akan berusaha untuk meneruskan program ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM326,700 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM326,700 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

#### **Maksud B.18 [Jadual]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas sekarang. Balik Pulau.

#### **4.29 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.18 amaun sebanyak RM80 juta telah diperuntukkan untuk Skim Pembelian Getah (SPG) dan di dalam Butiran yang dibentangkan di sini kerana saya inginkan penjelasan, dia kata untuk jangka masa 'roll over' selama enam bulan.

Yang pertamanya, saya ingin memohon penjelasan dari kementerian tentang takrif jangka masa roll over selama enam bulan ini. Apakah roll over yang dimaksudkan itu dan kenapakah angka enam bulan itu digunakan.

Tuan Pengerusi, kita amat bersetuju dengan skim ini kerana memandangkan kejatuhan harga getah yang agak ketara pada tahun 1999 dan kita tahu bahawa struktur pengeluaran dalam negara kita ini untuk getah banyak pekebun-pekebun kecil yang terlibat dengan kejatuhan harga ini dalam keadaan sekarang akan menjejaskan pendapatan mereka. Oleh sebab INRO tidak berjaya melalui buffer stock managernya untuk menangani ataupun menstabilkan harga getah maka Malaysia telah membuat keputusan yang betul untuk keluar daripada INRO bersama dengan Thailand dan melaksanakan skim kita sendiri. Kita amat bersetuju dengan pertambahan permohonan RM80 juta ini untuk tujuan yang tersebut, kerana kita lihat pada keseluruhannya harga-harga komoditi telah jatuh pada tahun 1999 bukan sahaja getah tetapi juga kelapa sawit, minyak sawit mentah juga telah jatuh, kerana tahun 1999 harga-harga komoditi keseluruhannya telah jatuh.

Kalau kita lihat misalnya harga minyak sawit mentah pun kalau dalam US Dollar telah berada pada paras yang jauh lebih rendah daripada sebelum krisis ekonomi bermula. Pada ketika itu harga dalam RM1,200 satu tan, sekarang sudah RM1,200 lebih sedikit satu tan tetapi pada kadar tukaran RM3.80 dahulu RM1,200 pada kadar tukaran lebih kurang RM2.50.

Jadi, soalan saya sebenarnya ialah kita hendak beli pada farm gate price yang tertentu yang lebih tinggi daripada apa yang ditawarkan oleh pasaran untuk menjamin pendapatan minimum kepada pekebun kecil. Selepas itu kita hendak buat apa dengan stok ataupun yang kita kumpulkan itu. Pada mulanya saya ingat kita hendak kumpulkan stok ini dan selepas itu kita hendak menguruskan stockpile dengan kita main dalam pasaran hadapan ataupun futures getah dunia.

Jadi, kalau kita hendak buat macam itu saya rasa kita tidak boleh reveal banyak mana duit kita hendak pakai untuk buat tujuan itu. Kalau kita cakap pada

signal pada pasaran bahawa negara kita menyediakan jumlah wang sekian banyak, jadi pemain-pemain dalam pasaran ini dia tahu kemampuan negara kita, banyak mana getah dia hendak beli. Jadi, ini mungkin ada sedikit menjejaskan dari segi strategi yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan. Tetapi pada masa yang sama Parlimen kena meluluskanlah – kalau banyak mana duit pun Parlimen kena luluskan barulah kementerian boleh mengeluarkan duit.

Jadi, saya faham delema itu tetapi penjelasan yang kita minta ialah oleh sebab sekarang kita sudah signal kepada market, saya yakin mulai daripada hari ini semua orang tahu Singapura commodity exchange, siapakah di Singapura ataupun di pasaran getah dunia lain akan tahu Malaysia telah memperuntukkan RM80 juta untuk tujuan ini. Jadi, soalannya ialah kalau boleh kementerian menjelaskan mekanisme yang hendak digunakan oleh kementerian untuk jangka masa yang pertengahan, bukan sekarang – yang sekarang untuk menjamin pendapatan pekebun kecil yang minimum dan selepas itu kita hendak buat apa dengan stockpile ini. Macam mana kita hendak menguruskan stockpile ini untuk menjamin bahawa pergerakan harga getah dan juga harga komoditi pada keseluruhannya adalah pada tahap yang stabil. Soalan ini saya rasa bukan satu masalah yang baru, malah daripada dahulu lagi masalah dalam semua komoditi ialah harganya tidak stabil. Adakala ia naik kita untung dan adakala ia turun kita rugi.

Jadi, konsep buffer stock manager, konsep stockpile commodity untuk menstabilkan harga ini adalah satu konsep yang telah lama dilaksanakan di merata dunia, tetapi skim pembelian getah ini bila kita dapat stockpile nya apakah yang kita hendak buat sebenarnya dengan stok yang kita ada. Adakah negara kita Malaysia dengan Thailand hendak menjadi satu pemain dalam pasaran ini ataupun kita hendak simpan semata-mata sumbangan kerajaan untuk menimbulkan permintaan yang dapat dijadikan sebahagian permintaan agregat dalam pasaran dunia dan sekali gus menjaga supaya harga tidak jatuh pada paras yang tertentu. Walaupun selepas kita sudah beri RM80 juta ini, kementerian beli getah RM80 juta,

selepas itu ada stok jadikan aset kerajaan. Nanti hendak melupuskan aset itu kena datang ke Dewan ini, maka jadi tidak efisien. Penjelasan yang saya mohon ialah tentang mekanisme yang hendak digunakan untuk menstabilkan harga melalui skim ini pada jangka masa selepas kita sudah laksanakan.

Pada umumnya, saya amat bersetuju bahawa skim ini patut diadakan kerana harga getah telah jatuh sedikit. Jadi, kita kena tolong pekebun-pekebun kecil dan keluarga mereka yang terlibat dalam usaha getah ini. Jadi, soalan yang berikutnya ialah nanti Yang Berhormat kena jaga banyak komoditi, getah, kelapa sawit, nanas, tembakau, nanti industri komoditi yang lain itu – kelapa sawit pun sekarang sudah RM1,100 tetapi masih menguntungkan. Jadi, precedent penglibatan kerajaan dalam usaha penstabilan harga getah adakah ia akan menimbulkan keperluan yang sama untuk menstabilkan harga-harga komoditi yang lain yang di bawah kawalan kementerian seperti kelapa sawit, minyak sawit mentah, nanas, lada hitam dan lain-lain komoditi yang di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kuala Nerus.

**4.36 ptg.**

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud B.18, Kementerian Perusahaan Utama. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana dapat melaksanakan skim pemulihan getah SPG untuk jangka masa yang agak pendek. Satu persoalan yang ditimbulkan di peringkat bawah adalah mengatakan bahawa skim yang dibuat ini tidak banyak membantu, kerana jabatan yang terlibat, MARDEC umpamanya tidaklah secara langsung mengawal ataupun secara langsung terlibat di dalam menguruskan pengusaha-pengusaha ataupun pekebun-pekebun kecil getah. Ada pendapat mengatakan bahawa lebih baik RISDA yang mengambil alih SPG ini, kerana RISDA lah selama ini yang mengawal pekebun-pekebun kecil getah baik tanam semula

berkelompok (TSB) ataupun mini estet dan skim-skim tanam semula yang lain. Ini bermakna bahawa satu skim yang agak menyeluruh perlu dikaji semula.

Ada beberapa pandangan soal SPG ini di mana kalau kita lihat pada waktu ini getah yang dihasilkan oleh negara kita, kalau dahulu kita mengeluarkan tiga jenis utama bahan mentah getah ini iaitu RSS, SMR dan Latex. Daripada angka-angka yang ditunjukkan ada terdapat sedikit pengimportan latex yang terpaksa menampung kekurangan latex yang diperlukan oleh industri-industri yang melibatkan seperti rubber gloves dan produk-produk yang berkaitan.

Di dalam usaha-usaha kerajaan terhadap SPG ini sememangnya kita tahu bahawa untuk kita menyelenggarakan ataupun untuk mengadakan maintenance kepada latex memanglah susah, sebab latex memerlukan preservative ataupun bahan yang boleh kita simpan begitu lama. Dari segi maintenance juga dan dari segi transportation dan sebagainya sememangnya latex ini satu produk yang susah untuk kita jaga. Walau bagaimanapun, satu pendekatan yang sewajarnya perlu kita fikir cara manakah supaya kita tidak mengimport sesuatu barang yang datangnya daripada satu sumber yang serupa tetapi dalam bentuk yang agak berlainan.

Saya masih teringat kepada suatu waktu dahulu negara kita pernah mengeluarkan satu jenis getah yang tidak dapat satu jenis produk yang tidak dikeluarkan oleh negara lain iaitu oil extended natural rubber (OENR) yang hanya sesuai untuk dieksport kepada negara-negara sejuk yang mempunyai salji (snow). Oil extended natural rubber ini yang dikeluarkan oleh Malaysia pada waktu itu mendapat sambutan yang begitu baik. Tetapi setelah satu masa yang agak lama barangkali OENR ini tidak lagi dikeluarkan kerana tidak ada industri-industri yang berjaya menghasilkannya.

Di dalam bidang getah ini saya fikir kementerian perlu mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk menghasilkan produk-produk baru getah, kerana sumber yang kita hasilkan ini tidak akan dapat digunakan secara sepenuhnya tanpa research and development yang begitu baik. Saya masih ingat di dalam Dewan ini pernah diberi jawapan dan pernah dilontarkan untuk dicadangkan mengadakan

rubber city yang satu waktu dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga bersetuju dengan pandangan ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian setakat mana rancangan rubber city ini telah dilaksanakan dan apakah secara praktikalnya ataupun secara rancangan yang begitu precise yang telah dibuat oleh kementerian ke arah menjayakan penubuhan rubber city ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Serdang.

**4.43 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama di mana minta permohonan tambahan RM80 juta untuk menjalankan skim khas pembelian getah.

Tuan Pengerusi, kejatuhan harga getah baru-baru ini telah menjejaskan kehidupan rakyat terutama sekali pekebun-pekebun kecil. Jadi, dengan demikian kerajaan memang peka dan prihatin terhadap kesusahan dan kejatuhan harga getah di negara kita ini, maka tindakan diambil untuk melancarkan skim khas pembelian getah untuk mengurangkan kesan kejatuhan harga getah ini. Saya menganggap bahawa skim ini memerlukan satu langkah yang sewajarnya untuk mempertahankan harga lebih stabil untuk pekebun-pekebun kecil akan datang.

Tuan Pengerusi, harga getah negara kita tidak boleh mengatasi kepada pasaran antarabangsa itu, kerana walaupun negara kita sebagai pengeluar getah yang ketiga terbesar di dunia, tetapi oleh kerana harga getah ini masih dikawal oleh pasaran antarabangsa, adakah pihak kerajaan melalui kementerian berusaha cara mana untuk mendapat kerjasama daripada pengeluar getah yang terbesar seperti Thailand, Indonesia dan negara-negara lain untuk mempertahankan dan untuk mengawal harga getah pada masa-masa akan datang. Rancangan atau skim dan langkah yang diambil daripada pengeluar getah yang terbesar di dunia ini mungkin akan boleh mencegah atau mempertahankan harga getah pada yang sepatutnya.

Tuan Pengerusi, saya masih menganggapkan mereka tidak boleh mampu untuk mempengaruhi kedudukan harga getah di peringkat pasaran antarabangsa jika tidak dapat kerjasama daripada pengeluar getah yang terbesar di dunia. Jadi, saya minta penjelasan, apakah langkah konkrit kerajaan akan ambil untuk diusahakan bagi mendapat kerjasama dari negara pengeluar getah yang terbesar di dunia supaya akan memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil di negara kita. Saya juga minta penjelasan daripada kementerian bahawa peranan yang dimainkan oleh negara kita yang aktif dalam persatuan negara-negara pengeluar getah asli bagi mempertahankan kepentingan industri getah di pasaran antarabangsa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya kemukakan soalan ini penting di mana langkah-langkah kerajaan diambil untuk mencegah atau mengurangkan kesan kejatuhan harga getah pada ketika ini supaya pekebun-pekebun kecil getah di negara kita akan mendapat faedah melalui langkah yang diambil oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Teluk Intan.

**4.46 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Dari mula-mula Malaysia merdeka, sumbangan pekerja-pekerja ladang getah adalah satu perkara yang sangat mustahak. Tetapi hari ini bila Yang Berhormat Menteri tersebut membawa satu peruntukan sebanyak RM80 juta, saya rasa hairan kerana saya rasa satu 'kosong' di sana telah hilang. Saya berkata sedemikian sekurang-kurangnya RM1 bilion yang diperlukan dalam masa keadaan yang serius ini.

Tuan Pengerusi, di Malaysia sekarang lebih kurang 400,000 orang ada kena mengena dengan kejatuhan harga getah yang melanda dengan serius seramai 400,000 orang, jangan kata berapa dalam keluarga lagi. Dan saya hairan bahawa kerajaan pada masa sekarang hanya membawa satu skim untuk menolong pihak-pihak yang terkena atau yang telah disusahkan atas kejatuhan harga getah.

Saya bersetuju bahawa mereka pun perlu ditolong tetapi apakah rasional bila kerajaan boleh menolong lebih kurang hanya 1,400 orang atau korporat dan

kerajaan telah menubuhkan satu dana harta untuk membeli harta yang telah dibeli lebih kurang RM40 bilion, sedangkan tulang belakang kepada kemakmuran negara ini adalah penoreh getah.

Apakah sebab hanya sebanyak RM80 juta, ini adalah sejumlah wang, satu tabung, satu ganjaran yang sangat memalukan pekerja-pekerja di negara ini. Kita tidak boleh lupa sumbangan mereka, Menteri ini sendiri telah menyatakan lebih kurang enam bulan dahulu bahawa dia sedang mengambil tindakan yang tegas untuk mengelak kejatuhan harga getah, apa yang dia telah buat mengenai hal ini? *[Y.B Berus menggeling-gelengkan kepala]* Goncang kepala tidak cukup! Ini mahu terus terang, jangan datang ke Dewan ini, goncang kepala harap dapat kita bersabar hati.

Kita mahu tahu menteri ini tidak berapa serius dalam kerjanya. *[Ketawa]* Ini RM80 juta mana cukup? Kalau kerajaan boleh biayai lebih kurang RM60 bilion untuk 1,400 orang sahaja atau syarikat di negara ini, apakah rasional, mana boleh kita melihat rakyat yang susah kebuluran, ini sampai sekarang tidak ada satu pekerja yang akan dapat benefit terus menerus dengan skim ini.

Yang Berhormat Menteri jangan lupa di kawasan menteri sendiri ada berapa ribu orang yang saya telah berjumpa dan berkata kepada mereka, bila mereka di atas, di bawah, di depan, di belakang pokok, sudah beritahu, jangan lupa, ini lagi menghinakan mereka dan dapat peruntukan hanya untuk satu golongan masyarakat yang RM80 juta ini adakah ia akan menguntungkan orang-orang penoreh-penoreh getah yang terus --sudah tentu tidak, 400,000 orang ini makin lama makin dihina, tidak dipedulikan oleh menteri ini. Saya ada kempen di kawasan beliau, tak habis-habis.

Tuan Pengerusi, harga .....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Mesti mari, lain kali you mungkin tak akan duduk di sini pun, ha jangan lupa! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, apakah sudah jadi kepada stok getah-getah di negara ini? Menteri selalu dalam TV, radio dan surat khabar bercakap macam-macam, macam dia sudah buat semua untuk mengelak kesusahan pekerja-pekerja ladang, tetapi tidak dapat dinafikan pekerja-pekerja ladang sampai hari ini bukan sahaja susah, lagi teruk setiap hari ke setiap hari.

**Seorang Ahli:** Lagi!

**Tuan M. Kulasegaran:** Banyak lagi. *[Ketawa]* Kalau berani tolong berdiri dan tanya soalan, penjelasan. Saya berani, tak tahu duduk dan dengar.

**Seorang Ahli:** Nanti Yang Berhormat sakit jantung.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, jadi nampaknya kerajaan ini tidak berapa serius. Yang betul adalah oleh kerana ramai di antara pekerja-pekerja ladang ini yang betul-betul susah dalam turunnya harga ini, di kawasan saya sendiri di mana, jangan kata Beruas malah banyak pekerja di Beruas lagi teruk, tetapi menteri ini dia tidak tahu.

Jadi, yang mustahak adalah macam mana kerajaan berhajat untuk menolong mereka supaya dalam suasana yang serius ini mereka dapat menikmati apa yang diperlukan, yang mereka perlu adalah wang tunai, sekurang-kurangnya .....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, okay, okay.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, ini Kementerian Perusahaan Utama, bukan Kementerian Sumber Manusia. Tolong concentrate dalam komoditi, alright!

**Tuan M. Kulasegaran:** Lebih dari itu, Yang Berhormat Menteri, yang mustahak bukan setakat RM80 juta ini bukan dia boleh hadkan sahaja kepada orang-orang yang betul-betul hendak memberi benefit, mereka tidak terima, yang itu mustahak, bukankah itu konsep kerajaan. Kalau hendak mengelak menjawab soalan itu senang, itulah cara Yang Berhormat Menteri ini. Yang mustahak adalah dia boleh kata orang belakang pokok apa dia buat, tak tahu dia kerja, depan pokok

saya tahu. Ini senang, sampai sekarang belum dengan hati yang tulus minta maaf kepada masyarakat yang berkenaan. Ingat ini senang kita boleh lupa, tak boleh, pada satu masa kita akan beri apa yang perlu.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberitahu bila harga getah jatuh, dari RM1.40 dan di kampung-kampung scrap rubber hanya dibeli dengan 0.60 sen satu kilo, macam mana kerajaan dapat menolong mereka terus – macam mana?

Saya tahu bila RM80 juta, ini adalah Yang Berhormat Menteri, bolehkah dia memberi satu guarantee bahawa semua wang ini akan disalurkan kepada orang-orang yang betul-betul perlu, supaya sebarang masalah dapat dielakkan.

Kita tidak boleh lupa apa yang telah dibuat oleh RISDA, sebelum ini RISDA sudah dua tahun replanting punya duit sudah lenyap, apa sudah jadi, berjuta-juta wang yang disimpan oleh RISDA, mungkin RM80 juta ini pun akan disalurkan kepada RISDA. Apa telah jadi kepada wang-wang ini.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ha, Ketua RISDA ada.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Kerana nampaknya Teluk Intan telah membuat satu tohmahan, tuduhan yang melulu, saya ingin penjelasan yang dikatakan 'dilenyapkan' itu, bolehkah dia justifykan dan saya cabar dia tolong beri maklumat dan buat laporan dan kita akan siasat. Tetapi kalau laporan itu bohong, saya harap Yang Berhormat tolong bertanggungjawab dalam hal ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** Kawan-kawan Yang Berhormat Menteri tolong juga ya. Ha, kawan. Saya kawan pekerja sahaja. Kuala Pilah, saya hendak beritahu. RISDA tidak menunaikan dalam dua tahun ini replanting, kenapa replanting punya wang tidak diberi? Apa jadi kepada wang ses, apa terjadi? Inilah yang saya timbulkan, itu yang pertama.

Yang kedua, saya difahamkan wang berjuta-juta ringgit telah digunakan untuk beberapa golf course di mana semua telah hanyut, adakah ini benar? Adakah Kuala Pilah boleh mengatakan bukan sedemikian?

Jadi, saya khuatirlah ini menteri mungkin tak tahu. Dia angguk di sana, angguk di sini, saya khuatir dan saya takut bila membuat kelulusan mungkin you beri duit ini kepada RISDA, tidak ada akauntabiliti dan transparency. Saya tahu ....

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, saya gulung.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dia ini marah sayakah atau marah siapa ini? Saya pun tidak tahu!

**Tuan M. Kulasegaran:** Kalau boleh saya hendak gulungkan menteri ini, tetapi tidak boleh buat sementara ini.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, saya tak tahu dia marah siapa, dia tengok sana, dia tengok sini. *[Ketawa]* Saya pun tak tahu dia marah siapa?

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, itu fasal you goncang you punya kepala sini, sana.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dia marah KPU ataupun marah RISDA ataupun siapa?

**Tuan M. Kulasegaran:** Pakai cermin mata.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Amboi, saya boleh nampak terang. Ini apa yang mahu nampak dia.

**Tuan M. Kulasegaran:** Dah tak boleh nampak. Tak apalah, tak apalah.

**Seorang Ahli:** Tidak boleh nampak, hitam sangat!

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini mungkin dia sengaja hendak buta, kita tidak boleh elak.

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta gulunglah, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, jadi macam inilah, yang mustahak adalah kerajaan lebih perlu berusaha mendapat lebih wang, kita tidak ada bantahan, saya rasa ini adalah satu perkara yang baik, tetapi saya rasa yang kementerian tanya hanya RM80 juta sahaja, saya menderitalah, saya rasa bukan sahaja itu, saya rasa kita perlu satu sistem di mana betul-betul wang ini boleh sampai kepada pihak-pihak yang kita ingini kerana RISDA telah gagal dengan teruk, ini tidak boleh dinafikan, bolehkah Yang Berhormat boleh mengatakan dalam dua tahun ini replanting masih dijalankan dengan wang-wang dari RISDA. Adakah subsidi dan sebagainya untuk setiap ekar RM1,000 lebih tidak diberi, mana wang ini?

**Seorang Ahli:** Itu kementerian lain.

**Tuan M. Kulasegaran:** Wang ini kepunyaan rakyat, menteri ini tak perlu dengar sana, dengan sini, tengok di sini dan tengok di sana buat apa?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Jadi, inilah dia tidak konsentrasi, Tuan Pengerusi, ini masalah dia.

**Seorang Ahli:** Salah kementerianlah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, RISDA – Rural Development.

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup, ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya akan berucap lagi sekali – Committee Stage.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, Kuala Pilah.

**4.57 ptg.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya terpanggil juga untuk berbahas dalam Dewan ini apabila kita membahaskan Anggaran Belanjawan Mengurus (Tamb.)(Bil.2) Kementerian Perusahaan Utama dalam Maksud B.18.

Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian dan juga khususnya kehadiran Yang Berhormat Menteriya sendiri hadir di Dewan yang mulia ini, menunjukkan bertanggungjawab. *[Tepuk]*

Kepada Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan, saya ingin menyatakan di sini, Dewan ini kita boleh berbahas. Nampaknya Teluk Intan seolah-olah menampakkan beliau sungguh berminat dalam perkara ini tetapi hendaklah betul-betul telus dan bertanggungjawab dalam mengeluarkan kata-kata di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, kita mengetahui bahawa Kementerian Perusahaan Utama ini adalah bertanggungjawab kepada produk-produk yang terlibat, bukan Kementerian Perusahaan Utama sahaja, malahan ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang bertanggungjawab berkenaan tanam semula khususnya RISDA.

Dalam perkara ini saya hendak jawab dahululah, beri pandangan bahawa apa yang dibangkitkan oleh Teluk Intan sebentar tadi. Beliau bertanya sama ada dalam tempoh dua tahun ini RISDA masih lagi menjalankan bantuan tanam semula. Jawabnya senang sahaja, Tuan Pengerusi, RISDA masih lagi bertanggungjawab menjalankan aktiviti tanam semula buat tahun 1998, 1999 kerana keadaan kewangan kita jatuh, kita masih berkeupayaan membuat anggaran 20,000 hektar setahun.

Kalau dahulunya kita membuat tanam semula lebih kurang 30,000 hektar, tetapi kerana keadaan kesuntukan kewangan, kerajaan tidak ada pilihan, itu saya sudah jawab.

Yang kedua, segala tohmahan dan tuduhan Teluk Intan mengatakan kita melesapkan duit itu adalah satu tuduhan yang cukup tidak bertanggungjawab. Saya hendakkan beliau tolong buat laporan polis ataupun buat satu kenyataan di luar dan ini adalah satu tuduhan yang tidak betul-betul telus dan tidak ada berasas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Ini kenapa Kepong bangun ini? Saya masih berucap di sini, Peraturan Mesyuarat kita ada. Duduk dahulu!

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Saya tidak beri jalan dahulu, beri saya bercakap dahulu.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat Kepong.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Yang Berhormat, saya hormatkan Yang Berhormat, kita patuh kepada Peraturan Mesyuarat, tolong duduk dahulu. Lepas ini saya akan beri peluang.

Tuan Pengerusi, dalam hal pengendalian wang ses saya hendak sebut, saya dengan tulus ikhlas mencabar juga Yang Berhormat bagi Teluk Intan, kita terbuka bahawa kutipan ses ini lebih kurang 9 sen lebih satu kilo dan kita kutip dahulu itu tidak mencukupi keperluan tanam semula dan kalau dahulu kita mulakan dengan RM800, sekarang ini bantuan atau subsidi itu kita beri lebih kurang RM6,000 satu hektar. Kita sekarang ada mempunyai lebih kurang 80,000 hektar permohonan daripada 12,000 ke-15,000 pemohon dan kalau hendak memenuhi semua, perlukan empat atau lima tahun. Dalam hal ini, kalau kita hanya berkeupayaan 20,000 hektar setahun, perlukan empat atau lima tahun ke belakang.

Oleh itu kalau sekiranya ada pemohon yang masih lama tidak dapat, saya hendak jelaskan di Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, 80% daripada penanam semula getah ini terdiri daripada kumpulan orang Melayu di luar-luar bandar yang memiliki lebih kurang dua atau tiga hektar sahaja, malahan 20% bangsa asing atau selain daripada bumiputera ini memiliki tanah lebih kurang 100 ekar seorang. Sudah itu, peruntukan yang diberi daripada kerajaan ini, kalau katakan RM100 juta setahun, yang 20% ini akan menikmati RM50 juta kerana sungguhpun dia tidak ramai tetapi jumlah besar. Maka, kadangkala kita beri priority supaya

diagihkan kepada 80% orang ramai yang mempunyai dua atau tiga ekar tadi diberi priority. Itulah sebabnya kalau ada pihak-pihak .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Nanti dahululah Kepong, nanti saya beri peluang, jangan ganggu saya, tolong duduk dahulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak ganggu – Peraturan Mesyuarat 36(1).

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Peraturan apa itu?

**Tuan Pengerusi:** Ya, 36(1), ada apa itu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, dia mesti menuju kepada tajuk di hadapan kita sahaja, dengan SPG nya, bukan untuk RISDA, RISDA B.48, ada lagi, ada banyak peluang lagi, minggu depan!

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Duduk dahulu, duduk dahulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekarang dia berlagak sebagai seorang menteri,

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Menteri kata okay.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak jawab bagi pihak Yang Berhormat bagi Beruas tetapi ini bukan tanggungjawab Beruas – RISDA. Ini bukan Yang Berhormat bagi Beruas punya tanggungjawab.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, saya kata Yang Berhormat bagi Kepong, duduk dahulu. [*Ketawa*][*Disampuk*]

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, orang ini tidak tahu!

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, minta itu orang dari belakang, minta belakang dia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tadi saya sudah beritahu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Atas pokok, ini tidak tahu kerja punya. Chenderoh lawan Chenderoh ini!.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kita mesti adil kepada Yang Berhormat bagi Beruas.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk, duduk!

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Saya minta Yang Berhormat bagi Kepong, duduk dahulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat bagi Chenderoh itu tidak begitu sopan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Sila, sila.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Kepong ini, sungguhpun sudah lama, veteran di dalam Dewan ini masih lagi tidak tahu peraturannya, minta maaf, kesihan saya tengok dia tetapi yang saya jawab tadi ekoran daripada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan dan wajar saya response.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya pergi kepada tajuk yang saya cakap sekarang. Tuan Pengerusi, harga getah sekarang ini memang jatuh dan kita sedia maklum perkara ini kita tidak boleh salahkan kerajaan. Jatuhnya harga getah kerana supply and demand. Keadaan yang sekarang ini kita tahu, negara kita bukan lagi sebuah negara pengeluar terbesar getah ekoran daripada persaingan hebat daripada synthetic rubber, dengan izin. Justeru itu, apabila kita keluar daripada INRO, ini satu langkah yang baik dibuat oleh kerajaan untuk mengelakkan kita tidak terkongkong daripada badan itu.

Walau bagaimanapun, dukacita menampakkan harga getah masih jatuh tetapi di atas kepekaan dan keprihatinan kementerian, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah memperuntukkan jumlah yang begitu besar iaitu buat sementara waktu diberi tanggungjawab ini kepada MARDEC dan di sini Tuan Pengerusi, saya harap kementerian membuat satu kajian lebih terperinci dengan tujuan yang begitu baik dan mulia tadi untuk mengelakkan harga getah lagi jatuh sama ada dengan adanya suntikan kewangan

yang begitu banyak, mencapai sasaran kepada kumpulan yang masih memerlukan bantuan itu.

Di sini Tuan Pengerusi, saya dapat maklumat balas bahawa dengan adanya bantuan sedemikian rupa pun tidak sampai ke sasaran. So, dalam perkara ini saya rasa saya hendak sentuh juga pandangan daripada Yang Berhormat bagi Teluk Intan tadi tidak sepatutnyalah dipersalahkan kerajaan kerana perkara ini melambangkan bahawa kerajaan berusaha hendak membantu tetapi permasalahan yang menyebabkan harga getah jatuh kerana keadaan komoditi itu yang tidak mempunyai satu force dan purchasing power untuk menaikkan atau meningkatkan harga getah. Perkara ini bukan dialami oleh Malaysia sahaja malahan seluruh negara yang mengeluarkan getah seperti Thailand dan Indonesia.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak MARDEC membuat satu kajian lebih terperinci supaya duit ataupun wang yang begitu banyak kita peruntukkan sampai ke sasarannya iaitu kepada kumpulan yang betul-betul menghadapi permasalahan tentang tekanan harga getah yang terus jatuh terutama sekali kumpulan-kumpulan di sebelah Kedah seperti Baling, Sik dan sebagainya yang nampaknya mereka ini bergantung kepada pendapatan getah.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kangar.

**5.06 ptg.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi, apabila saya mendengar rakan dari Teluk Intan bercakap, berhujah berkenaan ladang saya teringat juga dan ingin sentuh tentang ladang dan juga tentang kelapa sawit untuk kegunaan di negara India.

Tuan Pengerusi, umumnya kita dapat maklum bahawa harga pasaran minyak kelapa sawit sekarang sedang menurun, bukan kerana permintaan yang kurang tetapi oleh kerana pengeluarannya telah meningkat. Ini terbukti jika dilihat harga pasaran minyak kelapa sawit yang pada suatu masa dahulu telah mencapai harga US\$750 satu tan metrik tetapi kini telah menurun kepada kadar kira-kira

US\$335 satu tan metrik. Di samping itu juga, Indonesia turut bersaing hebat berikutan dengan pengurangan cukai eksport yang dibuat permintaan oleh pihak Indonesia di mana minyak kelapa sawit negara itu cukai eksportnya diturunkan daripada 40% kepada 10%.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Hei, Kangar sedikit. Ini kelapa sawit dengan getah ini banyak jauh ini. Yang Berhormat menghujahkan mengenai kelapa sawit – kelapa sawit dan getah ini banyak jauh. *[Ketawa]* Apa ada kena mengena dengan getah ini?

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Terima kasih, sama ada tertidur ataupun bermimpi tadi. Saya katakan fasal ladang, kelapa sawit pun ladang, getah pun ladang, kelapa sawit pun kebun, getah pun kebun. Jadi, oleh kerana ini Kementerian Perusahaan Utama adalah merupakan sumber pendapatan bagi negara, suka saya sentuh sedikit memandangkan kita dapati bahawa persaingan yang didapati antara Malaysia dan Indonesia. Di samping itu juga, didapati negara kita menghadapi persaingan minyak kelapa sawit dengan minyak kacang soya di mana di Amerika, apabila minyak kacang soya harganya turun kepada US\$460 satu tan metrik, didapati petani-petannya diberi subsidi. Jadi, kalau keadaan ini berterusan di negara kita, bererti kita akan mendapat himpunan minyak kelapa sawit yang semakin bertambah dari masa ke semasa.

Jadi, dalam soal ini kita dapati bahawa India merupakan pengguna yang terbesar dan terkemuka dan didapati pada tahun ini sahaja India mengimport kira-kira 1.6 juta tan metrik minyak kelapa sawit dan dijangka meningkat sehingga 2 juta tan. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengakui apa yang saya sebut dan di samping itu juga masalah dari pembeli minyak kelapa sawit di India.

Jadi, di sini suka saya memohon pertimbangan kepada Kementerian Perusahaan Utama mencari jalan supaya, dengan izin, Palm Oil Credit Payment Arrangement ini diperluaskan ke India untuk memudahkan pembeli-pembeli dari

India terus membeli minyak kelapa sawit negara kita, kalau tidak kita dapati bahawa minyak kelapa sawit kita akan berlebihan dan kita akan kurang pendapatan.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja pandangan dan permintaan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong, selepas itu Menteri menjawab.

### **5.11 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya akan pendekkan kerana Yang Berhormat bagi Kangar itu di luar daripada Maksud B.18.

Tuan Pengerusi, dengan pendeknya saya hendak menanya apakah jumlah sebenarnya untuk Skim Pembelian Getah ini, saya ingat bukan RM80 juta sahaja, ada lebih daripada RM80 juta dan bagaimana wang ini dapat disampaikan kepada sasaran, itu penting. Di sini saya hendak mengatakan syabas kepada Yang Berhormat bagi Beruas kerana daripada pagi lagi dia tunggu di sini untuk menjawab. Itu satu sikap yang baik.

Mengenai RISDA, saya sudah beritahu rakan saya ini tidak ada kena-mena dengan Yang Berhormat bagi Beruas dan pada satu ketika Yang Berhormat bagi Beruas pun ada membidas RISDA dengan keras. Saya ingat, sehingga timbul masalah di antara Kementerian Perusahaan Utama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan saya harap dia tidak akan membidas rakan saya lagi. *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, di sini sebelum saya akhiri ucapan saya, selain daripada hendak mengetahui apakah jumlah yang akan diberi kepada SPG bahkan juga saya hendak menanya bagaimana Yang Berhormat dapat menyelaraskan di antara kementeriannya dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana getah ini memang 70% daripada pekebun-pekebun kecil dan sekarang kita pun ada projek-projek untuk menjadikan 800 mini estet dan juga 1,700 ladang-ladang besar dan sebagainya. Ini bermakna RISDA mengambil alih tugas kementerian dan ini ada bertindih-tindih.

Saya pun tidak begitu fahamlah bagaimana pihak kementerian dapat menguruskan semua hal getah, walhal RISDA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar menguruskan ladang-ladang besar dan Yang Berhormat bagi Beruas pun menguruskan ladang-ladang besar juga. Bagaimana kita boleh bertindih-tindih sedemikian, ini saya hanya hendak tolong dia sahaja kerana kita tidak boleh menyelesaikan masalah. Kita pun sudah keluar daripada INRO dan sebagainya, saya berharap dapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat Beruas mengapa dikeluarkan daripada INRO, adakah ini kena-mengena dengan harga getah.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Menteri menjawab ya.

**5.14 ptg.**

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara, cadangan, nasihat dan kekacauan pun ada, yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama semasa membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di dalam Jawatankuasa.

Pertama, saya suka untuk memberi penjelasan atas dasar dan matlamat skim ini dahulu dan kemudian saya cuba menjawab satu demi satu pandangan-pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat secara individu.

Saya ingin memberi penjelasan mengenai Skim Pembelian Getah (SPG) dan matlamat kerana terdapat sedikit salah faham di kalangan sini dan banyak salah faham di kalangan situ. *[Ketawa]* Sedikit saja di sini, banyak di sana. Matlamat utama skim ini ialah untuk menjamin saluran pasaran kepada pekebun kecil persendirian dalam keadaan di mana pasaran getah mula tertekan.

Kementerian saya mendapat maklumat bahawa terdapat di kalangan pekebun kecil di kawasan-kawasan tertentu khasnya di dalam kawasan-kawasan pedalaman di luar bandar tidak dapat menjual getah mereka. Dalam keadaan itu

perkara utama yang kerajaan perlu atasi ialah bukan sahaja mengatasi masalah kurang pendapatan tetapi juga tidak ada pendapatan langsung di kalangan pekebun kecil di kawasan-kawasan berkenaan. Skim ini juga bukan merupakan satu subsidi, ini bukan subsidi oleh kerana harga beliannya adalah berpandukan kepada harga pasaran semasa antarabangsa. Apa-apa kenaikan harga yang dirasai adalah disebabkan pihak kerajaan tidak mengambil kira faktor diskaun yang biasanya terdapat dalam keadaan pasaran lemah.

Kalau bahasa saya Yang Berhormat bagi Teluk Intan tidak faham, saya cakup lebih senang lagi [*Disampuk*] ialah dalam keadaan pasaran yang lemah pembeli-pembeli menekankan penjual-penjual dengan menawarkan kepada mereka harga dengan diskaun. Sudah rendah, lagi mahu rendah lagi. Itulah tidak mengambil kira diskaun. Faham atau tidak faham? [*Disampuk*] Dan dengan itu apabila kerajaan masuk untuk membeli dengan apa yang sebenarnya pekebun kecil dapat di dalam ladang ialah harga 'farm gate' tanpa diskaun dan dengan itu, tentulah kalau pembeli-pembeli bersaing dengan pembeli yang mewakili kerajaan tentu mereka tidak tekankan harga lagi dan memberikan kepada pekebun kecil dengan harga yang berpatutan yang menuju kepada harga di pasaran antarabangsa. Fahamkah atau tidak faham? [*Ketawa*] Terima kasih. Kalau faham tidak payah jelaskan lagi.

Mengenai harga yang ditawarkan pula ia mengambil kira pelbagai faktor kos. Buat masa ini harga yang ditawarkan ialah RM1.40 sekilogram pada kandungan getah kering atau 'dry rubber content' 100% dan jika kandungan getah tidak berapa kering, tetapi dalam kandungan 50%, kita berikan mereka 0.73 sen sekilogram ialah 50% dari harga yang ditawarkan jika mempunyai kandungan 100%. Boleh faham?

**Tuan M. Kulasegaran:** Sendiri syok.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Okay, sebahagian besar getah yang dijual oleh pekebun kecil mempunyai Kandungan Getah Kering (KGK) 50%. Namun begitu, pada keseluruhannya getah yang dikeluarkan oleh pekebun kecil

mempunyai KGK di antara 40% sehingga 60%. Oleh itu bagi getah skrap yang mempunyai KGK 40%, harga basah yang ditawarkan ialah 50 sen sekilogram. Manakala yang mempunyai KGK 60%, harganya ialah 88 sen sekilogram dikira daripada tawaran RM1.40 sekilogram pada kandungan getah kering KGK 100%.

Dengan demikian, perbezaan harga akan berlaku mengikut keadaan KGK dan juga kualiti. Memang tidak dapat dinafikan bahawa akan terdapat perbezaan kualiti dan KGK di antara keluaran pekebun-pekebun kecil. Kita hanya membeli getah skrap sahaja, tidak beli getah latex atau getah RSS1 atau SMR.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Saya ingin bertanya dan ingin mendapatkan penjelasan. Biasanya Dry Rubber Content (DRC) yang ditentukan adalah di kilang dan apa yang berlaku adalah pihak yang membeli getah itu bukanlah pihak kilang. Orang tengah yang membeli getah dan pada waktu berlakunya transaksi jual beli itu tidak ada satu penentuan DRC.

Jadi, yang menjadi masalah pada hari ini seperti di Terengganu, MARDEC umpamanya hanya ada satu MARDEC iaitu di Kuala Berang. Dan apa akan terjadi kepada pekebun kecil yang tinggal berjauhan dengan Pusat MARDEC? Yang jual kepada MARDEC adalah penjual-penjual berlesen ataupun tauke-tauke ataupun orang tengah yang telah mengaut keuntungan daripada pekebun kecil getah. Inilah masalah yang timbul.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Jika ada wakil MARDEC yang main-main dengan harga itu, sila laporkan kepada pegawai LGM yang mana kita akan mengambil tindakan disiplin ke atas wakil itu. Wakil itu sepatutnya kena berikan kepada pekebun kecil apa yang bukan diwartakan, yang diumumkan oleh MARDEC pada hari-hari.

Semenjak skim ini dilaksanakan kerajaan telah berjaya .....

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** .....memastikan bahawa pekebun kecil sentiasa dapat menjual hasil keluaran mereka, di samping itu kerajaan juga telah

berjaya memberi harga ladang yang berpatutan berdasarkan arah aliran pasaran semasa. Buat masa ini walaupun harga getah di pasaran antarabangsa berada di tahap yang lebih rendah berbanding dengan pada bulan Mei 1999 iaitu apabila skim ini dimulakan, kerajaan masih menawarkan harga RM1.46 sen sekilogram KGK 100%.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Pengerusi, saya suka tanya Yang Berhormat Menteri yang kita kasihi Kabinet telah meluluskan harga getah baru dan menteri sendiri telah bercakap banyak dalam surat khabar harga-harga baru tetapi orang kampung saya dok tanya. Macam mana hendak balik dan jawab esok?

**Seorang Ahli:** Bila.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sila tanya lagi. Yang akhirnya, saya tidak dengar. *[Disampuk]*

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Pengerusi, Kabinet telah meluluskan peruntukan untuk memberi taman harga getah di kampung-kampung dan menteri pun telah banyak bercakap mengenai harga baru getah-getah di kampung ini. Tetapi kalau saya balik minggu ini, orang kampung tanya, bilakah kedai-kedai akan membeli dengan harga baru yang memberi semangat sebagaimana yang menteri janjikan itu. Okay.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Harga kita umumkan ialah sejak satu bulan kebelakangan ini. Kita sudah tawarkan RM1.46 sen sekilogram kepada getah skrap yang mengandungi 100%. Tetapi kalau kampung ini tidak dapat harga daripada pembeli-pembeli di kawasan mereka dan beritahu kepada pegawai LGM dan kita akan memanggil wakil MARDEC untuk pergi ke sana membeli daripada mereka dengan harga yang disebutkan pada tiap-tiap hari. Itulah kita bersaing dengan pembeli dari swasta yang selalu meningkatkan harga ladang atau harga 'farm gate'.

Saya ingin juga menjelaskan bahawa Malaysia secara persendirian tidak akan mampu untuk mempengaruhi kedudukan harga di peringkat antarabangsa memandangkan kita hanya merupakan pengeluar ketiga terbesar selepas negara Thailand dan Indonesia. Oleh itu kerjasama di antara pengeluar utama tersebut adalah penting dan dalam usaha untuk mengatasi isu harga getah dalam jangka masa panjang kita telah pun mempunyai persefahaman dengan negara Thailand. Satu memorandum persefahaman akan ditandatangani tidak lama lagi supaya kerjasama ini menjadi lebih bermakna.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Balik Pulau yang sebenarnya tahu berkenaan pasaran getah di pasaran antarabangsa. Beliau sebutkan jangan beritahu berapa yang dapat tetapi dalam Dewan yang mulia ini kalau mahu minta RM80 juta kita kena tanya di Dewan yang mulia ini. Tetapi sebagai untuk menjelaskan 'roll over', jangka masa 'roll over' enam bulan dimasukkan peruntukan untuk menampung faktor diskaun dalam tempoh enam bulan.

Ini adalah dengan andaian bahawa harga getah akan pulih dalam masa enam bulan dan stok akan dijual cuma apabila harga getah naik ke tahap yang memuaskan dan peruntukan RM80 juta, dengan izin, 'is not the end of the case'. Kalau apa yang kita tawarkan dan sudah habis RM80 juta, saya akan balik ke dalam Dewan yang mulia ini untuk minta tambahan apa yang diperlukan lagi untuk mendapatkan harga 'farm gate' yang berpatutan kepada pekebun-pekebun kecil dan stok berkumpul macam mana kita menjualnya nanti.

Satu, kita akan adakan satu pakatan dengan negara Thailand di mana di peringkat menteri mereka dan menteri yang bertanggungjawab di Malaysia akan berbincang dengan rapat macam mana yang pertama kita akan membeli stok itu? Apa yang dibeli dan berapa yang dibeli dan inilah sebagai strategi. Maafilah, tidak boleh orang cakap ketelusan, transparency ini, selalu dia orang cakap transparency. Kalau ini transparence semua orang tahu, orang akan ketuk kita sehingga getah jatuh. Ini transparency dia mahulah. *[Ketawa]* Dia langsung

tidak tahu apa transparency. Kadang-kadang kita kena sebagai strategi, kena rahsiakan sedikitlah dan dengan itu macam mana kita menjual stok dari Malaysia dan negara Thailand dan dalam jenis getah apa dan jual kepada sesiapa. Kita akan bincang sebagai strategi untuk sedikit sebanyak mempengaruhi harga getah di dalam pasaran antarabangsa.

Tuan Pengerusi, beberapa masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Nerus ingat RISDA lebih baik, tetapi saya ingat MARDEC lebih baiklah. Tetapi dia ada fikiran, barangkali dia dekat dengan RISDA tetapi inilah saya tunjukkan kepada Yang Berhormat bagi Teluk Intan, dia tanya RISDA. Pengerusi RISDA jawab, dia punya kawan kacau – apa you jawab RISDA. Ingat saya tidak marah orang belakang, mesti marah orang depankah? Belakang kena marah punlah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, .....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ..... ini orang yang dia tahu selalu dia bangkit sehingga .....

**Tuan Pengerusi:** Sudah habiskah masa. Sekarang kita sudah sampainya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya mahu habis lagi satu hari kena mari, banyak susah, sudah tiga hari. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, beri saya lima minit saya habiskan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia orang suka Yang Berhormat datang, ya. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Okaylah, terima kasih. Saya datang esok lagi. *[Ketawa]*

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pada hari Isnin jam 10.00 pagi.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.**

*Lampiran*

19 Julai 1999

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,  
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N.,  
S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S.  
(Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’  
Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A.,  
D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J.,  
S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim  
Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo  
Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri  
Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala  
Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji  
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)

- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah  
: Riduan bin Rahmat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan  
: Rosnani binti Ahmad  
: Noor Effarizan binti Mat Satib  
: Nurziana binti Ismail
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PARLIMEN KESEMBILAN****PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KEDUA**

<b>Jilid V</b>	<b>Bil. 28</b>	<b>Khamis</b>	<b>22 Julai 1999</b>
----------------	----------------	---------------	----------------------

**K A N D U N G A N****PERMASHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat – Penambahan Hari (Ruangan 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)1999. (Ruangan 27)

**Jawatankuasa:****Jadual-**

Maksud B.4, B.7, dan B.8 (Ruangan 39)

Maksud B.17 (Ruangan 100)

Maksud B.18. (Ruangan 119)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)1999. (Ruangan 27)

**Jawatankuasa:**

Maksud P.7 dan P.8 (Ruangan 39)

Maksud P.14 dan P.16 (Ruangan 75)